

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Khamis

26 April 2012

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *YB Tuan Khoo Soo Seang* (Halaman 30)

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 61)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 26 April 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Tuan Yang di-Pertua (Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Maijol bin Mahap** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah aduan yang diterima dan berapakah tindakan yang diambil di bawah *Whistleblower Act* 2010 sejak diperkenalkan pada penghujung tahun 2010.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap di atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta 711 bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar iaitu apa-apa kelakuan yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib atau jenayah dalam sektor awam dan swasta.

Akta ini mengadakan peruntukan yang memberi perlindungan kepada orang yang membuat pendedahan termasuklah perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah dan perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan. Selain daripada itu, akta ini mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat. Akta 711 dilaksanakan oleh tujuh agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penguatkuasa Jalan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Mengikut rekod kesemua tujuh agensi penguatkuasaan ini, bilangan pendedahan yang telah dibuat di bawah Akta 711 adalah sebanyak 1,690 sepanjang tahun 2011 dan 1,100 untuk tempoh 1 Januari 2012 sehingga 31 Mac 2012 menjadikan jumlah keseluruhannya 2,790 pendedahan. Daripada jumlah ini, 32 orang telah diberikan perlindungan di bawah Akta 711 dengan mengambil kira kesesuaian pemakaian peruntukan Akta 711 terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat.

Secara keseluruhannya, walaupun bilangan individu yang akhirnya diberikan perlindungan di bawah Akta 711 ini tidak besar, bilangan pendedahan yang dibuat menunjukkan bahawa pelaksanaan ini telah mula memberikan kesan dan mendapat perhatian serta sokongan daripada orang ramai. Usaha akan diteruskan untuk memastikan bahawa pelaksanaan akta ini akan terus mendapat sokongan daripada orang ramai pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Datuk Majid Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Liew Vui Keong di atas jawapan yang baik. Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini kita mempunyai rejim undang-undang ataupun peruntukan undang-undang yang begitu lengkap sekali. Diucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana pada masa ini kita mempunyai undang-undang yang cukup iaitu *Whistleblower Act 2010*, *Capital Markets and Services Act 2007* dan juga *Companies Act 1965*. Semuanya ini mengandungi peruntukan mengenai dengan *whistle blowing*. Kalau di *Capital Markets and Services Act 2007* ini, kalau seseorang *auditor* itu mendapati bahawa ada salah laku pegawai-pegawai syarikat itu, maka *auditor* itu haruslah *whistle blow* ataupun memaklumkan pihak yang berkenaan. Demikian juga peruntukan dalam Akta Syarikat pun demikian juga. *Auditor* syarikat harus memaklumkan pendaftar syarikat kalau didapati salah laku ataupun *whistle blow* kepada pendaftar syarikat.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa masih ada kelemahan dalam pelaksanaan ataupun implementasi undang-undang tersebut kerana ini didapati bahawa CPI kita pada ketika ini sudah pun menurun, *perception index* telah pun jatuh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya Yang Berhormat?

Datuk Majid Mahap: Soalnya Tuan Yang di-Pertua ialah kenapakah walaupun undang-undang kita mencukupi, rejim kita mencukupi tetapi nampaknya CPI kita kekal pada tahap yang dahulu iaitu jika tahun 2010, kita di tangga 56 tetapi pada tahun 2011 di tangga 60, di mana semakin lama semakin jatuh, demikian juga di dalam *corporate* pun kita mempunyai kerugian, MAS, Proton, Sime Darby dan sebagainya. Apakah lagi yang harus kita lakukan untuk meningkatkan lagi prestasi negara yang lebih baik. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap di atas soalan tambahan ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator di atas pernyataan bahawa negara kita ini ada undang-undang yang telah pun lengkap untuk memberikan perlindungan kepada mereka yang memberikan maklumat mengenai seseorang yang telah pun melakukan tindakan yang tidak wajar dan juga tindakan-tindakan seperti rasuah dan sebagainya.

■1010

Akan tetapi, akta ini telah pun memberikan perlindungan kepada mereka dan dalam proses..., kita perlu Tuan Yang di-Pertua, memberikan sesuatu sikap, rakyat perlu mengadakan satu sikap yang mana sekiranya ada sesuatu kelakuan, kita perlu memberikan maklumat kepada pihak agensi penguat kuasa. So, pada setakat ini sejak akta ini telah pun diperkenalkan pada tahun 2010, kerajaan telah pun mengadakan banyak *roadshow*, kurang lebih ada 51 *roadshow* sejak 30 September 2010 sehinggalah pada hari ini dan berterusan sehingga bulan Mei. Yang mana tujuan *roadshow* ini ialah untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai wujudnya akta ini untuk melindungi mereka yang memberi maklumat mengenai sesuatu kelakuan yang tidak wajar.

Jadi, saya rasa dalam perkara ini kita mestilah memberikan galakan kepada mereka yang ada maklumat yang sensitif kepada pihak penguat kuasa untuk menjalankan siasatan. Jadi, buat setakat ini, ramai juga yang datang memberi maklumat dan menghilangkan kelayakan perlindungan kerana kadangkala kita mendapati mereka yang datang untuk memberi maklumat, mereka telah pun kadangkala memaklumkan kepada rakan mereka ataupun kadangkala memaklumkan kepada isteri ataupun suami ataupun memberikan maklumat itu di internet ataupun di *blog*. Apabila mereka membuat sedemikian Tuan Yang di-Pertua, daripada akta ini mereka boleh menghilangkan perlindungan terutama sekali kepada mereka yang telah pun membuat *press conference* atau *press statement*. Apabila mereka telah pun meng*identified*kan identiti mereka, di situlah yang mana perlindungan itu akan terbatal. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. pertanyaan tambahan saya ialah daripada 2,790 aduan sejak tahun 2011 dan sehingga 31 Mac 2012, berapakah kes yang berjaya didakwa di mahkamah dan berapa pula kes yang telah dijatuhkan hukuman? Keduanya, daripada jumlah aduan tersebut, 2,790, adakah terdapat aduan-aduan yang merupakan tidak lengkap, palsu ataupun berunsur fitnah. Bagaimanakah kerajaan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan sedemikian? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Mengenai kes-kes yang telah pun dibawakan ke mahkamah daripada jumlah aduan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak ada statistik pada setakat ini. Saya akan mendapatkan statistik itu daripada pegawai sebentar lagi dan memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator.

Mengenai jumlah aduan yang tidak lengkap, seperti yang saya katakan tadi, daripada akta perlindungan ini di bawah seksyen 11, sekiranya pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar yang didedahkan, dia akan hilang perlindungan dan juga pemberi maklumat dengan sengaja membuat pendedahan dalam perlakuan tidak wajar itu suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar, itu akan menghilangkan perlindungan.

Akan tetapi pada masa yang sama, sekiranya mereka membuat makluman yang palsu kepada pihak agensi penguat kuasa, jadi tindakan daripada undang-undang boleh diambil terhadap mereka. Jadi, ini adalah untuk memastikan bahawa mereka yang datang memberikan maklumat ini adalah yang sah, yang bukan hanya memfitnah seseorang sahaja. Tindakan ini akan memberikan tindakan undang-undang kepada mereka yang memberi maklumat yang palsu ataupun fitnah.

2. **Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tempatan menyatakan, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk membendung harga hartanah di seluruh negara yang melambung tanpa had.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam bertarikh 26 April 2012, hari Khamis, nombor 54, sekali gus dengan pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut kerana membangkitkan isu yang sama iaitu harga rumah:

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, bertarikh 8 Mei 2012, soalan nombor 51;
- (ii) Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, bertarikh 9 Mei 2012, hari Rabu, soalan nombor 18;
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, bertarikh 10 Mei 2012, hari Khamis, soalan nombor 6; dan,
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, bertarikh 10 Mei 2012, hari Khamis, soalan nombor 10.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini harga hartanah tidak melambung di seluruh negara tetapi hanya tertumpu pada kawasan-kawasan perbandaran utama sahaja. Menurut statistik kementerian, secara purata peningkatan harga rumah di seluruh negara dari tahun 2000 sehingga tahun 2010 adalah sebanyak 33%. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengadakan satu undang-undang khusus bagi mengawal harga rumah kerana harga rumah ditentukan sendiri oleh faktor pasaran ataupun *market focus*. Kerajaan hanya menetapkan harga siling bagi Rumah Kos Rendah (RKR) sahaja diparas bagi harga di Semenanjung RM42,000 seunit dan bagi Sabah dan Sarawak, RM50,400.

Ini selaras dengan keadaan ekonomi Malaysia yang mengamalkan ekonomi bebas atau *free market*, dengan izin, walaupun tiada akta khusus bagi mengawal kenaikan harga rumah, kerajaan masih boleh melaksanakan pelbagai mekanisme kawalan agar kenaikan harga rumah adalah pada kadar yang munasabah dan tidak menjejaskan ekonomi rakyat secara keseluruhan. Sehubungan dengannya, tiada keperluan buat masa ini untuk ditubuhkan jawatankuasa khusus bagi menentukan harga-harga rumah dan juga rumah kedai di negara ini. Pihak kerajaan sentiasa prihatin terhadap isu ini dan telah melaksanakan pelbagai mekanisme bagi mengawal harga rumah di seluruh negara seperti berikut:

- (i) Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Mulai tahun 2012, kerajaan telah meningkatkan kadar CKHT ataupun *Real Property Gain Tax* (RPGT) daripada 5% pada 10% bagi harta tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada dua tahun. Bagi harta tanah yang dilupuskan di antara tiga tahun sehingga lima tahun pula, kadar CKHT dikekalkan 5% dan tiada CKHT dikenakan bagi harta tanah dilupuskan melebihi lima tahun.

Kenaikan CKHT ini adalah merupakan langkah kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah mulai tekanan pada aktiviti spekulator;

- (ii) nisbah pembayaran perumahan. Melalui mekanisme ini nisbah pembiayaan dan pembelian rumah ketiga adalah ditetapkan pada kadar 70% sahaja oleh Bank Negara Malaysia. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator kerana mereka perlu mendahulukan 30% daripada kos harga rumah dengan wang mereka sendiri; dan
- (iii) Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA). Kerajaan telah melancarkan PR1MA yang berkonsepkan *public-private partnership* (3P) dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana, pendapatan isi rumah melebihi daripada RM7,500 sebulan, mampu untuk memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan di antara RM150,000 sehingga RM300,000. Harga jualan rumah PR1MA adalah lebih murah berbanding dengan harga pasaran kerana pelbagai langkah-langkah pengurusan khusus untuk memastikan harga berpatutan telah diambil oleh kerajaan semasa perancangan projek PR1MA seperti penyediaan subsidi daripada pembangunan komersial, pembelian tanah pada harga nominal dan juga perbadanan infrastruktur utama.

Dalam usaha kerajaan membantu meringankan beban golongan rakyat yang berpendapatan rendah, khususnya di kawasan bandar untuk memiliki rumah, kementerian juga telah dan sedang membina projek perumahan-perumahan rakyat (PPR) di seluruh negara.

■1020

Sehingga 31 Disember 2011, kerajaan telah menyiapkan 85 projek PPR yang melibatkan 54,215 unit untuk disewa atau dimiliki di seluruh negara khususnya di kawasan bandar. Lanjutan daripada itu, kementerian juga akan membina sebanyak 38,950 lagi unit PPR di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Selain daripada itu, pada kebiasaannya kerajaan negeri juga ada menetapkan syarat supaya pemaju perumahan swasta perlu membina sehingga 30% rumah kos rendah daripada jumlah keseluruhan kawasan pemajuan perumahan semasa memohon kelulusan pembangunan sesuatu projek perumahan diperolehi. Secara tidak langsung, pemaju perumahan akan menyumbang dalam menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat dan bukan hanya ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan syarat tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri iaitu kerajaan negeri dan perkara ini akan dipantau oleh pihak berkuasa tempat ataupun PBT.

Bagi memastikan rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan harga rumah disebabkan dengan spekulasi, kerajaan akan terus mengawasi kenaikan harga rumah dan jika perlu, akan

mengenakan langkah-langkah fiskal tambahan untuk memastikan harga harta tanah tidak melambung. Terima kasih.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah konsep bina dan jual diamalkan oleh pemaju-pemaju dan apakah insentif yang diberi kepada pemaju yang mengamalkan konsep tersebut?

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya konsep ini kita telah perkenalkan tetapi memang pada masa kini sambutannya agak kurang disebabkan oleh kerana pemaju-pemaju ini perlu mereka mempunyai wang ataupun kewangan yang ada kepada mereka.

Yang keduanya, hanya satu sahaja yang melaksanakan projek ini iaitu di kawasan Kuala Lumpur ataupun di kawasan Selangor di mana kontraktor atau pemaju ini berjaya dan sehingga sekarang ini kita masih lagi dalam perundingan dengan beberapa lagi pemaju. Oleh kerana mereka juga minta bantuan inisiatif daripada kerajaan, terutama sekali keperluan untuk jaminan kalau sekiranya harga atau tanah ini ataupun rumah ini tidak dapat dijual dalam tempoh tertentu apakah kerajaan boleh membantu mereka dalam soal itu nanti. Ini kerana mereka telah pun melabur dengan peruntukan yang begitu besar tetapi sekiranya mereka tidak dapat menjual keseluruhan bangunan itu, apakah bantuan ataupun jaminan kerajaan. Ini kita sedang dalam perundingan dengan pihak-pihak pemaju yang bersedia untuk memaju konsep bina dan jual. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih kerana penjelasan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat memberi keterangan sedikit tentang rumah PR1MA di mana rumah itu sebenarnya lebih murah daripada *market price*. Kalau seseorang membeli rumah seperti itu, selepas dia membeli, memang ada *opportunity*, dengan izin untuk menjualnya, untuk keuntungan. Saya hendak tahu sama ada kementerian ini hendak menubuhkan satu badan yang jual beli hanya boleh – kalau *you* beli rumah itu, *you* hanya boleh jual balik kepada badan tersebut supaya rumah itu boleh diberikan balik kepada mereka yang betul-betul layak dan bukan untuk pasaran. Sama ada strategi itu akan dilaksanakan oleh kementerian atau tidak? Kalau tidak, orang akan beli hari ini dan jual untuk keuntungan. Itu bukan hasrat kerajaan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat dengan soalan tambahan yang berkenaan. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin memaklumkan bahawa PR1MA ini bukan di bawah kementerian saya. Ia adalah di bawah Kementerian Kewangan dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, saya juga sependapat dengan Yang Berhormat, semestinya ada kawalan. Kalau tidak, betul, hari ini saya beli, selepas itu harga harta tanah atau harga rumah naik, saya boleh jual dan kemungkinan saya dapat keuntungan. Jadi saya tidak dapat menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan ataupun bagi pihak Jabatan Perdana Menteri sebab ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri.

3. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan masa siaran bagi program Islam dalam bahasa Tamil di RTM. Waktu siaran sekarang hanya 55 minit / sehari ke udara di Vanavil (saluran radio Tamil sahaja).

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam bertarikh 7 Mei 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan program rangkaian televisyen bahasa Tamil.

Kementerian melalui Jabatan Penyiaran atau Radio Televisyen Malaysia (RTM) sentiasa berusaha menyajikan pelbagai program untuk menemui cita rasa penonton tanpa mengira kaum, usia dan sempadan geografi. Ini tidak terkecuali dengan rancangan untuk komuniti India merangkumi pelbagai jenis dan kategori rancangan termasuklah program Islam. Rancangan agama yang disiarkan oleh RTM pada masa ini adalah mencukupi dalam had masa siaran yang ada.

Selain program agama berbahasa Tamil, rancangan lain yang disiarkan di TV1 juga tidak meletakkan sempadan untuk tontonan sesuatu kaum sahaja kerana program yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seharusnya difahami oleh seluruh rakyat negara ini.

Kementerian sedang dalam rancangan untuk membangunkan semula kompleks Angkasapuri sebagai bandar media dalam usaha untuk meningkatkan taraf sistem penyiaran dan menyediakan prasarana moden bagi Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam meningkatkan keupayaan penerbitan kandungan yang lebih menarik seiring dengan kemajuan dunia penyiaran.

Pada masa ini, RTM hanya mempunyai tiga saluran TV utama iaitu saluran TV1, TV2 dan TVi. Bagi maksud menambah bilangan saluran televisyen, cadangan tersebut boleh dipertimbangkan selepas perancangan perkhidmatan TV Digital yang dijangka selesai dilaksanakan menjelang tahun 2015. Sekian.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan satu jawapan tadi.

Memandangkan televisyen dan radio memainkan peranan yang penting untuk menyalurkan input kepada rakyat, begitu juga kepada program Islam di *Vanavil*, saluran radio Tamil sahaja. Penceramah-penceramah yang telah dipilih menyertai ini sejak 25 tahun yang lalu adalah orang yang sama memberikan program ini yang mana memerlukan satu perubahan di situ.

Soalan tambahan saya adalah meminta menempatkan penceramah-penceramah baru dengan idea-idea dan juga pendekatan yang baik selaras dengan isu-isu semasa dan menambahkan masa siaran sedia ada selama 55 minit ini di mana ia begitu kurang. Yang ini lebih 25 tahun waktu ini memang masih dikekalkan. So memandangkan banyak masalah yang bertimbun di kalangan rakyat, so harus ada banyakk program untuk memberitahu kepada mereka. Yang ketiga, membenarkan masyarakat India Muslim menyertai dalam program *Vasantham* di televisyen

RTM, salah satu program dan forum perbincangan isu-isu semasa. Masa kini, kami diketepikan. Inilah yang soalan saya. Terima kasih.

Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Vanavil adalah di bawah Astro. Kami akan berbincang dengan Astro untuk dapat satu keputusan.

■1030

Berkenaan dengan *Vasantham* pun, saya akan berbincang dengan RTM dan bagi satu keputusan. Akan tetapi yang kita tunjukkan sekarang adalah selain daripada program Islam berbahasa Tamil di radio RTM juga menyiarkan khutbah dengan konsep bual bicara Islam dalam bahasa Tamil pada hari Jumaat di TV2 dari jam 11 hingga 11.30 pagi.

Juga rancangan di radio *Minnal FM* juga menyiarkan 4.51% jumlah siaran program Islam dalam bahasa Tamil yang disiarkan iaitu *Punitha Kaalanggal* di awal pagi, ceramah agama waktu petang, *talk show* pada waktu malam dan sebagai penutup lima minit *talk show* pada pukul 11.55 malam. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah rancangan kerajaan untuk memperuntukkan satu saluran khas untuk komuniti India dalam menyuarakan kandungan tempatan berbahasa Tamil di stesen swasta Astro atau Media Prima?

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya telah mengadakan satu mesyuarat dengan pihak Astro untuk menyiarkan program-program tempatan komuniti orang India. Pada pandangan saya, pihak Astro akan mengambil keputusan yang baik untuk memperuntukkan slot yang sesuai bagi siaran filem dan drama komuniti India tempatan dan juga Media Prima, satu mesyuarat akan diadakan pada 3 Mei di kementerian saya untuk berbincang berkenaan drama dan filem kaum India di seluruh negara. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor.

4. **Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor** pertanyaan minta Perdana Menteri menyatakan, perkembangan usaha kerajaan memperkenalkan langkah pengawasan pendanaan parti politik (*political financing*) khususnya respons parti-parti politik terhadap langkah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan kawalan ke atas dana politik merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA memerangi rasuah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan kerana kerajaan memandangkan kesalahan rasuah sebagai satu kesalahan yang berat. Ini menjelaskan bahawa kerajaan adalah komited dalam mentransformasikan pentadbiran kerajaan, seterusnya memulihkan persepsi rakyat Malaysia khususnya dan dunia amnya terhadap kemelut projek negara.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan melalui NKRA membanteras rasuah dalam menguatkuasakan *Transparency International Malaysia* (TIM) adalah mengkaji

kembali Akta Pertubuhan 1966, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 serta akta *Anti-Money Laundering* dan *Anti Terrorism Financial Act 2001*. Ianya bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan yang berkaitan bagi merealisasikan kawalan ke atas dana politik serta dipantau secara berkesan.

Pendaftaran Pertubuhan ataupun *Registrar of Societies* dengan izin, sedang menggubal garis panduan baru mengenai prosedur sumbangan politik sebagaimana yang dinyatakan di dalam laporan tahunan SPRM, adalah satu pembaharuan dengan mengambil kira syor-syor yang dikemukakan oleh pihak TIM iaitu:

- (i) semua sumbangan politik hendaklah dibuat atas nama parti dan bukannya nama individu seperti ketua bahagian, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun calon;
- (ii) semua sumbangan politik hendaklah direkodkan dan dikeluarkan resit penerimaannya daripada parti politik itu; dan
- (iii) akaun parti hendaklah boleh diaudit.

Sebagai langkah permulaan, kerajaan sedang mengkaji tujuh daripada 22 syor yang dikemukakan oleh TI Malaysia yang mana mungkin dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. Ada yang sedang dalam proses pelaksanaan dan ada yang sedang dikaji kaedah pelaksanaannya. Dari segi perlaksanaannya pula mungkin tidak sepertimana yang dilaksanakan di negara-negara lain tetapi diubahsuai berdasarkan kesesuaian rakyat dan negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih di atas penjelasan Timbalan Menteri. Cuma saya mohon penjelasan lanjut tentang pendanaan asing kepada parti-parti politik. Oleh sebab kita semua maklum ada parti-parti politik yang ada sudah terima dana asing.

Apakah langkah kerajaan, perkembangannya dari sudut peraturan-peraturan baru, sekiranya ada. Ini kerana kita bimbang kalau ini tidak dikawal akan menular kepada agenda asing dalam politik dalaman negara kita, yang kita lihat di rantau lain, di negara lain sedang berleluasa sedang beranakkan struktur politik dan budaya dan nilai bagi sebuah negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat sudah pun maklumkan tadi bahawa memang kita tidak benarkan orang asing untuk mempengaruhi dalam negara kita ini memberi dana-dana politik dengan tujuan melakukan sesuatu. Jadi kerajaan sememangnya tidak membenarkan mereka.

Jadi dengan itu seperti yang saya katakan tadi, kita telah pun mengadakan satu akta iaitu Akta *Money Laundering* dan juga *Anti Terrorism Financial Act* yang lebih dikenali sebagai AML, ATFA ini. Jadi, langkah-langkah telah pun diambil untuk memastikan bahawa dana politik daripada

asing ini dapat dikawal dan ada langkah-langkah yang telah pun diambil yang selaras dengan usaha mengawal *political financing* yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Saya rasa itu sahaja yang saya boleh jawab pada setakat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan silakan Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi keprihatinan soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam tadi. Akan tetapi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri saya rasa kurang memuaskan dan tidak spesifik. Saya rasa yang ditanyakan dan memerlukan jawapan yang spesifik ialah bagaimana peraturan kerajaan yang tidak membenarkan pendanaan asing terhadap parti-parti politik di negeri ini sekiranya telah dilanggar, perbuatan-perbuatan melanggar perkara yang tidak boleh dibenarkan oleh kerajaan? Ertinya walaupun kata sudah selidiki tetapi jawapan terlalu umum.

Saya minta kalau boleh diberikan jawapan yang spesifik bahawa ini langkah yang kita lakukan dan parti berkenaan atau individu, tokoh-tokoh politik berkenaan, yang sedang kita awasi gerak-gerinya kerana kita dapati ada gerak-gerinya, kegiatan-kegiatan politiknya yang menelan biaya yang jauh lebih besar daripada keupayaan zahirnya dalam mendapatkan wang. Jadi, langkah kerajaan mengawasi tindakan parti-parti politik atau tokoh-tokoh tertentu yang melanggar larangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus atas soalan. Seperti yang saya pernah nyatakan bahawa setakat ini akta yang ada, yang wujud di negara ini untuk mengawal dana politik yang datang daripada luar ialah Akta *Anti Money Laundering* dan juga *Anti Terrorism Financial Act 2011*.

Setakat ini kerajaan rasa ini adalah boleh mengawal dana asing melalui ini. Langkah ini amat berkesan kerana dia boleh mengawal dan memberikan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Timbalan Menteri... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

■1040

Datuk Liew Vui Keong: Saya masih dalam memberi jawapan saya, jadi saya tidak boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dahulu.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi seperti yang saya katakan tadi, saya tidak dapat ulas lebih banyak kerana saya tidak dapat mengatakan bahawa langkah-langkah ini adalah selaras dengan akta yang telah pun diberikan tadi untuk menjaga keselamatan dan juga kedaulatan negara kita. Ada undang-undang yang tertentu untuk mengawal *political financing* yang datang daripada negara asing ini. Kerajaan sentiasa mengawal dan akan mengambil tindakan sekiranya mereka didapati melanggar undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dengan izin, adakah Yang Berhormat bersetuju dia hendak mencelah tadi, Yang Berhormat kata tunggu sehingga habis dahulu, hendak dibenarkan? Kalau dibenarkan saya benarkan.

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya akan mengadakan rundingan Yang Berhormat nanti di luar untuk memberikan jawapan yang seterusnya kepada Yang Berhormat nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pengetahuan saya Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya tadi berkenaan apakah tindakan kerajaan andainya berlaku perkara-perkara yang disebut sebentar tadi. Akta-akta yang ada itu kita sedia maklum, tetapi selain daripada itu, macam mana?

Datuk Liew Vui Keong: Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menghulurkan hasratnya untuk mengawal *political financing* pada satu sidang media minggu lalu ataupun bulan lalu. Jadi setakat ini Tuan Yang di-Pertua pihak kami masih lagi dalam kajian untuk meneliti apa yang telah pun dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai mengawal *political financing* daripada negara asing ini. Buat setakat ini secara *administrativenya* tindakan boleh diambil terhadap mereka. Jadi itu sahaja yang kita dapat...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh Yang Berhormat? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat. Agaknya perkara-perkara ini...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi soalan saya tidak dijawab sebenarnya. Saya menanyakan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempertikaikan wujudnya undang-undang dan akta ini. Apa yang saya tanyakan ialah pelaksanaan undang-undang dan akta itu. Itu yang saya tanyakan, pelaksanaannya bukan kewujudan undang-undang. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alright*. Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, jumlah filem dan drama seram dan cerita hantu yang ditayangkan TV tempatan dari Januari 2011 sehingga sekarang. Adakah kementerian sedar filem dan drama tersebut boleh merosakkan pertumbuhan minda kanak-kanak.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin a/ Dennis D'Cruz]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar bertarikh 2 Mei 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan penyiaran kandungan berunsur seram dan tahyul di stesen televisyen.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terhadap penyiaran kandungan berunsur seram dan tahyul di

stesen penyiaran swasta pada tahun 2011 didapati hanya 1.24% kandungan berunsur seram dan tahyul disiarkan di stesen kendalian Media Prima iaitu 258.5 jam daripada keseluruhan 20,902 jumlah masa siaran. Stesen siaran berbayar ASTRO pula telah menyiarkan 1,304,640 jam masa siaran di satu 153 salurannya dan didapati 1,521.5 jam sahaja masa siarannya diperuntukkan bagi kandungan sedemikian di 22 saluran.

Ini menunjukkan bahawa ASTRO hanya menyiarkan 1% kandungan berunsur seram dan tahyul pada tahun 2011. Manakala stesen TV Al-Hijrah tidak menyiarkan kandungan sedemikian. Berdasarkan statistik tersebut jumlah kandungan berunsur seram dan tahyul oleh stesen-stesen penyiaran swasta adalah di tahap minimum. Sekiranya dibandingkan dengan kandungan atau genre-genre yang lain bagi stesen penyiaran kerajaan RTM pula tidak lagi menyiarkan filem drama seram sejak Oktober 2011.

Walau bagaimanapun, menyedari isu berkaitan lambakan penyiaran kandungan berunsur seram dan tahyul di stesen televisyen tempatan yang kerap dimomokkan kepada masyarakat. Kementerian melalui SKMM telah mengeluarkan arahan kepada stesen-stesen penyiaran swasta bagi memastikan kandungan berunsur seram dan tahyul disiarkan di tahap minimum. Sekian.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tidak berpuas hati dengan di atas jawapan tersebut. Sebab pertanyaan saya berapakah jumlah filem dan drama yang ditayangkan di TV tempatan termasuk RTM. Jadi jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi persennya yang dikira 24 jam itu memanglah nampak kecil. Pertanyaan ini saya kemukakan apabila akhbar Sinar dalam kolumnya menyindir Malaysia dengan mengatakan "*Syabas, Malaysia paling banyak hantu*".

Di mana ini mengambil komen Mufti Perlis yang mengatakan sekarang ini TV tempatan kita terlalu banyak menyiarkan filem-filem seram dan hantu, sedangkan pendidikan yang harus diberikan ialah mendidik supaya orang ramai takut kepada Allah dan juga takut kepada undang-undang. Lebih menyedihkan lagi, kata Mufti Perlis filem-filem seperti ini boleh merosakkan akidah umat Islam. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini, terima kasih.

Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang apa yang saya mengatakan tadi telah pun dikurangkan daripada 1% hingga 1.4%. Akan tetapi angka-angkanya memang saya ada, tetapi panjang sangat. Saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan peratusan berkenaan dengan siaran yang membabitkan filem hantu. Saya ingin tanya apakah majoriti nisbah untuk siaran-siaran lain. Maksudnya berapa untuk pendidikan, berapa untuk hiburan yang telah pun disiarkan di semua stesen TV, itu yang pertama.

Kedua, kita difahamkan daripada akhbar kelmarin dulu yang mengatakan bahawa Kerajaan Brunei telah pun sekarang ini memantau segala apa yang ada dalam TV dan juga dalam laman sosial, kami mendapati daripada hasil-hasil kajian 100% peningkatan kes perzinaan dan

rogol bermula daripada medium media ini dan juga laman sosial. Jadi dalam konteks ini, apa respons kerajaan kita kerana kita lihat peningkatan kes-kes pembunuhan, kes-kes perzinaan dan kes-kes rogol meningkat dari semasa ke semasa. Jadi dari segi psikologinya apa kesan, terima kasih.

Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam RTM kita tidak menunjukkan gambar-gambar, akan tetapi 80% adalah tayangan tempatan. Cuma 20% daripada luar negara dan juga statistik Yang Berhormat tidak ada pada saya. Saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

6. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan langkah-langkah yang akan diambil bagi menjadikan YBGK lebih mesra pelanggan dan efisien.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ataupun dikenali sebagai YBGK telah diperbadankan 25 Januari 2011 sebagai sebuah syarikat khairat dan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Februari 2011. Walau bagaimanapun, YBGK hanya mula beroperasi pada 2 April tahun ini. Sehubungan dengan itu statistik perwakilan peguam YBGK hanya boleh disediakan pada akhir bulan ini.

■ **1050**

Pada maklumat Ahli Yang Berhormat, di Semenanjung Malaysia YBGK beroperasi di seluruh negeri, manakala di Sabah merangkumi kawasan Kota Kinabalu, Papar, Penampang dan Tuaran. Di Sarawak pula, melibatkan bandar Kuching, Miri, Sibul dan Bintulu. Bagi Sabah dan Sarawak, YBGK hanya beroperasi di bandar-bandar yang telah disebutkan disebabkan oleh kemampuan sumber manusia YBGK yang terhad pada masa ini. Persediaan yang rapi telah dibuat bagi memastikan kelancaran operasi YBGK untuk memberi bantuan dan nasihat guaman dalam perkara jenayah kepada warganegara Malaysia. Seiring dengan hasrat kerajaan untuk memastikan keadilan sosial kepada semua rakyat dapat dicapai. Antara persediaan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

- (i) menentukan mekanisme pelaksanaan operasi YBGK di Semenanjung Malaysia melalui Pusat Bantuan Guaman di bawah kelolaan Majlis Peguam Malaysia manakala bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, YBGK akan dibantu oleh Jabatan Bantuan Guaman yang akan bekerjasama dengan Persatuan Undang-Undang Sabah dan juga Persatuan Peguam adalah Sarawak;
- (ii) menyediakan garis panduan bagi pegawai penguat kuasa berkaitan dengan tangkapan dan reman ataupun SOP dengan kerjasama padu

- Jabatan Peguam Negara. Polis Diraja Malaysia, agensi penguatkuasaan lain dan pihak Majlis Peguam Malaysia; dan
- (iii) dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak memberi latihan mengenai peranan dan komitmen peguam panel YBGK kepada bakal peguam panel YBGK di setiap negeri di seluruh negara.

Mekanisme pembelian bantuan guaman YBGK yang dilaksanakan pada masa ini adalah apabila seseorang warganegara di tangkap atas kesalahan jenayah, agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Polis Diraja Malaysia akan menghubungi Pusat Bantuan Guaman Negeri di bawah seliaan Majlis Peguam di Semenanjung Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui talian tol percuma iaitu 1800-889-245 ataupun hantarkan faks ke nombor 1300-889-245 bagi mendapatkan khidmat peguam yang berdaftar dengan YBGK.

Orang ramai dan agensi penguatkuasaan boleh menghubungi YBGK menggunakan nombor talian tol percuma ini dan segala kos panggilan yang diterima akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak YBGK. Panggilan tol percuma ini efektif kerana setiap panggilan telefon yang diterima akan terus disalurkan kepada pusat operasi YBGK di seluruh negara. Sebanyak 16 sesi latihan telah diadakan sejak 26 Mac 2011 sehingga 17 Mac 2012 manakala satu lagi sesi latihan kepada peguam-peguam di Sarawak akan diadakan pada 5 Mei tahun ini. Setakat 4 April tahun ini terdapat seramai 403 orang berdaftar sebagai peguam panel YBGK.

Selanjutnya pihak YBGK juga dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan juga Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri telah berjaya mengadakan sesi taklimat khas di setiap negeri pada bulan Februari 2012. Kepada agensi-agensi penguatkuasaan termasuklah Majlis Peguam Negeri mengenai peranan komitmen dan koordinasi mereka yang melibatkan pengetahuan dan pemakaian SOP yang telah disediakan. Poster dan *bunting* Tuan Yang di-Pertua mengenai YBGK juga telah diedarkan pada akhir Mac 2012 di agensi-agensi yang telah dikenal pasti dapat memberikan hebahan mengenai khidmat YBGK. YBGK kini sedang giat menggandakan usaha promosi YBGK melalui media elektronik supaya hebahan itu dapat dilaksanakan secara lebih efektif ke seluruh pelosok negara.

Kerajaan berharap dengan penubuhan YBGK ini dapat memberi kesamarataan keadilan kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menubuhkan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan yang bertujuan untuk membantu kerana 80% daripada mereka yang dihadapi tuduh menghadapi tuduhan jenayah tidak mendapat pembelaan sebelum ini. Apabila

dilancarkan pada 25 Februari 2011 yang lepas, saya berpandangan bahawa YBGK sudah bersedia untuk menerima pelanggan. Itu sebab baru-baru ini kira-kira sebulan yang lalu saya sendiri telah menghubungi YBGK kerana saya didatangi dengan satu masalah oleh satu keluarga yang anaknya menghadapi tuduhan jenayah. Jadi nombor Yang Berhormat bagi itu tidak ada dalam *website*. Belum ada lagi saya rasa, saya gunakan nombor yang terpapar di *website* dan untuk dua hari berturut-turut saya *call* tidak mendapat apa-apa maklum balas.

Mungkin sejajar dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya belum beroperasi. Jadi saya juga mencadangkan dan meminta pandangan Yang Berhormat supaya promosi ini di perhebatkan supaya semua agensi kerajaan termasuk polis, badan-badan guaman yang lain memahami hasrat kerajaan yang benar-benar ingin membantu mereka ini yang menghadapi tuduhan jenayah dapat bantuan melalui YBGK. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah atas soalan tambahan itu. Sebenarnya, hanya kebetulan bahawa YBGK ini telah dilancarkan pada 25 Februari tahun lalu bukan seperti yang dikatakan Yang Berhormat tadi / *think you mentioned* bulan November. Selepas itu, dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, latihan telah pun diberikan kepada semua peguam yang ada di negara ini dan ini melibatkan koordinasi dan juga *organization* melibatkan pihak Majlis Peguam, Persatuan-persatuan Undang-undang di Sabah dan juga Sarawak. Jadi ini mengambil masa ataupun mengambil masa selama setahun seperti saya nyatakan tadi kita telah pun mengadakan 16 sesi yang melibatkan peguam-peguam.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, peguam ini kadang memang amat sibuk dengan tugas-tugasan mereka. Jadi untuk mendapatkan mereka datang untuk mengadakan latihan ini juga ada satu perkara yang amat sukarlah tetapi walau bagaimana pun telah berjaya mengumpulkan seperti yang saya katakan tadi 403 orang peguam yang telah pun berdaftar sebagai peguam YBGK. Untuk makluman Yang Berhormat, peguam ini yang berdaftar ini secara sukarela pihak YBGK tidak memaksakan peguam-peguam yang telah pun diterima masuk sebagai peguam daripada Mahkamah Tinggi Malaya dan juga Sabah dan Sarawak ini mereka datang untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Akan tetapi, Majlis Peguam telah pun mengatakan semua peguam yang telah pun diterima masuk oleh Mahkamah Malaya dan di sini kena mendaftar dengan mereka untuk memberikan mereka peluang, untuk memberikan perkhidmatan YBGK. Jadi ini adalah satu inisiatif yang amat baik dan telah pun diambil oleh pihak Majlis Peguam. Pada setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Peguam juga masih ada mereka punya perkhidmatan, servis kepada hanya tumpu kepada orang asing sahaja. YBGK ini kepada warganegara tetapi Majlis Peguam masih juga memberi bantuan perkhidmatan guaman kepada orang asing yang telah pun ditangkap, di reman dan di tuduhkan di mahkamah. Itu adalah secara *ad-hoc*. Itu terpulang kepada pihak peguam yang datang daripada Majlis Peguam untuk memberikan perkhidmatan mereka secara percuma kepada mereka orang asing yang telah pun ditangkap. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [*Bangun*]

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Dia kata saya tidak dipanggil. Saya dengar Tuan Yang di-Pertua sudah panggil saya tadi.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

■1100

Dato' Hajah Noriah binti Mahat: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mungkin lebih kurang sama sahaja dengan Dato' Mohammed Najeib bin Abdullah tadi. Ini YBGK ini tidak meliputi hukuman mati, namun kita lihat pada masa ini, kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati ini semakin banyak terutamanya melibatkan seksyen 39(b), Akta Dadah Berbahaya; seksyen 302, Kanun Keseksaan yang melibatkan keluarga miskin terutamanya kawasan luar bandar. Jadi, adakah perkhidmatan YBGK ini akan dikaji semula untuk memberi khidmat kepada mereka ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kes-kes yang melibatkan hukuman mandatori hukuman mati ini tidak termasuk dalam YBGK kerana mereka yang dituduh itu akan diberikan *council - assigned council* ataupun peguam yang dilantik oleh mahkamah. Jadi apabila mereka telah pun dilantik oleh pihak mahkamah, peguam ini akan menjalankan tugas-tugas mereka untuk membela tertuduh itu adalah secara percuma dan segala kos yang telah pun ditanggung oleh pihak peguam akan dibiayai oleh pihak kerajaan.

Jadi, untuk kes-kes yang melibatkan bunuh iaitu kes bunuh di bawah seksyen 302, di seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya dan di mana yang melibatkan kes mandatori hukuman gantung mati, mereka akan diberikan peguam yang dilantik oleh pihak mahkamah. Terima kasih.

11.02 pg.

7. **Dato' Hajah Zaitun binti Mat** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah bil pembetulan yang tertunggak oleh pengguna domestik dan industri kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan nyatakan langkah-langkah bagi mengutip tunggakan ini.

Timbalan Menteri kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah bil pembetulan yang tertunggak pada pengguna domestik dan industri kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) sehingga 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM459 juta untuk domestik dan RM246 juta untuk industri dan komersial. Jumlahnya sebanyak RM705 juta. Pihak IWK telah mengambil beberapa langkah terutamanya kempen kesedaran kepada semua pengguna mengenai perkhidmatan yang disediakan dalam bentuk iklan di akhbar-akhbar tempatan, rangkaian radio dan program televisyen. Seterusnya

untuk tahun 2012, program pengeluaran risalah, brosur kepada semua pelanggan dijalankan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut akan perkhidmatan pembedungan yang disediakan.

Mulai tahun ini juga, pihak IWK akan mengeluarkan bil pembedungan setiap tiga bulan berbanding setiap enam bulan bagi pengguna domestik untuk mengurangkan jumlah pembayaran setiap bil oleh pengguna, sekali gus menggalakkan pembayaran oleh mereka. Langkah-langkah lain untuk meningkatkan kutipan akan terus diusahakan seperti menghubungi pelanggan secara langsung, melantik ejen pengutip hutang serta menyediakan rangkaian pembayaran yang lebih luas kepada pengguna. IWK juga akan terus mengambil tindakan undang-undang terhadap pelanggan yang gagal membuat pembayaran dengan melantik khidmat peguam untuk mengeluarkan surat tuntutan, saman dan membawa kes ke mahkamah. Sehingga bulan Februari 2012, sebanyak 74,961 pelanggan yang terdiri daripada 37,746 pelanggan domestik dan 37,215 pelanggan komersial telah dikenakan tindakan undang-undang yang melibatkan hutang tertunggak sebanyak RM236 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35,506 kes berjaya diselesaikan yang melibatkan sejumlah RM140 juta. Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan Dato' Zaitun binti Mat.

Dato' Hajah Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberi. Caj perkhidmatan yang dikenakan Indah Water Konsortium Sdn Bhd bukanlah tinggi hanya lebih kurang RM8 sebulan. Akan tetapi ramai pengguna tidak menjelaskan bil tertunggak kerana kurang kesedaran dari segi kepentingan perkhidmatan pembedungan. Soalan tambahan saya, apakah langkah bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat awam tentang pentingnya perkhidmatan pembedungan? Kedua, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan IWK yang sering mendapat sungutan awam khususnya perkhidmatan mengosongkan tangki *septic*, dan berapakah bayaran yang dikenakan oleh IWK? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai sebaran maklumat dan kempen kesedaran peri pentingnya perkhidmatan IWK seperti mana yang telah saya jawab tadi, ia telah dipertingkatkan melalui penyebaran akhbar-akhbar tempatan, radio, TV dan juga pengedaran brosur-brosur. Keduanya dari segi mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan ini, kerajaan dalam proses menstrukturkan semula perkhidmatan pembedungan ini dengan penubuhan sebuah badan baru iaitu yang dinamakan NASCO yang akan dimiliki penuh oleh kerajaan dan juga akan digabungkan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) dan IWK sebagai syarikat operasi. NASCO ini akan merupakan syarikat pemilik aset dan juga yang melaksanakan pelaburan modal dan operasinya akan dilakukan oleh sebuah syarikat milik NASCO yang akan melibatkan penggabungan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan dan IWK.

Masalah kesedaran ini barangkali orang awam tidak begitu sedar tentang perlunya perkhidmatan pembedungan ini kerana ia tidak melibatkan perkhidmatan seperti air dan *electricity*. Air dan *electricity* bila tidak ada, rakyat begitu terasa. Pembedungan ini dia tidak rasa sangat. Dia pergi hari-hari, dia tidak rasa. Tidak ada masa yang dia tidak boleh buat. Kalau ada masa yang dia

tidak boleh buat, barang kali sampai terencat itu barulah dia rasa pentingnya. Jadi, 'api' ini apabila tidak ada, marah. Perkhidmatan 'api' ini bila tidak ada, air tidak ada hendak minum tidak boleh. Buka paip tidak boleh, air tidak keluar. Kalau keluar pun yang berkarat, rakyat marah. Macam di Kelantan sekarang ini, ramai rakyat marah. Akan tetapi pembedungan ini tidak, sebab dia tidak..., perkhidmatan sentiasa ada. Jadi, ini yang masalahnya jadi rakyat rasa macam ada pun tidak apa, tidak ada pun tidak apa, tidak mengganggu kelancaran proses dia ini. Saya hendak sebut pun susah... [Ketawa] Akan tetapi itulah maksudnya. Terima kasih.

11.09 pg.

8. Tuan Pau Chiong Ung minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah insentif pihak kementerian dalam membaik pulih perkhidmatan atas talian bagi pemohon yang ingin mengemukakan persoalan berkaitan taraf kewarganegaraan; dan
- (b) adakah pihak kementerian mengalami kekurangan tenaga kerja yang menguruskan taraf kewarganegaraan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung bertanyakan soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian telah mewujudkan kaedah penyaluran pertanyaan berkaitan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia berlandaskan sistem atas talian seperti aduan di bawah perkhidmatan *online* yang boleh dicapai melalui sesawang KDN iaitu www.moha.gov.my.

■1110

Selain itu juga, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga menyediakan perkhidmatan secara atas talian melalui sesawang JPN yang boleh dicapai melalui www.jpn.gov.my. Kementerian juga mempunyai kakitangan yang mencukupi dalam memproses permohonan-permohonan yang telah dikemukakan. Tempoh pengeluaran keputusan permohonan telah ditambah baik dari semasa ke semasa iaitu dari tempoh menunggu selama tiga tahun pada tahun 2010 kepada tempoh satu tahun dalam tahun 2011 bagi permohonan yang lengkap. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya ialah masih terdapat penduduk kebanyakan Orang Asli di kawasan pedalaman Sarawak tidak ambil peduli dan tidak memiliki sebarang dokumen pendaftaran termasuklah sijil kelahiran kerana ia mengambil masa satu hari kepada dua hari dan perbelanjaan besar untuk mereka pergi ke pejabat JPN yang terdekat bagi mengurus pendaftaran. Bolehkah kementerian mempertimbangkan untuk mewujudkan unit pergerakan khas turun ke kawasan pedalaman bagi menjalankan proses pendaftaran dan menyelesaikan masalah tersebut? Sekian.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Program Unit Khas Bergerak (UKB) Jabatan Pendaftaran Negara merupakan program *outreach* yang dilaksanakan secara berkala mengikut program tahunan UKB bagi mengatasi masalah penduduk luar bandar atau pedalaman yang tiada dokumen pengenalan diri. Khusus untuk negeri Sarawak, JPN telah membuat pecahan kawasan operasi mengikut zon. Terdapat lima zon di negeri Sarawak iaitu Kuching, Kapit, Miri, Bintulu dan Betong. Operasi secara berkala telah dilaksanakan di semua zon-zon tersebut dan sepanjang tahun 2011, sebanyak 67 operasi telah berjaya dilaksanakan.

Selain dari operasi secara berkala, UKB juga melaksanakan lawatan khas berdasarkan permintaan dari penduduk atau pemimpin setempat. Susulan dari permintaan tersebut, UKB akan berhubung terus dengan pejabat-pejabat daerah bagi mendapatkan maklumat dan mengatur program bagi kawasan-kawasan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kita sudah 50 tahun lebih merdeka, ada juga ramai orang kaum India dan Cina masih *stateless*, memegang kad merah. Mereka pun sudah berpuluh-puluh kali pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara, telah disuruh balik dan balik pergi ke pejabat. Inilah kehidupan mereka. Bilakah kerajaan jangka masalah ini boleh diselesaikan? Ada juga rakyat Malaysia yang dilahirkan selepas kemerdekaan iaitu 10 tahun atau 20 tahun dahulu, masih juga ada kad merah. Apakah langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, sebarang pertimbangan mengenai permohonan kewarganegaraan memang memerlukan penelitian yang terperinci berdasarkan kelayakan dan pematuhan undang-undang di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam hal ini, permohonan taraf kewarganegaraan yang diterima pada tahun semasa akan diselesaikan 31 Disember pada tahun yang berikutnya. Memang dalam KDN atau JPN memang ada kaedah untuk penambahbaikan untuk pemprosesan kewarganegaraan. Terima kasih.

9. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah-langkah komprehensif yang diambil bagi mengatasi masalah penambahan bilangan warga emas menjelang tahun 2024 mengikut Jabatan Statistik Negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, izinkan saya untuk mencadangkan agar tahun 2024 ditukarkan kepada 2030 mengikut kesesuaian soalan seperti mana yang dipersetujui oleh Yang Berhormat Puan Norliza.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini bilangan warga emas di Malaysia adalah seramai 2.2 juta orang iaitu 7.7% daripada jumlah penduduk Malaysia. Bilangan ini dijangka meningkat sejajar dengan peningkatan taraf kesihatan penduduk. Jangka hayat penduduk lelaki dijangka menokok dari 71.9 tahun pada tahun 2010 kepada 74.2 tahun pada tahun 2020. Manakala bagi perempuan pula, dari 77 tahun kepada 79.1 tahun untuk tempoh yang sama. Selain

itu, Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 berasaskan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menganggarkan penduduk negara ini yang berumur 60 tahun dan ke atas akan mencapai 15% daripada jumlah penduduk negara pada tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan hidup dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas di negara ini. Justeru, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap kebajikan golongan warga emas, pelbagai inisiatif telah pun diambil bagi meningkatkan kesejahteraan golongan warga emas ini.

Sehubungan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang diguna pakai pada tahun 1998. Susulan kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang baru dirangka telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011. Dasar ini diasaskan kepada pendekatan pembangunan modal insan sepanjang hayat dengan tumpuan kepada aspek persediaan, pencegahan dan pengukuhan selain mengambil kira keperluan mendaya upayakan golongan warga emas ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2012 turut memberikan sinar kepada golongan warga emas. Melalui Bajet 2012 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011 yang lalu, kerajaan telah memutuskan perkara-perkara berikut untuk manfaat golongan warga emas:

- (i) pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milikan kerajaan mulai 1 Januari 2012;
- (ii) pemberian diskaun sebanyak 50% bagi tambang sistem transit aliran ringan (LRT) dan monorail;
- (iii) pelanjutan umur persaraan di sektor awam daripada 58 tahun kepada 60 tahun;
- (iv) penyelarasan pencen yang melibatkan peruntukan sebanyak RM600,000 juta dengan kenaikan sebanyak 2% setahun tanpa menunggu penyelarasan gaji; dan
- (v) tambahan bayaran bantuan sebanyak RM500 kepada pesara kerajaan.

■1120

Bagi terus menjamin kesejahteraan rakyat di usia persaraan, di samping mempromosikan Skim Persaraan Swasta yang dijangka dapat merancakkan pembangunan pasaran modal, kerajaan melalui Bajet 2012 juga telah memberikan:

- (i) pelepasan cukai baru sehingga RM3,000 ke atas caruman dalam Skim Persaraan Swasta dan anuiti insurans selama sepuluh tahun. Dengan ini

pelepasan cukai sedia ada ke atas Skim Persaraan Swasta dan anuiti insurans dirasionalkan;

- (ii) potongan cukai ke atas caruman majikan bagi pekerja dalam Skim Persaraan Swasta; dan
- (iii) pengecualian cukai ke atas pendapatan dana Skim Persaraan Swasta.

Selain itu, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah memberikan Bantuan Orang Tua (BOT) kepada warga emas yang miskin dan yang memerlukan di bawah Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2011, seramai 135,217 orang warga emas telah menerima Bantuan Orang Tua yang melibatkan peruntukan sebanyak RM478 juta. Peruntukan ini merupakan 35.3% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2011.

Di samping itu, kementerian ini melalui JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) juga telah menubuhkan Rumah Seri Kenangan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif. Pada masa ini, terdapat sebanyak sembilan buah Rumah Seri Kenangan di seluruh negara yang menjaga 1,781 orang penghuni. Selain itu, dua buah Rumah Ihsan juga ditubuhkan untuk menjaga warga emas yang sakit dan uzur yang memerlukan rawatan dan penjagaan yang lebih rapi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kini terdapat seramai 222 orang penghuni di mana seramai 116 orang daripadanya adalah warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut menubuhkan 22 buah pusat aktiviti warga emas yang dahulunya juga dikenali sebagai pusat jagaan harian warga emas dengan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memberi manfaat kepada sejumlah 18,195 orang warga emas di seluruh negara. Pusat ini menyediakan kemudahan kepada warga emas termasuk yang tinggal bersendirian dan kesunyian untuk menghabiskan masa lapang mereka melalui pelbagai aktiviti sosial dan riadah bersama dengan ahli masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya penjagaan dan perlindungan warga emas adalah tanggungjawab sosial kita bersama. Semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda haruslah peka dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan mereka. Sekian, terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah menjawab begitu baik. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian yang saya anggap agak proaktif dalam mengendalikan warga emas.

Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya sama ada kementerian merancang untuk merangka satu pelan insurans kesihatan yang komprehensif sebagaimana yang diamalkan di Switzerland bagi membantu meringankan bebanan warga emas untuk mendapatkan rawatan kesihatan dan pada masa yang sama ianya tidak membebankan kerajaan.

Kedua, saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang mensyaratkan kepada pemaju perumahan untuk setiap kawasan kediaman disediakan satu kawasan khas ataupun satu bilik yang

boleh dijadikan tempat agar warga emas ini berkumpul, beriadah, berbincang dan berkongsi pengalaman untuk kita mewujudkan satu suasana kehidupan yang aman dan damai. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Kementerian memang mengambil berat tentang kebajikan warga kita pada usia tua seperti pencen, amalan perancangan untuk hari tua melalui pendidikan kewangan bermula daripada usia muda.

Berhubung dengan isu tentang pelan insurans bagi membantu warga emas meringankan kos perubatan mereka di samping itu juga tidak membebankan kerajaan, kementerian akan usahakan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan serta yang lain-lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa kini untuk warga emas seperti mana yang saya nyatakan tadi, kerajaan telah pun memperkenalkan pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milik kerajaan.

Selain itu, pada 19 April 2012 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa warga emas akan diberikan potongan harga sebanyak 50% daripada kadar caj pesakit kelas ketiga dengan maksimum iaitu sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan berkuat kuasa daripada 1 Mei 2012.

Berhubung dengan isu kedua yang dibangkitkan sama ada kementerian ini telah meneliti dalam isu untuk meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar mewajibkan setiap projek perumahan yang baru untuk memperuntukkan satu tapak atau satu bilik yang khas sebagai pusat aktiviti untuk warga emas, untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun kita tidak wajibkan perkara ini tetapi sememangnya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, semua projek perumahan yang baru adalah diminta untuk menyediakan tapak taska dan juga satu tapak untuk pusat komuniti yang boleh dijadikan sebagai pusat untuk tujuan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin saya tahu kepada warga emas yang bertuah yang dapat ditempatkan di pusat jagaan milik kerajaan ataupun pusat aktiviti dimiliki oleh kerajaan, mereka ini dapat jagaan daripada kerajaan, akan tetapi masih terdapat banyak atau ramai lagi orang tua-tua, warga emas yang duduk bersendirian dan tanpa pengawasan. Apakah usaha yang akan diambil oleh kementerian untuk membantu mereka?

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang uzur dan lebih berminat untuk tinggal bersendirian di rumah mereka masing-masing, kementerian sebenarnya telah pun melaksanakan perkhidmatan bantu di rumah ataupun *home help services*, dengan izin, yang turut bercorak dengan izin, *reaching out* kepada warga emas.

■1130

Perkhidmatan ini dikendalikan oleh sukarelawan yang akan membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas, membeli barangan dapur, membeli belah. Membayar bil utiliti, membawa mereka ke hospital, menatariaskan warga emas seperti membersihkan diri, menyikat, mendandan rambut dan memotong kuku di samping menjadi sahabat kepada warga emas tersebut.

Sebagai permulaan seramai 170 orang sukarelawan terlibat dalam memberikan perkhidmatan bantu di rumah di seluruh negara. Manakala setakat ini untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat seramai 836 orang warga emas yang telah pun memohon dan bermanfaat daripada perkhidmatan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin memberi makluman kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, hari ini adalah hari terakhir bagi semua Ahli Yang Berhormat membahaskan Titah Diraja. Sekarang ini saya telah ada menerima. Dengar baik-baik ya kerana saya harap semua yang nama ini bersedia.

Selepas nanti, apabila sambung perbahasan itu Yang Berhormat Puan Hajah Mariany sambung selama lima minit dan seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz hanya 20 minit dan seterusnya nama-nama ini akan bersedia tetapi giliran itu kita akan tentukan. Yang Berhormat Dato' Ng Fook Heng, Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz, Yang Berhormat Puan S. Bagiam, Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah, Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan. Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Tuan Subramaniam, Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, Yang Berhormat Tuan Saiful Izham dan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng. Ini nama-nama yang dihantar tetapi Tuan Yang di-Pertua di sini nanti akan menentukan.

Dia akan panggil mengikut giliran yang mengikut kesesuaian. Saya harap sila maklum dan selepas ini saya rasa tidak ada lagi yang belum menghantar nama untuk melibatkan diri perbahasan Titah Diraja ini. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Doris Sophia ak Brodi) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

10. Tuan Saiful Izham bin Ramli minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, faktor-faktor kenapakah sektor pembuatan (*manufacturing sector*) masih gagal menyumbang secara lebih signifikan terhadap pendapatan negara berbanding dengan industri petroleum negara sedangkan umum mengetahui begitu banyak insentif dan subsidi dalam pelbagai bentuk telah diberikan oleh kerajaan kepada industri kecil dan sederhana (SMEs) serta FDI untuk merubah struktur dan kebergantungan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham adalah berkaitan

dengan sektor pembuatan. Soalan ini adalah kenapa sektor pembuatan dilihat gagal untuk menyumbang kepada kemajuan negara berbanding sektor petroleum? Itu soalan Yang Berhormat Tuan Saiful. Kita boleh melihat sumbangan sesuatu sektor itu daripada pelbagai sudut. Antara sudut yang terbaik kita dapat melihat sumbangan sektor itu adalah sumbangan kepada pendapatan negara ataupun *national income*.

Berdasarkan faktor tersebut, kita dapati bahawa sektor pembuatan sumbangannya besar, lebih besar daripada sektor petroleum. Sumbangan sektor pembuatan atau *manufacturing* adalah 27.5% kepada pendapatan negara tahun lalu, tahun 2011, berbanding dengan sumbangan sektor petroleum dan gas, 6.3%. Bermakna sektor pembuatan menyumbang empat kali ganda lebih besar kepada pendapatan negara berbanding dengan sektor *oil and gas* ataupun sektor minyak. Itu satu aspek yang boleh kita lihat.

Satu lagi perkara yang perlu kita akui ialah satu masa dahulu sektor pembuatan kecil sahaja daripada jumlah pendapatan negara. Pada tahun 1970, 40 tahun yang lalu sumbangannya kira-kira 12.8% kepada pendapatan negara, sekarang ini 27.5%. Lebih dua kali ganda meningkat dari segi peratusan sumbangan kepada pendapatan negara. Dalam pada itu, adalah diakui bahawa dari segi sumbangan kepada hasil Kerajaan Persekutuan, sektor minyak dan gas ini besar sumbangannya. Pada tahun lalu umpamanya, 33% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan yang dikutip oleh kerajaan, Kementerian Kewangan. Sejumlah 33% adalah daripada sektor *oil & gas* ataupun minyak dan gas.

Jadi, walaupun sumbangan sektor petroleum kepada pendapatan negara cuma 6.3% tetapi ia menyumbang 33% kepada hasil Kerajaan Persekutuan. Ia merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Kerajaan Persekutuan. Kita boleh lihat sumbangan ini daripada beberapa sudut yang lain. Tadi saya sebut daripada sudut sumbangan kepada pendapatan negara ataupun *national income*, yang kedua, sudut hasil Kerajaan Pusat. Satu lagi aspek ialah daripada sudut eksport, jumlah yang dieksport oleh negara. Sumbangan sektor pembuatan ialah 70%. Sebahagian besar eksport negara datang daripada sektor pembuatan. Sejumlah 70% datang dari sektor pembuatan, daripada sektor minyak dan gas, 16%. Jadi kita dapat lihat, dari sudut eksport, sektor pembuatan melebihi sektor perlombongan ataupun *oil and gas*, sumbangannya kepada eksport negara jauh lebih besar berbanding dengan sumbangan sektor minyak dan gas kepada eksport negara.

Dari segi *employment* ataupun guna tenaga, lebih sejuta rakyat Malaysia bekerja dalam sektor pembuatan. Jadi jelas kepada kita bahawa sektor pembuatan penting. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Tuan Saiful, kita berjaya, bukan gagal dalam membangunkan sektor pembuatan. Sektor pembuatan merupakan sektor amat penting, menyediakan peluang pekerjaan yang banyak, menyumbang kepada eksport negara dan menyumbang 27.5% kepada pendapatan negara. Selain daripada itu kalau kita lihat kepada beberapa kawasan di Malaysia, umpamanya Shah Alam, Johor, Pulau Pinang ataupun Kulim yang umpamanya. Kawasan-kawasan ini berkembang

oleh sebab sektor pembuatan. Pulau Pinang terkenal dengan pusat *electrical* dan elektronik negara. Ini semua sektor pembuatan. Shah Alam, ia banyak syarikat-syarikat, kilang-kilang.

Jadi pertumbuhan kawasan-kawasan di Malaysia termasuk Kulim dan lain-lain adalah kerana perkembangan atau kemajuan pesat dalam sektor pembuatan. Kita tidak menafikan sektor minyak penting juga. Satu, saya sebut hasil tadi. Tengok Bintulu dan Kerteh umpamanya. Bintulu dikenali sebagai *oil city*. Kalau tidak ada minyak dan gas maka Bintulu tidak akan membangun. Miri begitu juga dan *insya-Allah* dalam dua, tiga tahun lagi, Komanis di Sabah akan menjadi sebuah pusat *oil and gas*. Jadi, di Malaysia kita bersyukur kerana kemajuan kita seimbang. Sektor pembuatan berkembang, sektor *oil and gas* pun penting dan kerajaan akan terus memberi perhatian kepada kedua-dua sektor ini.

Untuk tempoh daripada sekarang hingga tahun 2020, di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP), kita menjangkakan sektor *oil and gas* akan berkembang 5% setahun sehingga tahun 2020. Ia akan menyumbang kepada kira-kira 52,000 peluang pekerjaan baru. Pelaburannya kira-kira RM131 bilion. Sebenarnya untuk tempoh tujuh, lapan tahun akan datang, sektor *oil & gas* akan dibangunkan. Ia akan berkembang dengan pesat. Kalau sebelum ini ada sedikit penurunan dari segi pengeluarannya, *oil and gas* tetapi untuk tahun-tahun ke hadapan, kita menjangkakan sektor ini akan berkembang, puratanya 5% setahun.

Jadi sebagai rumusan Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kita gagal mengembangkan sektor pembuatan. Sektor pembuatan penting. Dahulu merupakan sebahagian kecil daripada ekonomi negara, hari ini sektor pembuatan begitu aktif dan berkembang dengan pesat. Dalam pada itu, sektor *oil and gas* atau minyak juga penting. Kedua-duanya penting dan di Malaysia, kita akan membangunkan kesemua sektor. Di bawah ETP kita akan membangunkan 12 sektor termasuklah *oil and gas*, termasuklah *manufacturing*, *electrical*, elektronik dan lain-lain. Jadi, itulah jawapan saya kepada soalan yang penting ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham. Silakan Yang Berhormat.

■1140

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang hadir untuk menjawab soalan saya pada hari ini. *Alhamdulillah*, cuma saya rasa ada agak kekeliruan kerana soalan saya ialah gagal menyumbang secara lebih *significant* terhadap pendapatan negara memandangkan ada banyak bantuan dan insentif dan sebagainya. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bergantung pada pernyataan saya. Daripada RM20 bilion setahun anggaran subsidi gas asli yang ditanggung oleh industri petroleum melalui Petronas lebih kurang RM7 bilion ke RM8 bilion adalah untuk sektor industri pembuatan dan selebihnya kepada sektor elektrik.

Kita melihat akibat terlalu banyak kebergantungan kepada subsidi sebegini, sektor industri pembuatan tidak dapat dengan izin, *move up the value chain* dalam sektor industri negara. Ianya seperti suatu dasar yang dahulunya cuba dilaksanakan, sepuluh tahun dahulu dilaksanakan oleh

kerajaan sehingga sampai sekarang tidak berjaya iaitu untuk menonjolkan sektor pembuatan itu sendiri supaya sektor yang paling *significant* dalam negara. Soalan saya ini ada tiga yang berturutan iaitu:

- (i) adakah subsidi yang diberikan melalui Petronas atau industri petroleum ini kepada sektor pembuatan ini akan terus diberikan sehingga pengeluaran petroleum negara ini kehabisan;
- (ii) kenapakah kerajaan terus membenarkan subsidi seperti ini diberikan kepada sektor industri pembuatan khusus untuk barangan-barangan yang akan dieksport ke luar negara bukannya barang yang untuk diguna pakai dalam negara; dan
- (iii) adakah kita ingin mengambil contoh melihat kepada negara Norway contohnya bagaimana Norway membina industri pembuatan mereka. Walaupun mereka adalah negara pengeluar dan pengeksport petroleum, mereka tidak memberikan subsidi gas kepada sektor pembuatan mereka sedangkan sektor pembuatan mereka terus berkembang dan menjadi antara yang termaju di Eropah.

Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat telah pun ke Norway. Norway memang salah sebuah negara pengeluar minyak yang berjaya dan negara tersebut mempunyai satu sistem dengan izin *social protection* yang begitu baik tetapi di negara tersebut kadar cukai pendapatan dan cukai-cukai lain tinggi. Jadi, itu keadaan Norway. Kita akui kejayaan Norway tetapi kita tidak boleh meremehkan, memperlekehkan kejayaan negara kita.

Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi dahulu tidak ada sektor pembuatan. Cuma menyumbang 12% sahaja kepada pendapatan negara. Sekarang ini 27.5% merupakan penyumbang utama kepada *employment*, kepada guna tenaga. Kalau tidak ada sektor pembuatan, tidak ada Kulim atau pun Kulim lebih kecil, Pulau Pinang akan ranap dan Shah Alam dan Gebeng dan seluruh negara. Jadi, kita tidak boleh memperkecilkan sumbangan sektor pembuatan. Itu sebabnya kita bagi pelbagai insentif.

Subsidi ini bukan sahaja sektor pembuatan. Kita ada yang banyak ialah kepada *consumer*, kepada pengguna-pengguna. Minyak di subsidi sekarang ini kira-kira RM1. Kalau RON-95 umpamanya RM1 subsidi yang diberikan oleh kerajaan bagi setiap liter yang kita beli. Begitu jugalah tong gas. Kita cuma bayar separuh sahaja daripada yang sepatutnya kita bayar. Itu subsidi untuk *consumer*. Subsidi ini untuk seluruh rakyat Malaysia. Jumlahnya lebih RM33 bilion semuanya. Ada subsidi untuk pendidikan tinggi. Umpamanya bagi yang pergi hospital dia cuma bayar 1% hingga 2% sahaja jumlah kosnya. Bagi pengajian tinggi cuma membayar tidak sampai 10% daripada kos.

Jadi, Kerajaan Malaysia merupakan sebuah kerajaan bertanggungjawab. Kita kutip hasil daripada rakyat, kita agihkan kepada mereka yang memerlukan. Itu kaedah yang kita laksanakan. Jadi, adalah tidak benar subsidi dinikmati cuma oleh sektor pembuatan. Subsidi dinikmati kebanyakannya oleh pengguna. Minyak masak pun diberi subsidi, gandum diberi subsidi, gula diberi subsidi. Itu adalah untuk pengguna dan bukan untuk pembuat.

Jadi, subsidi ini bantuan yang kita berikan untuk sektor pembuatan yang kita beri pengecualian cukai. Ada yang dapat lima tahun, ada dapat sepuluh tahun. Ini penting. Itu juga boleh dianggap sebagai subsidi. Kalau tidak bagi begitu maka kita tidak dapat tarik syarikat-syarikat ternama di dunia. Malaysia mempunyai banyak syarikat-syarikat ternama di dunia. Ini oleh kerana bantuan dan pengecualian cukai yang diberikan itu boleh dianggap sebagai subsidi. Itu strategi yang kita lakukan kerana kalau kita lihat secara keseluruhannya setelah dibuat perkiraan, maka walaupun kita bagi subsidi sama ada minyak gas ataupun *tax incentive* kita merasakan faedah untuk negara.

Pada pertimbangan akhir ataupun *fund* analisis yang penting ialah apa faedah keseluruhan kepada negara. Ya, ada kos. Setiap yang kita lakukan ada kos. Kita bagi subsidi ada kos. Umpamanya kita bagi subsidi minyak masak, dan juga subsidi petroleum ada kos tetapi kita lihat kepada faedah kepada negara. Umpamanya apabila diberi subsidi kepada pengguna yang membeli minyak petroleum, ini akan meredakan kadar inflasi. Kalau ditarik balik subsidi maka sudah pasti kadar inflasi akan meningkat. Jadi, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kita perlu melihat kepada perimbangan atau pun kita kena *balance cost* dan *benefit* dan apabila kita buat sesuatu kita membuat perkiraan.

Jika secara keseluruhannya kita mendapati faedah melebihi kos maka kita akan laksanakannya. Jadi, mengenai subsidi kita tidak beri *direct*, tidak banyak sangat subsidi kepada *manufacturing* untuk Petroleum, untuk tenaga. Yang banyak adalah untuk *consumer*. Begitu juga lah kita tidak kira sama ada untuk eksport atau pun untuk import. Kalau bantuan diberikan sama ada ia keluar pun untuk dalam negara atau pun luar negara bantuan itu akan terus diberikan.

Jadi, saya cadang Yang Berhormat baca lebih sedikit mengenai Norway ini. Walaupun kita akui Norway sebuah negara hebat, kita tidak boleh memperlekehkan kejayaan negara kita. Kita harus berbangga, kita rakyat Malaysia harus berbangga kejayaan negara kita dan telah mencapai banyak kejayaan menjadi salah sebuah negara yang ternama.

Pagi tadi saya berjumpa dengan sebuah negara daripada EU Latvia namanya, negara kecil. Dahulunya *former Soviet Republic* datang ke negara Malaysia, begitu bangga. Seminggu lepas kita mendapat kunjungan daripada Perdana Menteri United Kingdom. Pada minggu yang sama kita mendapat kunjungan Presiden Kazakhstan. Semuanya datang ke Malaysia kerana mereka ingin menjalin hubungan lebih rapat dengan negara kita. Ada peluang-peluang perdagangan dan pelaburan. Mereka mengiktiraf kejayaan negara kita dan saya harap rakyat Malaysia berbangga dengan negara kita. Marilah kita sama-sama memajukan negara kita supaya kita mencatatkan kejayaan lebih besar di masa akan datang.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir bersama pada pagi ini. Saya dimaklumkan bahawa Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sekarang ini sedang berada di Jepun untuk misi pelaburan dan juga *ASEAN Roadshow*. Jadi, saya ingin tahu apakah peluang-peluang baru dan kemampuan kita mendapat pelaburan-pelaburan baru daripada Jepun setelah kita ketahui Jepun sekarang ini dalam keadaan *reconstruction* setelah dilanda tsunami yang besar pada tahun yang lepas. Apakah bidang-bidang baru yang boleh kita dapat penerokaan daripada mereka. Kedua, saya juga ingin tahu apakah status kesediaan kita Malaysia di dalam menghadapi kedatangan ASEAN Economic Community pada 2015. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb. Yang Berhormat Dato' Mukhriz, Timbalan Menteri saya sekarang berada di Jepun untuk dua tujuan. Yang pertama untuk mempromosikan Malaysia, promosi perdagangan dan pelaburan, dan kedua ialah untuk menyertai *ASEAN Economic Ministers Roadshow*. Saya tidak dapat pergi antara lain kerana hendak menjawab soalan di dalam negara. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Sama-sama. Jadi, Tuan Yang di-Pertua bidang-bidang baru, Jepun merupakan pelabur utama di Malaysia dalam bidang pembuatan. USD20 bilion telah dilaburkan, yang sudah direalisasikan, sudah melabur di negara kita. Syarikat *Sony*, *Panasonic* ini merupakan syarikat-syarikat ternama daripada Jepun. Ia merupakan pelabur nombor satu di Malaysia. Kita sudah melaksanakan *Look East Policy*, 30 tahun. Tahun ini ulang tahun ke 30 Dasar Pandang Ke Timur dan akhir tahun ini kita akan mengadakan satu promosi besar-besaran yang kita panggil sebagai seperti yang diumumkan oleh timbalan menteri, *second wave for Look East Policy* di mana kita hendak menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan daripada Jepun.

■1150

Jadi soalnya apakah bidang-bidang baru? Jepun masih lagi hebat dalam bidang teknologi, dalam bidang kereta, umpamanya walaupun sekarang diatasi oleh China dan Amerika tetapi kereta Jepun seperti *Toyota*, *Nissan*, *Daihatsu*, *Honda* masih lagi merupakan jenama-jenama yang baik, maka antara bidang baru bagi kita adalah bidang hibrid umpamanya. Jepun mempunyai teknologi yang canggih dalam bidang hibrid dan kita telah mengadakan banyak perbincangan dengan beberapa syarikat Jepun untuk melihat kemungkinan syarikat-syarikat Jepun melabur dalam bidang hibrid.

Satu lagi bidang ialah solar. Ini satu bidang di Sarawak umpamanya, negeri Puan Yang di-Pertua Tokoyama sudah pun kita luluskan di kawasan Bintulu bernama Samalaju. Tokoyama sudah pun memulakan, belum beroperasi tetapi sudah mula kilangnya dalam bidang industri solar. Jadi ini antara bidang-bidang baru dalam bidang-bidang teknologi tinggi, bidang *electrical* elektronik kita bertuah kerana Jepun masih lagi melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang berpotensi untuk menerima pelaburan daripada Jepun dan daripada, saya yakin bahawa lawatan

Yang Berhormat Dato' Mukhriz Tun Dr. Mahathir ke Jepun akan memberi hasil yang baik kepada negara.

Pertama Jepun masih lagi penting bagi Malaysia itulah sebabnya kita melaksanakan beberapa promosi ke Jepun kerana hubungan yang baik 30 tahun yang lalu yang mula Dasar Pandang ke Timur, tahun ini negara Jepun dijangkakan mencatatkan sedikit pertambahan di dalam kadar pertumbuhannya. Tahun lepas memang terjejas dengan tsunami. *In a current fiscal year* dengan izin, negara Jepun akan menikmati pertumbuhan kira-kira 2.2% iaitu bagi negara maju ini angka yang tinggi. Bagi negara Malaysia 2.2% itu angka yang rendah tetapi negara Jepun akan ada *recovery*, dengan izin pemulihan di Jepun tahun ini. Jadi apabila ekonomi negara Jepun pulih sudah pasti lebih banyak syarikat yang melihat peluang di luar negara.

Selain itu, Jepun merupakan satu negara yang kosnya agak tinggi maka sudah pasti syarikat-syarikat akan melihat peluang-peluang di luar negara di mana struktur kosnya lebih komparatif termasuklah Malaysia untuk melabur di negara-negara berkenaan. Berkaitan dengan soalan kedua persiapan kita untuk Komuniti Ekonomi ASEAN ataupun *ASEAN Economic Community* ini merupakan satu matlamat yang penting bagi semua sepuluh negara ASEAN. *Insyah-Allah* 2015 kita akan dapat mencapai hasrat tersebut. Kita ada beberapa dimensi.

Pertamanya tidak ada tarif makna barangan yang dijual di Malaysia, di Thailand yang datang daripada negara ASEAN umpamanya tidak dikenakan tarif. Kebanyakan barang yang masuk ke negara Malaysia daripada Indonesia, daripada Thailand dan lain-lain negara ASEAN tidak ada tarif makna kosong. Tidak ada cukai.

Keduanya itu dari segi barangan dan dari segi perkhidmatan kita umpamanya *banking* sudah pun beberapa bank yang kita ada *CIMB, Maybank, Public Bank* antara bank-bank yang sudah ada operasi di negara ASEAN di Brunei, Singapura, Indonesia, Thailand dan lain-lain. Itu satu dimensi lagi iaitu pelaburan antara negara ASEAN.

Selain itu perdagangan juga, perdagangan antara sekarang ini 25% jumlah perdagangan kita. Jadi ini petanda-petanda yang baik, yang kita jangka akan memberi kesan untuk memajukan lagi Malaysia dan juga negara ASEAN. Jadi berkaitan dengan AEC ini dengan izin, *we on track* kita berada pada landasan yang betul dan pada tahun 2015 *insyiah-Allah* kita akan mencapai satu Komuniti Ekonomi ASEAN dan ini akan membantu untuk memajukan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita dan akhirnya rakyat Malaysia akan mendapat manfaat termasuklah peluang-peluang pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menjawab soalan yang saya agak jawapan itu begitu bernas. Maka dengan jawapan itu tadi maka setakat ini sahajalah sesi pertanyaan bagi jawab lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”

[25 April, 2012]

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Hajah Mariany binti Mohammad Yit menyambung berucap. Yang Berhormat ada lima minit Yang Berhormat sebab semalam Yang Berhormat sudah berucap.

11.56 pg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi tidak adakah di dalam Dewan ini? Kalau dia ada di luar itu suruh dia masuk ya, sebab selepas ini dia akan berucap. Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang pada pagi ini. Semalam saya telah – isu yang terakhir yang saya sampaikan di Dewan ini adalah mengenai belia yang bermasalah yang mudah terpesong akidah mereka dan belia-belia ini baik di luar ataupun di dalam negara dan kaitannya dengan Kementerian Belia dan Sukan. Di sini saya ingin bertanya apakah Kementerian Belia dan Sukan terlepas pandang kepada segolongan belia yang banyak melibatkan diri dengan kelompok para agamawan. Mungkinkah pihak kementerian terlupa untuk bertanya ke mana perginya semua pelajar Malaysia yang telah dihantar ke negara Timur Tengah. Setelah mereka pulang mendapat ijazah di dalam pelbagai bidang agama atau pulang tanpa ijazah. Berapa ramai mereka yang telah pulang ke tanah air dan di manakah mereka dan apakah inisiatif kerajaan untuk mencari para graduan agama ini bukan sahaja di luar tetapi di dalam negeri?

Kita sudah sedia maklum dengan sejarah yang lalu bagaimana pelbagai fahaman agama telah menular terutamanya dalam agama Islam. Kita juga maklum pelbagai aliran seperti *Syiah*, *Arqam*, *the new age movement* dengan izin, sudah menular masuk ke negara kita. Kebanyakan ekstremis agama ini terdiri dari golongan belia. Didapati amat kurang pemantauan ke atas golongan belia ini. Di dalam kelompok belia, masalah akidah mudah berlaku. Tidak hairan sekiranya kita melihat kewujudan golongan belia ekstremis di kalangan kita menentang sebarang sekatan dan membawa pelbagai fahaman untuk merosakkan akidah sesama belia. Terkini adalah kumpulan LGBT iaitu lesbian, gay, biseksual, transeksual. Mereka telah memohon untuk berkumpul di Dataran Merdeka tetapi telah ditolak.

Apa yang saya faham kalau di UK dahulu, kumpulan-kumpulan ini jika berlaku mengikut undang-undangnya di belakang pintu yang tertutup di dalam antara individu yang rela perkara itu tidak menyalahi. Akan tetapi sekarang apa yang berlaku di dalam bilik yang tertutup hendak dibawa ke Dataran Merdeka. Sudah cukup kita punya pelajar-pelajar datang membawa khemah ke Dataran Merdeka kini kumpulan LGBT di kalangan belia kita hendak membawa kelambu mereka pula di Dataran Merdeka. *Nauzubillaahiminzalik* diharap perkara ini tidak berlarutan. Kemungkinan pihak Kementerian Belia dan Sukan merasakan bahawa ianya menjadi tanggungjawab pihak JAKIM sebagai pemantau bagi masalah akidah.

Sepatutnya permasalahan akidah di kalangan belia ini hendaklah dipikul bersama Kementerian Belia dan Sukan yang telah diamanahkan membimbing belia. Jika masyarakat Kristian, Hindu dan Buddha risau anak mereka mula tertarik dengan kumpulan seperti LGBT, fahaman *ethics*, *freemason* dan lain-lain yang menolak nilai-nilai murni fahaman ibunda mereka, maka akan pincanglah negara bila bercampur dengan belia Islam yang telah rosak akidahnya. Begitu penting belia negara ini supaya sihat, waras dan mempunyai kekuatan rohani dan jasmani yang kental.

Tidak dinafikan bahawa kegiatan sukan amat penting bagi menaikkan nama negara, namun masalah kerosakan akidah dan akhlak juga boleh memainkan peranan meruntuhkan sesebuah negara. Belia-belie ini di dalam kecelaruan minda berhadapan dengan masalah putus cinta, mencari pekerjaan serta masalah rumah tangga yang ingin mencari ketenangan jiwa amat mudah mencari apa sahaja alternatif sebagai sebuah pelarian atau *escapism* dengan izin, mencari ketenangan atau membawa perubahan kepada diri mereka.

■ 1200

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat. Sila gulung.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Saya mohon sedikit lagi. Di sini ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan pihak JAKIM memantau pelbagai aliran agama Islam yang telah membanjiri negara ini. Di dalam masa ini, kerajaan cuba untuk menutup pergerakan Arqam. Mereka timbul pula dengan nama baru iaitu Rufaqa. Setelah kedudukan Arqam dihidu di dalam Rufaqa sekali lagi mereka cuba menghidupkan

Arqam melalui Global Ikhwan. Ini adalah satu contoh di mana unsur-unsur terpesong ini dimasukkan kembali. Ia akan terus meletihkan pihak yang berkuasa untuk memantau serta mencegah secara sendirian tanpa bantuan dari pihak yang lain.

Satu lagi perkara ialah kementerian juga harus menilai semula semua latihan modal insan dalam pelbagai modul latihan terutama yang melibatkan kerohanian yang hendak dihidangkan kepada golongan belia. Sebuah badan tindakan yang hendak – bagi menapis segala modul terutamanya dari luar negara agar sejarah hitam seperti di Rusila, Arqam dan Al-Ma'unah tidak berulang. Mustahil sekiranya masih wujud bekas-bekas Arqam yang melibatkan diri mereka di dalam penyediaan modul-modul latihan di dalam negeri ini. Amat mudah diselitkan pelbagai unsur yang dapat menyesatkan belia Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pada 17 Jun 2010 kita dikejutkan warta fatwa tentang kesesatan dan bahayanya modul *training* yang baru iaitu ESQ 165 datangnya dari Indonesia. Pada ketika itu, sudah puluhan ribu telah menjalani latihan tersebut dan kebanyakannya melibatkan golongan belia. Bayangkan bagaimana keadaan ini boleh berlaku. Siapa yang memantau sehingga puluhan ribu terjebak di dalam masalah kesesatan aqidah ini? Ini hanya satu contoh yang dapat dikemukakan sekarang ini tetapi apa pula modul-modul *training* yang lain dari negara barat. Pernahkah kita memberi pemantauan ke atas modul latihan mereka?

Saya amat berharap di Dewan yang mulia ini untuk mengambil kira cadangan ini dan panjangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan di mana belia adalah generasi harapan bangsa. Oleh itu, saya berharap pihak kementerian dengan dasar pembangunan belia negara tidak akan mengetepikan golongan belia Islam di dalam pencarian untuk mendalami ilmu kerohanian mereka. Pemantauan serta pencegahan proses indoktrinasi yang bakal merosakkan akidah mereka amat diperlukan. Saya ingin mengulangi cadangan supaya Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan JAKIM dan JAKIM pula membuka ruang untuk bekerjasama dengan pelbagai NGO yang ahlinya adalah daripada kumpulan belia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi tidak ada di dalam Dewan sekarang, maka saya teruskan dengan mempersilakan Yang Berhormat Dato' Ng Fook Heng. Silakan Yang Berhormat.

12.03 tgh.

Dato' Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya hanya mengambil masa sekejap sahaja. Saya hendak sentuh tentang pembangunan negara iaitu Yang di-Pertuan Agong kita ditabalkan semula untuk kali kedua. Maknanya dalam *spend* 42 tahun berbanding dengan dahulu. Jadi, dalam jangka masa 42 tahun ini transformasi negara memang adalah amat ketara.

Izinkan saya ambil data daripada *boss* PEMANDU iaitu Senator kita Dato' Sri Idris Jala. Iaitu dalam 42 tahun ini:

- (i) dibandingkan *gross national income* dalam bilion. Dalam tahun 1970 adalah RM12.75 bilion jumlah pendapatan nasional. Kemudian tahun 2010 ataupun 2011 telah meningkat ke RM830 bilion. Maknanya peratus perubahan peningkatannya *percentage change* adalah sebanyak 6,409%. Kita punya Senator pembangkang semua tidak ada di sini. Seorang sahaja yang ada. Sebab mereka yang selalu mengatakan kerajaan *corrupt* dan macam-macam. Seolah-olah tidak ada perubahan. Jadi ini buktinya;
- (ii) dari segi *population* ataupun bilangan penduduk pada tahun 1970 adalah 10.9 juta. Pada hari ini adalah 28.4 juta. Meningkat 160.5%. Ini tidak termasuk PATI yang ramai;
- (iii) per kapita *income* adalah pendapatan per kapita. Pada tahun 1970 adalah RM1,070 dan pada hari ini puratanya adalah RM29,225. Peningkatan adalah sebanyak 2,537%;
- (iv) *incident of poverty* dengan izin, iaitu kemiskinan. Pada tahun 1970 adalah 49.3% daripada *population* kita pada tahap miskin. Kemudian, pada tahun 2009 hanya ada 3.8% sahaja yang dianggap miskin. Maknanya penurunan 93% turun untuk kemiskinan;
- (v) bilangan sekolah. Pada tahun 1970 ada 5,108 buah sekolah. Pada hari ini ada 10,019 buah sekolah. Maknanya peningkatan 96%;
- (vi) bilangan universiti. Pada tahun 1970 semasa Yang di-Pertuan Agong kita pertama kali menjadi Agong, di Malaysia ini hanya ada tiga buah universiti tempatan sahaja iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia kalau tidak silap saya. Pada hari ini, swasta dan kerajaan campur sekali adalah sebanyak 59 buah universiti. Iaitu peningkatan 1,900%;
- (vii) bilangan hospital. Hospital pada tahun 1970 hanya terdapat 126 buah sahaja dan pada hari ini terdapat 376 buah hospital. Tidak kira lagi Klinik 1Malaysia. Peningkatan 198.4%;
- (viii) *average life expectancy*, dengan izin. Maknanya umur. Pada tahun 1970 purata umur kita adalah 63.6 tahun seorang. Pada hari ini umur kita panjang dan meningkat ke purata 74.1 tahun. Maknanya meningkat 17 tahun dalam masa 42 tahun; dan
- (ix) *infant motility per thousand life birth* maknanya kanak-kanak yang dilahirkan dan dapat dibesarkan.

■1210

Pada tahun 1970, kita dapat 39.4 maknanya dalam 1,000 kanak-kanak yang lahir itu, 39.4 yang tidak dapat diselamatkan. Pada hari ini hanya 7/1,000 maknanya menurun 82% pertukaran.

Last sekali, akhir adalah *foreign direct investment* (FDI) dalam RM pada tahun 1970 adalah RM212 juta dan pada hari ini adalah RM32.9 bilion, meningkat 15,500%.

Jadi, semua angka-angka ini adalah jelas bahawa transformasi negara sudah bermula sejak dahulu lagi. Kerajaan bukan sempurna. Kerajaan kita mungkin ada kesilapannya sebab manusia dan kerajaan sama. Kerajaan ditadbir oleh manusia. Manusia tidak sempurna, hanya Tuhan sahaja yang sempurna. Jadi, kita ada kelemahan kita tetapi dengan semua angka-angka ini jelas bahawa negara kita adalah dalam saluran atau *track* yang betul, yang baik.

Kemudian saya hendak sentuh sedikit tentang FDI, terutamanya hendak tanya soalan ini kepada Menteri MITI tadi. Tadi hendak bangun tetapi tidak sempat. Macam mana dengan pelaburan asing ke negara kita yang di mana selepas diluluskan, maka mereka datang ke negara kita dan membuat kilang dan sebagainya. Sudah hampir 80% siap, tiba-tiba rakyat membantah seperti kilang Lynas di Gebeng, Kuantan. Menjadi isu yang besar, dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu dan macam mana kita hendak selesaikan masalah-masalah macam ini? Adakah kita suruh mereka balik? Adakah kita berhentikan kilang itu untuk gantikan ataupun bagaimana?

Maknanya, MITI semasa meluluskan projek seperti ini tidak kaji dengan mendalam. Mereka lupa tentang faktor PEST iaitu politik, ekonomi, sosial dan teknologi. Maknanya, dari segi ekonomi, 'E' mereka lulus. Dari segi 'T' teknologi, okey, mungkin yang *advancement* dan sebagainya, teknologi baru, lulus. 'S' sosial mereka lupa dan 'P' politik juga mereka lupa. Adakah meluluskan FDI seperti ini akan membebankan kerajaan dari segi *political*?

Jadi, semua ini saya harap MITI lain kali janganlah membawa FDI yang menyakitkan, memeningkan pihak-pihak tertentu, terutamanya pihak kerajaan. Susah kita hendak kendalikan perkara-perkara begini terutamanya pada senario politik pada hari ini. Sampai orang dari Penang, tidak ada langsung kaitan dengan Penang pun sibuk-sibuk cakap membantah dan membantah. Semua orang di kampung, suri rumah tangga dan sebagainya bercakap seperti *expert*, seperti pakar dalam nuklear teknologi. Saya pun tidak berani cakap langsung sebab saya tidak tahu.

Pada pendapat saya, kalau sesiapa datang boleh buktikan kepada saya bahawa ini adalah bahaya, ini akan menjejaskan kesihatan manusia, saya akan bantah. Saya akan bawa orang tidur di sana dan bantah betul-betul tetapi sehingga hari ini semua saya dengar ia adalah betul, ada yang boleh dan tidak bahaya tetapi tidak ada orang lagi yang boleh bawa, *expert*, yang berkaliber, daripada *United Nations* untuk memberi jaminan kepada kita bahawa ini adalah tidak boleh, memang bahaya, tidak ada. Mereka bantah sahaja.

Jadi, saya rasional, saya bukan emosional. Sudah sebab apabila ahli-ahli politik mempolitikkan isu ini, maka perkara itu susah diselesaikan. Seperti juga akan diadakan pada 28 April ini, BERSIH 3.0. Hendak bersih apa lagi? Padahal BERSIH ini adalah berkenaan dengan SPR, kononnya tidak bersih tetapi *Parliamentary Select Committee* (PSC) telah ditubuhkan dan dalam itu ada tiga orang wakil pembangkang. Mereka sudah kaji semua, berikan *recommendation* dan sebagainya kepada SPR. Biarlah SPR pergi jalankan, kaji tengok semula mana yang boleh diterima dan mana yang tidak boleh diterima.

SPR belum buat apa-apa lagi, sudah tidak boleh. Terus hendak 428, saya rasa patut 528, 628, 728. Setiap bulan pergi. Kemudian Dataran Merdeka itu adalah amat bermakna iaitu tempat yang kita Dataran Merdeka, bersejarah. Sudah Datuk Bandar kata tidak boleh di sana, pergi stadium tidak mahu juga, hendak pergi sana, hendak lawan sahaja. Maknanya, matlamat mereka adalah hendak lawan sahaja. Hendak lawan, itu tujuannya. *You* tidak pergi, saya hendak pergi. Kita tengok macam mana, apa akibatnya. Itu maknanya, hendak glamor sangat untuk menaikkan emosi rakyat dan sebagainya.

Oleh kerana sistem pentadbiran negara kita, saya hendak sentuh sedikit pada masa merdeka. Kita sudah bersetuju UMNO mewakili orang Melayu, MCA mewakili orang Cina dan MIC mewakili orang India dan orang British pun setuju bahawa gabungan ini adalah elok, *alliance* dan diberikan kemerdekaan kepada kita pada tahun 1957 dan kita pun merdeka. Jadi, selepas itu UMNO memperjuangkan untuk orang Melayu tidak salah, MCA memperjuangkan orang Cina tidak salah dan MIC memperjuangkan orang India memang betul. Hari ini, Yang Berhormat Dato' Olian memperjuangkan untuk Orang Asli, memang betul sebab negara kita memang begitu, memang negara yang majmuk dan berbagai bangsa. Tidak macam Korea satu bangsa. Korea pun ada *South Korea* dan *North Korea*. Tuhan lahirkan kita manusia, saya percaya Tuhan sengaja membuatkan dan menciptakan kita berbagai kaum, Cina, Melayu, India dan sebagainya. Tuhan hendak *test*, hendak tengok kita macam mana kita, sikap kita terhadap bangsa-bangsa lain.

Kalau tidak kenapa darah kita semua sama warna merah? Kenapa saya punya warna bukan warna kuning ataupun warna Syed Ibrahim itu gelap tetapi darah saya boleh masuk dalam badan mana-mana Senator ini. Kita semua darah sama. Jadi, kita tidak ada pilihan dan apabila kita dilahirkan, Tuhan tidak tanya saya, "Ng, *you* hendak lahir sebagai Cina, Melayu atau India?" Tidak ada, tidak ada pilihan. Saya lahir Cina. Bermakna Tuhan sengaja melahirkan kita berbagai-bagai bangsa, hendak kita bekerjasama, tengok, hendak uji, apa *you* buat dan apakah akibatnya? Sama tindakannya, semua tengok murni atau tidak, betul-betul *you* seorang yang murni atau tidak, betul-betul *you* seorang yang benar ataupun *you* baik jaga satu orang lain dan satu orang lain *you* buat jahat. Maka, itu bukanlah saya percaya bukan seorang manusia yang Tuhan hendak.

Oleh itu saya kata, Barisan Nasional pada hari ini mempunyai 14 komponen parti. Semua komponen-komponennya memperjuangkan untuk kepentingan diri. Kemudian kita tolak ansur, berbincang *round table* dan akhirnya kita buat keputusan yang baik untuk semua. Saya rasa ini tidak salah. Maksud saya adalah, di Malaysia ini belum masa lagi untuk dua parti sistem. Belum lagi dan mungkin 50 tahun kemudian kerana perbezaan antara kaum, perbezaan antara miskin dan kaya, masih lagi banyak jurang itu dan juga perbezaan pengetahuan. Jadi, kita tidak sampai lagi ke tahap Amerika Syarikat di mana seorang berkulit hitam boleh jadi Perdana Menteri. Dia warna kulit sahaja hitam tetapi budaya, bahasa semua adalah sama. Itu pun Amerika Syarikat mengamalkan demokrasi yang dianggapkan paling ulung di dunia ini, *the most democratic, I don't know. That's what they say*, dengan izin.

■1220

Adakah Malaysia ini sudah sampai ke tahap Amerika Syarikat seperti sama di Amerika Syarikat? Saya rasa semua penggubal undang-undang di sini, tanyalah diri sendiri. Janganlah heboh-heboh ikut emosi dan bila salah maka negara akan terjejas, keamanan, kemakmuran dan sebagainya, anak-anak kita semua.

Banyak lagi isu-isu yang saya hendak cakap tetapi oleh kerana masa dan sebagainya dan hari ini ialah hari yang terakhir, saya tidak ingin cakap panjang. Hanya ada satu rekod sahaja. *Last question is* dengan izin, kenapa dalam masa yang singkat ini, SPR kena jawab ini, singkat ini – terdapat 2.2 juta pengundi baru didaftar terutamanya pada tahun lepas saya baca surat khabar pagi tadi, 800 ribu lebih pengundi baru. Adakah semua pendaftaran ini sah, betul atau tidak? Saya harap SPR siasat perkara ini.

Akhirnya saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kawan-kawan kita di dalam Dewan ini. Saya bertuah dapat mengamalkan sebagai Senator Ahli Dewan Negara selama tiga tahun dan sangat bertuah, sangat gembira berkenalan dan mengenali semua Yang Berhormat terutamanya cerita-cerita Sarimah dan sebagainya. Lawatan ke luar negara semuanya seronok, semuanya akan menjadi kenangan yang manis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih juga ke atas jasa Yang Berhormat semasa menjadi Ahli Dewan Negara ini. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Mulia Tunku Abdul Aziz.

12.22 tgh.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan perbahasan saya dengan ucapan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke atas keberangkatan Tuanku ke Parlimen untuk kali yang kedua sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bukanlah semua ahli Pakatan sokong BERSIH ini. Saya tidak sokong... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Mulia, terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Saya hendak beritahu kepada semua dalam Pakatan, saya kata dengan izin, *I am opposed to street demonstration on principal*, kerana saya dah biasa tengok bukan sahaja di negara kita tetapi saya biasa bekerja, duduk banyak negara. Semua demonstrasi kononnya mula dengan secara aman, *peaceful*, tetapi kebanyakan – di London baru-baru ini pun kita tengok dah jadi huru-hara. Jadi saya, *I am on record say that I am opposed*, saya tidak sokong. Terima kasih.

Saya ingin menyuarakan kebimbangan saya berkaitan dengan cadangan pertukaran saham atau *share swap* dengan izin, di antara MAS dan AirAsia. Saya tidak begitu yakin bahawa ini adalah semudah seperti yang diumumkan. Apa yang saya lihat ialah urusan pertukaran saham ini akan memberi keuntungan kepada Tan Sri Tony Fernandez dan sekutu-sekutunya. Penyatuan kedua-dua syarikat ini adalah tidak sesuai.

Saya ingin tahu bagaimana ia akan memberi kelebihan dan keuntungan kepada MAS? MAS dan AirAsia ini tersangatlah berbeza. *MAS premier airline*, jadi cara meniaganya itu lain, ia punya komersial objektif pun lain. Jadi kita hendak suruh MAS dan AirAsia ini berkahwin, ini orang kata memang tidak boleh jadilah kerana AirAsia ini, ia adalah *low cost carrier*. Dia punya *business plan* lain. Cubalah kita tengok, dia tidak peduli. Kalau dia kata dia tidak mahu guna *airbridge*, dia tidak peduli wanita dengan anak, orang tua-tua kena panjat tangga besi itu, hendak turun pun begitu dengan anak. Akan tetapi dia punya *consideration* dia dengan izin, ialah keuntungan sahaja. Ini saya ingat kita tidak boleh hendak harap kata dengan *share swap* ini, MAS akan jadi satu penerbangan yang maju.

Juga, betul MAS ini dah rugi banyak tetapi sebagai yang dikata oleh Menteri kelmarin, ini bukan fasal lain, kebanyakan fasal ini ialah kerana harga minyak dah naik. Akan tetapi janganlah kita kata, "*Oh, kerana harga minyak dah naik, kenapa pula AirAsia boleh untung?*". *We are not comparing* epal sama epal. Kita selalunya, "*Oh, MAS ini tidak baguslah*", itu ini tetapi ini saya ingat tidak betul kerana MAS ini ialah kita punya *national carrier*. Kita punya *carrier*, kita punya *national flight carrier*. Jadi saya ingat kalau kita tak perbetulkan apa-apa yang kurang di MAS ini, saya ingat malulah kerana negara yang maju seperti negara kita ini tidak boleh menjalankan satu *airline* yang maju.

MAS ini dari dulu..., saya tahu sedikit sebanyak sebab masa itu saya di Bank Negara dan Tan Sri Ismail sebelum dia jadi Tun, dia jadi pengerusi *Malaysian Panel* masa kita hendak pecahkan dia punya aset semua itu. Jadi dari masa itu lagi pun, MAS ini, nama MAS ini yang betulnya kita ambil dari MSA. Singapura hendak sangat MSA ini kerana nama itu dah terkenal seluruh dunia masa itu pun. Jadi kita kena cari jalan macam mana kita boleh *stopkan* dia. Jadi kita pergi minta *injunction*. Kita ambil MSA itu, kita tukar jadi MAS.

Akan tetapi masa itu pun, masa kita ambil balik MAS itu, apa yang kita dapat? Semua ke Singapura. Yang kita dapat kapal terbang 737, Singapura ambil 707 dan kapal-kapal yang lain. *International route* semua Singapura sapu. Apa yang kita ada? *Domestic route* sahaja. Jadi macam mana? Lagipun kita guna MAS ini sebagai kita punya *social instrument*.

■1230

Maknanya bukan kerana kita hendak buat keuntungan. Kita kena ada *social responsibility* kerana kerajaan ini kerajaan yang bertanggungjawab. Jadi *domestic flights* ke Sabah dan Sarawak ini bukan *route* yang untung. Tidak! Jadi, kita tidak boleh hendak kata MAS ini *not efficient*. Memang! Bukanlah saya kata ia tidak *efficient* kerana kita masuk campur tangan terlampau banyak. Masa kita dapat balik MAS itu, ia seperti seekor burung, sayapnya sudah kita potong, kemudian kita kata "*Ha! Pergilah awak terbang.*" Kalaulah masa itu kita boleh buat *international airline* dan buat satu lagi *domestic airline* saya ingat MAS memang boleh lawan dan untung dengan SIA, dengan Cathay Pacific dan dengan Thai Air tetapi masa sekarang tidak boleh. Kemudian pula, kita terlampau banyak politik di dalam MAS ini. Dahulu kalau mana-mana Perdana

Menteri pergi negara yang baru dia kata kita kena *start new* destinasi. Untung tidak untung tidak kira. Sekarang baru hendak buat balik.

Jadi cuba kita tengok AirAsia, apa yang dia buat? Dia pilih, mula-mula itu semua dia hendak. Dia hendak Sydney, dia hendak Mumbai, dia hendak London, itu ini tetapi sekarang apa dia buat? Dia nampak tidak untung sahaja, habis dia tidak kira lagi. Jadi, saya haraplah apa yang patut kita buat kita kena buat supaya MAS boleh terbang lagi.

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz. Minta laluan boleh?

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Ya, sila.

Puan Chew Lee Giok: Yang Berhormat, tentang yang mengatakan MAS ini. Cadangan saya mungkin kerajaan hendaklah memilih orang yang berkaliiber, yang berkebolehan tanpa mengira kaum untuk menerajui MAS ini. Apa pendapat Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz?

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Saya memang bersetuju kerana sekarang ini kalau kita tengok penerbangan-penerbangan di mana-mana pun, penerbangan-penerbangan yang maju itu mula-mula dia pilih orang tidak kira bangsa, tidak kira warna kulitnya. Siapa yang ada *management skill, operational skill* dengan izin, orang itu dipilih. Kalau kita tidak hendak orang di sini, kita boleh cari orang yang ada *experience* dan sebagainya. Tidak kira. *Airlines* ini sekarang sudah jadi *international*. Jadi tidak payahlah kita hendak cari, ambil orang, dia boleh atau tidak boleh buat pun bubuh situ. Itu fasal MAS jadi macam sekarang ini. Cuba kita tengok *chairman* yang lepas. Semua itu orang tidak guna. Bukan? Jadi kita tidak boleh, tidak kira bangsa, tidak kira siapa. Orang Melayu, orang Cina, orang Kadazankah, itu tidak jadi apa hal. Yang kita mahu itu *efficiency, competent, integrity...*

Dato' Ng Fook Heng: Boleh celah?

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Sila.

Dato' Ng Fook Heng: Bagaimana dengan yang lepas, Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala kawan kita? Dato' Sri Idris Jala.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Setengah orang kata Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala ini bijak, pandai. Dia masuk berapa bulan sahaja MAS sudah *breakeven*. Saya banyak tahun bekerja dalam *corporate sector* dan saya tahu cara-cara kita hendak tunjuk kita beruntung, senang. Saya pun boleh buat. Kita *asset straight*, kita *revalue asset* kita. Tanah harga ini kita *revalue*, naikkan. Jadi *bottom line* kita nampak cantiklah, bukan? Akan tetapi ini semua perkara yang *superficial* dengan izin. Kita kena korek dalam, mahu tahu apa yang betulnya, yang menjadi situasi dan sebagainya. Jadi, saya ingat cukuplah kita berbincang berkenaan perkara MAS ini. Lagi satu perkara yang saya hendak bahaskan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Saya ingin melihat satu peruntukan yang lebih besar untuk pertahanan. Saya tidak begitu gembira dengan tahap sedia angkatan pertahanan kita. Saya ingin menegaskan bahawa saya mempunyai kepercayaan penuh terhadap keberanian dan

komitmen setiap anggota tentera yang bertugas tetapi yang saya kurang puas ialah masa kita buat *defense procurement* itu dengan izin, kita kenalah buat dengan cara terbuka. Jadi rakyat pun percaya dengan apa yang kita buat dan *international community* pun. Akan tetapi masa sekarang ini macam-macam kontroversi.

Jadi, saya haraplah kita kena tukar sebagai satu langkah transformasi kita iaitu *procurement procedure* itu kenalah kita buat betul-betul kerana saya ingat ini kita hantar askar kita masuk. Kalau ada peperangan, masuk perang tetapi perkakas-perkakasnya kadang-kadang substandard. Ini, saya ingat kerajaan akan mengambil perhatian. Saya sudah *track* apa yang kerajaan sedang buat sekarang. Itu bagus, memang bagus. Kita kena buat betul-betul. Kalau tidak, tidak bolehlah kita hantar orang pergi berperang dan sebagainya tetapi kita tidak bagi sokongan yang betul.

Lagi satu *last point*. Tidak mahu banyak. Kertas ini banyak. Berkenaan dengan persepsi antarabangsa terhadap Malaysia sebagai negara yang dibelenggu rasuah membawa kepada kepentingan ekonomi dan kualiti negara. Ini lagi satu perkara, persepsi. Memanglah persepsi ini kadang-kadang betul kadang-kadang tidak betul tetapi persepsi ini *important*. Sebelum orang hendak masuk ke negara kita ini, hendak buat kilang dan sebagainya, dia sudah baca semua laporan, *report, economic analysis* dan sebagainya dan selalunya kalau fasal Malaysia ini adalah sedikit *question mark* dengan izin, iaitu rasuah.

Jadi, saya harap sangat-sangat kerana saya sudah berpuluh tahun ini. Saya yang *start founder of Transparency International Malaysia*. Saya pun biasa jadi Naib Pengerusi seluruh dunia. Jadi, saya selalu mana-mana saya pergi pun, saya kena *defense* negara kita. Tidak akan kita hendak pergi, kita hendak 'perlucah' negara kita dan kita kena kata – *we are taking steps* dengan izin. Jadi, saya haraplah sekarang *as a part of this big transformation*, kita tolonglah cari jalan mengurangkan rasuah di negara kita ini. Terima kasih dan saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam.... Tidak ada dalam Dewan ini? Saya nasihatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menghantar nama, sila berada di dalam Dewan supaya bila kita panggil. Tidak payahlah kita mencari-cari Yang Berhormat.

Sudah ada?... Yang Berhormat sudah bersedia? Teruskan Yang Berhormat.

■1240

12.40 tgh.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut serta dalam membahaskan ucapan Titah Diraja yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 12 Mac 2012 yang lepas.

Saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga Mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah yang telah meninggalkan dunia pada 18 April yang lepas di mana jasa dan pengorbanan beliau dihargai. Kehilangan beliau adalah satu kerugian yang amat besar bagi MIC khususnya dan secara amannya, kepada negara selaku Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kerana memberi peluang sekali lagi kepada kaum hawa sebagai Timbalan Yang di-Pertua di Dewan Negara yang mulia ini. Tahniah Yang Berhormat Puan Doris atas pelantikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Semoga pelantikan ini dapat memperkasakan lagi penglibatan wanita dalam agenda pembangunan negara di bawah naungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara selaras dengan ucapan Titah Diraja yang penuh bermakna. Keikhlasan dan saranan Seri Paduka Baginda jelas menunjukkan keprihatinan Raja dan Permaisuri kita agar dapat melihat negara kita membangun dengan pesat, aman, harmoni dan sejahtera.

Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya mohon agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini dapat membuat satu kajian yang lebih komprehensif serta holistik dalam mewujudkan satu *database* penyertaan kaum belia dalam industri pertanian dalam negara kita. Saya menyarankan agar ramai lagi golongan belia India dapat dilibatkan dalam industri sedemikian. Teknologi serta sistem pertanian moden juga harus diutamakan agar minda belia yang rata-ratanya mempunyai persepsi pertanian ini sebagai kerja yang boleh mengotorkan diri ini diubah. Dengan hadirnya teknologi serta kepakaran yang moden ini saya percaya ianya dapat menarik lebih ramai lagi belia kita dalam menceburkan diri dalam industri pertanian negara.

Satu konsep pekerjaan juga harus diwujudkan bagi menerangkan waktu bekerja serta pulangan yang jauh lebih tinggi jika sesuatu industri tanaman ini diterokai. Sebuah sistem perlu diperkenalkan. Satu kempen makan sayur-sayuran dan buah-buahan juga patut dianjurkan supaya rakyat sihat dan cergas. Cadangan ini juga akan memastikan agar negara kita tidak akan bergantung pada sumber tanaman import pada masa akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang agenda kerajaan dalam menyediakan tempat berteduh kepada keluarga miskin dan yang berpendapatan rendah. Saya menyambut baik hasrat kerajaan yang sungguh murni ini dalam mewujudkan Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Awam dan banyak lagi program-program bantuan dalam mewujudkan peluang untuk rakyat kita memiliki rumah kediaman yang sempurna. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun hasrat kerajaan ini dilihat amat mulia dan ikhlas tetapi pihak bank yang memberikan pinjaman perumahan ini dilihat amat tegas sekali.

Saya telah menerima banyak aduan daripada masyarakat bahawa pihak bank komersial yang menjadi agen dalam menyediakan bantuan pinjaman ini menggariskan terma dan syarat yang ketat sehingga ramai yang dari golongan miskin tidak layak untuk membuat pinjaman yang seterusnya mewujudkan rasa tidak berpuas hati dengan kerajaan. Alasan yang utama adalah kegagalan untuk menyediakan dokumen-dokumen dan penyenaiaan hasil, slip gaji dan sebahagiannya. Ini kerana ramai daripada golongan masyarakat ini adalah daripada peniaga kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah sistem pelaksanaan yang diguna pakai dalam menilai dan meluluskan bantuan kepada golongan miskin di bandar dan ibu tunggal. Saya dapati banyak rungutan daripada masyarakat bahawa skim bantuan yang disampaikan ini tidak mempamerkan keseimbangan dan adil. Apakah yang menyebabkan senario sedemikian? Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan cara penyampaian bantuan secara lebih komprehensif. Mengapakah kementerian masih lagi mengharap penerima untuk membuat tuntutan atau memohon kembali setiap tahun untuk mendapatkan bantuan ibu tunggal hanya yang masih mempunyai anak yang bersekolah. Apakah kementerian tidak mempunyai satu mekanisme yang mantap dalam menilai serta melaksanakan bantuan kepada golongan ibu tunggal ini.

Saya juga ingin menekankan bahawa penerima kebajikan harus dipantau supaya mereka tidak bergantung pada kebajikan selama-lamanya tetapi kerajaan harus mengambil inisiatif untuk menyediakan satu sistem yang akan membantu golongan ini menjana pendapatan. Saya harap kerajaan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera atau mewujudkan satu skim pinjaman yang lebih mesra rakyat.

Seterusnya saya juga ingin bertanya tentang *Talent Corp*. Saya ingin tahu setakat ini berapakah jumlah pekerja yang berjaya kembali ke tanah air dan bekerja di sini. Apakah inisiatif yang ditawarkan ini dilihat lebih selesa berbanding dengan pendapatan mereka di luar negara? Dalam masa yang sama saya ingin tahu berapakah jumlah golongan wanita yang kembali dalam program menarik balik cerdik pandai kita kembali dan berkhidmat dalam negara.

■ 1250

Apakah langkah-langkah kerajaan dalam menarik lebih ramai lagi wanita golongan profesional kembali ke era bekerja? Apakah pecahan tenaga kerja wanita berbanding dengan lelaki di peringkat pengurusan dan ke atas serta adakah terdapat inisiatif-inisiatif yang lebih menarik ditawarkan agar ia dapat menarik lebih ramai lagi golongan wanita kembali bekerja berbanding dengan negara-negara maju?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang isu belia. Saya difahamkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan menyediakan bantuan kepada NGO-NGO, badan-badan sukan dan persatuan agar pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan cawangan. Apakah tahap penglibatan belia India dalam semua program-program pembangunan sukan dan belia yang dianjurkan oleh kerajaan di semua peringkat? Saya juga menyeru agar kementerian ini dapat menyediakan lebih banyak lagi

program-program belia yang tertumpu kepada integrasi kaum dan pergaulan agar ia dapat merapatkan perhubungan antara mereka.

Program-program komuniti harus diperbanyakkan memandangkan program sedemikianlah yang banyak membawa erti persaudaraan di kalangan belia-belia kita. Sukan juga menjadi landasan bagi mewujudkan satu komuniti belia yang bertanggungjawab serta persahabatan yang erat, maka dengan adanya program-program seperti ini, saya menyarankan agar Kementerian dapat mempelbagaikan lagi aktiviti kecil-kecilan di peringkat cawangan dan daerah.

Saya sedar bahawa tumpuan Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja mempromosikan sukan di negara kita tetapi juga mendidik serta mengemudi belia-belia kita ke arah satu arah mewujudkan komuniti dan lapisan pemimpin yang berkualiti. Selaras dengan ini saya memohon agar belia-belia India juga tidak ketinggalan dalam apa-apa juga program pembangunan belia. Saya juga ingin tahu berapakah jumlah permohonan mengikut kaum yang diterima oleh Menteri untuk dilantik dalam Majlis Perundingan Belia dan berikan pecahan mengikut kaum dan pelantikan individu ahli majlis dilantik oleh Menteri. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Mulia Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, silakan Yang Berhormat.

12.53tgh

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut serta dalam membahaskan Ucapan Titah Diraja yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 12 Mac 2012 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah serta menzahirkan ucapan terima kasih di atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya berdoa agar baginda dilimpahkan rahmat dan terus bersemayam di takhta serta dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk menaungi negara Malaysia yang tercinta ini berlandaskan prinsip Raja Berperlembagaan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak serta Yang Berbahagia Dato' Seri Sharizat Abdul Jalil di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya, saya berdoa agar saya dapat menjalankan tanggung jawab saya dengan bimbingan daripada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua serta rakan-rakan Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara selaras dengan ucapan Titah Diraja, keikhlasan dan saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jelas mencerminkan keprihatinan baginda agar dapat melihat negara kita membangun pesat dalam

keadaan damai, aman dan sejahtera. Baginda Yang di-Pertuan Agong ingin melihat bahawa rakyat Malaysia hidup bersama, bersatu padu supaya negara dapat terus maju tanpa ada gangguan daripada mana-mana pihak sama ada dari dalam mahupun dari luar yang ingin memporak-perandakan perpaduan yang telah wujud sekian lama. Mungkin pada masa kini harus diimbangi kembali dan diberikan penekanan kepada rakyat mengenai Prinsip Rukun Negara dan mesti dipegang teguh dan diamalkan oleh semua rakyat Malaysia.

Prinsip Rukun Negara telah dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara iaitu setahun selepas berlakunya tragedi 31 Mei 1969 yang telah menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara. Pengisytiharan telah dibuat bahawasanya negara kita Malaysia mendukung lima cita-cita iaitu untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya. Kedua memelihara cara hidup demokratik. Ketiga mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama.

Keempat menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak dan yang kelima membina masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Pada masa yang sama, sebagai rakyat Malaysia kita telah berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha untuk mencapai lima cita-cita tadi berdasarkan Prinsip Rukun Negara. Izinkan saya memperingati Dewan yang mulia ini tentang Prinsip Rukun Negara kita.

*Kepercayaan kepada Tuhan,
Kesetiaan kepada Raja dan Negara,
Keluhuran Perlembagaan,
Kedaulatan Undang-undang,
Kesopanan dan Kesusilaan.*

Sekiranya semua rakyat Malaysia mengamalkan prinsip ini, maka sudah pasti keamanan, ketenteraman, kesejahteraan dan perpaduan yang utuh di antara kaum dan semua rakyat Malaysia dapat dicapai dengan jayanya. Akan tetapi akhir-akhir ini terlalu banyak insiden yang tidak diingini berlaku kerana pelanggaran ke atas amalan dan prinsip asas Rukun Negara. Saya rasa sudah sampai masanya kerajaan mesti bertegas dan mengambil tindakan kepada rakyat yang membelakangkan prinsip Rukun Negara. Tuanku Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan tentang isu perpaduan dan telah menyebutkan perkara ini pada peringkat awal titah baginda dan juga di akhir titah baginda.

Insiden menghina Raja-Raja Melayu semasa istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan Negara mesti dipandang serius dan saya merasa bimbang kerana ini adalah bibit-bibit permulaan memupuk ketidaksetiaan kepada raja dan negara serta pelanggaran kepada prinsip amalan, kesopanan dan kesusilaan. Apakah akan terjadi kepada generasi muda sekiranya pemimpin-pemimpin yang sepatutnya menunjukkan contoh yang baik telah mencemarkan amalan prinsip Rukun Negara itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif dan usaha sedang dijalankan bagi Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 – dengan kerajaan mengambil langkah-langkah dan melaksanakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jam kita menunjukkan tepat pukul satu petang, Yang Berhormat boleh sambung semula pada sebelah petang ya. Masih banyak lagi Yang Berhormat, berapa minit lagi..., 15 minit boleh?

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey sambung di sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan tepat pukul 1 petang, maka saya akan tangguhkan Dewan ini sekarang hingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung semula perbahasan Titah Diraja kerana didapati Yang Berhormat Senator Yang Mulia Datuk Raja Ropiaah masih belum selesai ucapannya. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Senator.

2.30 ptg.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif dan usaha sedang dijalankan bagi Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan kerajaan mengambil langkah-langkah dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan agenda transformasi untuk peluang kehidupan yang lebih baik kepada rakyat. Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Transformasi Ekonomi, Transformasi Politik dan Transformasi Luar Bandar telah mula membuah hasil untuk dinikmati oleh rakyat.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau menggubal Dasar Perumahan Negara dengan matlamat menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa dan mampu dimiliki oleh rakyat. Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Awam, Program Bantuan Rumah serta Program Rumah Mesra Rakyat di samping melaksanakan pelbagai program baru seperti Skim Rumah Pertamaku dan Perumahan Rakyat 1Malaysia.

Di Dewan ini saya ingin mengingatkan kembali pada keadaan 10 atau 15 tahun dahulu di mana di kawasan bandar, banyaknya wujud kawasan-kawasan setinggan dan program pemindahan dan penempatan semula setinggan ke rumah-rumah kos rendah dan PPRT yang telah dijalankan dengan begitu gigih pada masa itu walaupun ada kawasan-kawasan yang mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk setinggan itu sendiri. Tujuan murni kerajaan ialah untuk memberikan perumahan yang selesa dengan ciri-ciri kebersihan, ada lampu elektrik

dan air bersih, tandas yang sempurna dan persekitaran yang indah dengan taman permainan, tempat beriadah, kemudahan dewan orang ramai dan tempat beribadah yang selesa.

Sebahagian perumahan ini adalah di bawah kawalan dan seliaan PBT dan yang lain pihak swasta dan persendirian. Kita bersyukur kerajaan telah mampu menjalankan tugas ini dengan baik sama ada dengan kerjasama pihak swasta ataupun atas pembinaan perumahan hak milik Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, di dalam tinjauan sekarang ini didapati bahawa banyak perkara yang perlu pemantauan yang lebih efektif bagi semua pembangunan rumah-rumah PPRT dan kos rendah yang dahulu. Penempatan yang tidak teratur, tidak ada penyelenggaraan, kotor, sampah-sarap merata-rata dan berbau busuk, tangga yang penuh dengan habuk dan sampah, lif yang selalu rosak tidak diselenggarakan, longkang yang pecah dan tidak diperbaiki, lampu-lampu di koridor dan tempat awam yang tidak berfungsi dan, banyak lagi kekurangan yang lain termasuk tempat letak kenderaan, tanah lapang atau taman permainan yang tidak teratur, dinding rumah yang berlumut dan warna cat dahulu yang putih atau cerah, telah menjadi kelabu ataupun hitam.

Saya ingin meminta kerajaan dan pihak berwajib melihat juga tentang aspek sikap penghuni-penghuni yang juga perlu ditransformasikan. Semalam telah dinyatakan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus mengenai transformasi *attitude* atau sikap yang perlu dilakukan sekarang. Semua harta sama ada kepunyaan persendirian, kerajaan ataupun swasta mesti disayangi, dihargai dan dijaga dengan baik supaya ia boleh tahan lama dan mempunyai jangka hayat yang panjang. Rakyat yang bermastautin di kawasan perumahan kos rendah perlu dilihat kembali. Kalau tidak akan menjadi kawasan *slump*, dengan izin dan kadangkala boleh menjadi sarang pada kegiatan yang kurang sihat.

Aspek-aspek nilai murni penghuni untuk sayangkan harta-benda mesti diterapkan kepada semua penduduk juga jawatankuasa-jawatankuasa penduduk yang diwujudkan, mesti bertanggungjawab. PBT mesti memantau, kerajaan mesti ada perancangan untuk menaik taraf kawasan mereka termasuk penjadualan, penambahbaikan dan penyelenggaraan dengan pengurusan *facility* yang *integrated*, dengan izin, dari awal-awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklum berapakah angka rumah kos rendah atau PPRT yang wujud di seluruh negara dengan pecahan mengikut negeri. Berapa banyak lagi yang dalam proses untuk dibangunkan dan untuk masa sekarang ini, berapakah rumah kos rendah yang harus dibina untuk menampung keperluan perumahan bagi rakyat yang berpendapatan rendah serta langkah-langkah segera yang akan diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama PBT-PBT dan jawatankuasa penduduk untuk menangani perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi.

Kita mesti menentukan bahawa rakyat kita mendapat perumahan yang selesa dengan persekitaran yang boleh membina minda satu bangsa Malaysia yang sejahtera dengan persekitaran yang kondusif boleh menjana pemikiran yang kreatif, inovatif dan progresif. Saya juga ingin mencadangkan bahawa kerajaan mesti mula memikirkan untuk menyediakan perumahan kos

rendah sederhana kerana sudah ramai rakyat yang mampu memiliki rumah kos rendah sederhana yang harganya di bawah RM100,000 termasuk penghuni rumah kos rendah yang sudah mampu keluar daripada kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini walaupun negara kita terus mencatatkan pencapaian demi pencapaian tetapi masih ramai lagi rakyat kita yang dimasukkan dalam kategori miskin bandar berbanding dengan di kawasan luar bandar. Saya ingin mendapat maklum, berapakah angka miskin bandar bagi seluruh negara dan apakah langkah-langkah yang sedang dirancang akan diambil untuk mengatasi masalah ini untuk mengeluarkan kumpulan ini daripada kepompong kemiskinan bandar. Saya juga memperingatkan bahawa PBT dan KPKT mesti melihat keperluan kawasan tempat belajar bagi anak-anak di perumahan PPR dengan mengadakan perpustakaan yang lengkap dan tempat mengulang kaji pelajaran yang lebih kondusif, juga lif yang besar untuk keselesaan jenazah dan *facility* penjagaan kanak-kanak, dengan izin, *nursery* dan tadika serta pusat riadah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempraktikkan sepenuhnya konsep 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

■1440

Kementerian telah mengambil pendekatan yang proaktif dan holistik untuk menentukan kesejahteraan dan kebajikan setiap lapisan golongan wanita, warga emas, kanak-kanak, OKU, ibu tunggal dan sebagainya menjadi keutamaan. Walau bagaimana pun saya ingin menyuarakan kebimbangan dengan data dan statistik perceraian yang agak tinggi di kalangan wanita Islam berbanding dengan yang bukan Islam. Data yang saya perolehi bagi 12 tahun dari tahun 2000 sehingga 2011 menunjukkan bagi orang bukan Islam pada tahun 2000 perceraian ialah sebanyak 2,297 dan bagi orang Islam ialah 3,176. Akan tetapi 12 tahun kemudian, bagi orang bukan Islam, angka perceraian meningkat kepada 6,529 sahaja iaitu peningkatan sebanyak dua kali ganda tetapi bagi orang Islam dari 3,176 perceraian tahun 2001 telah meningkat kepada 43,137 ataupun sebanyak 12 kali ganda.

Soalannya, apakah sebabnya kadar perceraian orang Islam begitu tinggi. Tidakkah ada cara dan penyelesaian bagi keluarga wanita Islam untuk membendung gejala perceraian yang sudah pasti membawa banyak masalah sosial kepada keluarga yang sudah pecah-belah. Saya sarankan supaya pihak berwajib melihat perkara ini dengan serius dan buat kajian serta maklumkan langkah-langkah yang diambil untuk mengukuhkan institusi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa sambil negara kita terus berusaha untuk menuju kepada negara maju berpendapatan tinggi, kita janganlah terlepas pandang tentang kesihatan mental negara. Berdasar kajian *Women of Tomorrow*, dengan izin, oleh Nielson, "wanita Malaysia berada di kedudukan ke 16 tertekan di dunia." Kajian ini melibatkan 21 buah negara maju dan sedang membangun di rantau Asia. Jepun berada di kedudukan ke-12, China ke-13, Thailand dan Korea Selatan masing-masing berada pada tempat ke-15. Di antara

faktor yang menyebabkan tekanan ialah tidak ada keseimbangan dalam kerjaya dan tanggungjawab terhadap keluarga. Sambil membantu meningkatkan ekonomi keluarga wanita juga terpaksa menjaga anak, mengurus rumah tangga dan kadangkala di masa ini ada wanita yang menjadi *the main breadwinner*, dengan izin.

Kajian yang dijalankan oleh LPKKN pada 2004 juga mendapati bahawa 33% wanita juga menghadapi masalah yang sama. Berdasarkan *Utusan Online*, bertarikh 2 Januari 2011, secara puratanya satu daripada 10 orang di Malaysia mempunyai masalah kesihatan mental. Di seluruh dunia dianggarkan 450 juta orang mengalami gangguan mental. Daripada jumlah ini 120 juta dilanda kemurungan, manakala 24 juta mengalami *schizophrenia* tetapi kebanyakannya tidak mendapat rawatan yang sewajarnya. Kemurungan tidak berlaku kepada orang dewasa sahaja, malah kanak-kanak juga boleh mengalaminya.

Kajian Morbiditi dan Mortaliti Kebangsaan 2006 mendapati daripada 14,000 responden yang mengalami masalah mental, 20% adalah kanak-kanak, manakala 11% pesakit dewasa. Kemurungan yang tidak diberi rawatan sewajarnya boleh menyebabkan seseorang bertindak agresif seperti keinginan membunuh diri. Dalam pada itu, pensyarah psikiatri Universiti Toronto, Profesor Madya Dr. Roger McIntyre berkata, "Laporan Kesihatan Dunia 2001 mengenai kesihatan mental menganggarkan menjelang 2020 penyakit kemurungan kronik akan menduduki tempat kedua selepas penyakit jantung yang menyebabkan punca utama ketidakupayaan di seluruh dunia dalam hayat kehidupan seseorang".

Mengikut *Utusan Online* bertarikh 18 Mac 2011, Menteri Dalam Negeri Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein menyatakan sebanyak 4,118 kes bunuh diri dilaporkan sejak 2001 hingga 2010. Beliau berkata, antara faktor yang sering dikaitkan dengan kes bunuh diri yang dikategorikan sebagai kes mati mengejut ialah tekanan perasaan akibat kegagalan dalam hidup, masalah keluarga dan kematian orang tersayang. Faktor lain ialah mengalami penyakit jiwa seperti kemurungan dan trauma ataupun terlibat dengan jenayah. Menyedari peningkatan masalah mental yang semakin mengancam warga Malaysia, saya ingin penjelasan daripada Kementerian Kesihatan tentang kedudukan sebenarnya di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk membendung, menangani dan mengatasi masalah ini.

Dalam aspek ini saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah mengambil pelbagai inisiatif mengurangkan masalah tersebut dengan menangani isu *working life balance*, dengan izin. Langkah-langkah untuk mengurangkan tekanan pada wanita seperti mengadakan program Keluarga@Kerja, *Parenting@Work*, dengan izin, memberi subsidi yuran pengasuhan kepada keluarga yang berpendapatan rendah dan saranan kepada majikan untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dengan geran pelancaran disediakan. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah tambahan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengurangkan tekanan kepada wanita. Juga saya ingin tahu bagaimanakah sambutan dari majikan untuk menubuhkan pusat jagaan anak-anak di tempat kerja.

Saya ucapkan tahniah juga kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah mewujudkan program 1Azam Niaga. Di mana ramai wanita dari golongan yang kurang berpendapatan yang termasuk juga ibu tunggal telah mendapat manfaatnya. Saya ingin tahu berapa ramaikah yang telah menerima bantuan 1Azam Niaga ini dan bagaimanakah cara pemantauan dan bimbingan untuk menentukan kejayaan mereka.

Pujian yang diberi oleh Yang di-Pertuan Agong kepada wanita, meletakkan wanita bak mutiara yang tidak ternilai sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara amatlah kami hargai. Hanya harapan wanita ialah untuk diberikan lebih peranan dengan mengimplementasikan dengan segera dasar 30% wanita dalam jawatan membuat keputusan termasuk dalam bidang politik. Kami juga menggesa supaya keputusan untuk melantik 30% wanita dalam sektor korporat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendidikan tinggi, saya ingin bertanya, apakah *target* nasional yang disasarkan untuk masuk ke universiti dan bidang-bidang yang diperlukan bagi persediaan modal insan yang dikehendaki untuk menampung keperluan negara menjelang pencapaian negara maju pada tahun 2020. Di manakah kedudukan kita sekarang dan adakah kita berada dalam landasan yang dirancangan. Saya juga ingin tahu berapakah angka *drop-out*, dengan izin, dari sekolah semasa tingkatan tiga dan juga tingkatan lima. Apakah program yang disediakan oleh kerajaan untuk menentukan bahawa *drop-out*, dengan izin, ini tidak terjerumus dengan aktiviti-aktiviti yang tidak mendatangkan faedah, malahan disediakan dengan pembelajaran alternatif yang boleh membina jati diri mereka untuk menjamin masa depan mereka.

Oleh kerana terlampau banyak kegiatan negatif yang boleh mengalihkan perhatian anak-anak remaja ini, maka Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pelajaran haruskan menyediakan cara terbaik untuk menggembelngkan tenaga mereka. Contohnya, program-program berbentuk keusahawanan yang disediakan oleh Kementerian Pertanian melalui FAMA umpamanya patut diuar-uarkan supaya anak-anak muda yang kurang minat belajar boleh menceburi bidang perniagaan industri asas tani dan yang lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, di atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar yang layak, maka skim PTPTN telah digubal dan dilancarkan pada 14 tahun yang lalu. Sejak pelancaran, 1.5 juta pelajar telah mendapat manfaat dari PTPTN dan sebanyak RM43.6 bilion telah dibelanjakan. Walau bagaimana pun hampir 100,000 peminjam enggan membuat pembayaran dan dari angka itu 70,000 adalah peminjam tegar yang enggan membayar walau satu sen pun. Dalam masa yang sama, RM2.7 bilion sudah dibayar daripada jumlah RM56 bilion yang sepatutnya dikutip. Dengan kutipan yang lancar ia boleh membantu lebih ramai pelajar. Secara purata, seramai 140,000 pelajar setahun telah menikmati pinjaman PTPTN.

Jika pembayaran tidak diterima, maka kuranglah pelajar yang mendapat bantuan. Di Amerika Syarikat pun, negara yang terkaya di dunia, pelajar-pelajarnya mengambil kerja *part time* untuk menampung pengajian mereka. Pemberian insentif kepada pelajar-pelajar yang mendapat

kelas pertama akan meningkatkan persaingan pelajar dan kecemerlangan akademik mereka. Yang tekun akan menjadi pekerja yang bertanggungjawab, rajin dan profesional. Yang degil bayar hutang mungkin akan mempunyai sikap yang salah dan negatif dan akan menjadi masalah kepada masyarakat.

■1450

Tidak ada tempat bagi orang yang malas sama ada di dewan kuliah atau di tempat kerja. Memberi pengajian percuma di peringkat pengajian tinggi tidak akan menyumbang kepada kecemerlangan. Dengan adanya PTPTN, pendidikan tinggi boleh dinikmati juga oleh mereka yang berpendapatan rendah dan PTPTN telah banyak menyumbang kepada prestasi pengajian tinggi di negara ini. Atas dasar prinsip, saya sarankan mereka-mereka yang tidak setuju dengan PTPTN janganlah memohon pinjaman PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang melalui pelbagai transformasi dan saya ingin menyarankan bahawa transformasi koperasi mesti dilakukan. Malaysia sememangnya menggalakkan kewujudan koperasi. Oleh sebab itulah banyak adanya koperasi-koperasi yang dulunya kurang aktif dan sekarang dihidupkan kembali. Koperasi-koperasi yang berjaya seperti Bank Rakyat dan FELDA di antaranya yang menjadi contoh. Apakah yang sedang berlaku pada yang lain-lain? Koperasi haruslah diperkukuhkan dengan pengurusan yang cekap dan amanah dan yang boleh membawa kepada keuntungan. Saya meminta kementerian yang berwajib mengkaji semula Akta Koperasi supaya koperasi boleh lebih berperanan dan terlibat dalam menjana kekayaan dan keuntungan untuk ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz untuk memberi ucapan selama 20 minit Yang Berhormat.

2.51 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sedikit lagi menyambung Titah Diraja 2012. Ini merupakan saat terakhir bagi saya untuk bercakap dalam Dewan Negara. *Insyaa-Allah*, saya akan menyentuh beberapa perkara.

Pertama membabitkan Kementerian Pengangkutan di mana kita dapati dua, tiga hari lepas dalam akhbar menyatakan bahawa sekarang ini di negeri Terengganu telah ada pemeriksaan oleh pihak JPJ ke rumah-rumah untuk memeriksa kenderaan-kenderaan yang di *parking* di kawasan rumah sama ada memiliki kesalahan ataupun tidak memiliki *road tax* kereta.

Di dalam konteks ini, saya ingat ada pindaan dibuat dalam Parlimen berkenaan dengan Akta Pengangkutan Jalan dan yang saya faham hanya diberikan kelonggaran ataupun kuasa JPJ ini di atas jalan walaupun jalan kampung. Kita hari ini difahamkan ini dibuat sehingga ke rumah-rumah dan difahamkan daripada laporan akhbar itu, tujuh buah kenderaan telah pun dihantar saman dan ada lagi yang telah dihantar notis untuk berubah laku.

Jadi saya hendak tanya, benarkah perkara ini berlaku? Sejauh mana pemahaman kita tentang pelaksanaan kuasa yang diberikan oleh Parlimen? Adakah ini munasabah? Ini kerana kita juga difahamkan ada kes-kes yang melibatkan kenderaan yang tidak digunakan tetapi tiba-tiba bila hendak diperbaharui *road tax*, diberitahu bahawa ada nombor-nombor ini digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu dalam konteks lain. Ertinya ada komplot yang menggunakan kereta-kereta yang tidak diperbaharui *road tax* selama dua, tiga tahun untuk diberikan kepada sindiket curi.

Kita juga ingin tahu daripada pihak JPJ ataupun pihak Kementerian Pengangkutan berhubung dengan peraturan bila mana sekarang ini pihak insurans telah menetapkan bahawa untuk semua pembaharuan lesen insurans-insurans baru, mereka mestilah meletakkan nama pemandu kedua dalam polisi insurans. Sebagai contohnya insurans ETIQA yang telah pun meletakkan syarat ini dan bila hendak diletakkan nama pemandu kedua, diberitahu bahawa pemandu kedua syaratnya mesti berumur 23 tahun ke atas. Yang saya faham kalau pemandu kedua, cukuplah kalau dia ada lesen. Kenapa pula kena letak umur 23 tahun ke atas?

Jadi adakah ini peraturan yang dibuat oleh pihak kementerian ataupun direka-reka sendiri oleh pihak insurans dalam usaha untuk memayahkan rakyat kita ini untuk membayar insurans? Jadi kalau dia hendak bayar macam ini diperpayahkan, saya tidak faham apa tujuan insurans sebenarnya. So, dalam konteks ini saya pohon agar kalau perkara ini memang ditetapkan oleh pihak kementerian untuk diberikan penjelasan dan kalau bukan ditetapkan oleh kementerian, adakah kementerian ada menerima aduan tentang perkara-perkara seperti ini?

Berhubung dengan pengajian tinggi, kita difahamkan ada beberapa pusat pengajian tinggi terutamanya IPTS dan ada juga beberapa IPTA yang telah menawarkan beberapa kursus pada peringkat awal menyatakan bahawa telah mendapat kelulusan daripada MQA tetapi setelah pelajar-pelajar ini *graduate*, mereka dapati sijil mereka tidak diiktiraf. Bila tanya kepada pihak universiti, mereka kata dalam proses.

So, saya bertanya juga kepada pihak yang berkenaan, mereka maklumkan bahawa pada peringkat asas perkara ini dibuat kerana diberikan pengiktirafan sementara profesional MQA daripada kementerian yang menyebabkan orang ini ataupun IPTS, IPTA ini boleh beroperasi pada peringkat tersebut tetapi tidak dibuat tindakan yang sewajarnya oleh pihak universiti sehingga pelajar-pelajar ini *graduate* setelah empat tahun. Jadi saya pohon, adakah perkara ini benar? Saya kira kes yang datang kepada saya lebih daripada 100 kes yang memaklumkan bahawa pelajar-pelajar ini tersepit sekarang. Jadi adakah pihak universiti boleh disaman kerana telah menyebabkan masa depan pelajar tergedai? Macam mana mereka boleh beroperasi dalam keadaan profesional selama empat tahun? Kita boleh terima kalau profesional itu hanya tiga bulan tetapi bukan empat tahun.

Saya juga difahamkan bahawa dengan kadar profesional ini, mereka boleh dibenarkan mendapat pinjaman PTPTN. Tiba-tiba setelah mereka *graduate*, mereka tidak boleh sambung belajar untuk peringkat ijazah ataupun bersambung ke peringkat yang lebih tinggi kerana sijil mereka tidak diiktiraf, kemudian PTPTN pun minta mereka bayar pinjaman.

Jadi saya hendak tanya di sini, bagaimana PTPTN boleh membenarkan orang mengambil pinjaman daripada PTPTN sedangkan orang ini tidak ada MQA yang kekal daripada pihak yang berwajib? Jadi kalau macam ini, kita lihat pelajar dua kali dizalimi. Sudahlah belajar empat tahun ataupun tiga tahun dengan diploma, tiba-tiba tidak diiktiraf dan kemudian kena pula bayar PTPTN dan mereka tidak boleh sambung belajar dan tidak boleh bekerja kerana sijil mereka tidak diiktiraf.

Saya juga difahamkan oleh mereka yang terlibat sendiri bahawa taklimat untuk perjanjian PTPTN diberikan lain dengan perjanjian yang mereka sains. Dalam taklimat diberitahu siapa-siapa yang dapat *first class* mereka akan dikecualikan. Bila mereka sains, setelah mereka *graduate*, tiba-tiba mereka ini bukan golongan yang diberikan pengecualian dan kena bayar penuh. Bila kita tanya kepada pihak kementerian, mereka kata ada tahun yang diberikan, ada tahun yang tidak diberikan untuk *First Class Degree*.

Jadi hari ini saya mohon kepada pihak PTPTN, tolong bagi satu keputusan yang standard. Sama ada hendak beri semua pelajar yang *first class* pengecualian atau tahun mana yang diberikan pengecualian dan yang tidak diberikan pengecualian. Kalau perkara ini ada *agreement*, saya faham, tetapi kita boleh buat *agreement* lanjutan. Boleh buat perubahan, pindaan, *amendment* kepada *agreement* ini. Kalau pelajar-pelajar ini pelajar-pelajar yang cemerlang, kenapa mereka tidak diberikan pelepasan?

Saya juga ingin tahu, kita dimaklumkan bahawa pihak mufti Pahang ada memberikan beberapa fatwa berkenaan dengan PTPTN. Jadi kalau pihak mufti boleh berikan fatwa tentang pinjaman PTPTN yang tidak dibayar balik ini berdosa, kenapa tidak boleh diberikan fatwa tentang bagaimanakah bila kerajaan telah melupus kira RM589 juta bayaran yang telah dibuat kepada Tajuddin Ramli?

So, fatwa ini jangan hanya terpakai pada kes-kes tertentu tetapi liputkan kepada semua sebab agama ini bukan hanya untuk orang tertentu... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Masuk Islam kena terima semua. Tidak boleh terima bahagian aurat, buang bahagian zakat. Terima bahagian zakat, buang bahagian solat. Kalau kita buat fatwa, fatwa untuk semua. Sebab, perkara ini pelajar-pelajar boleh tengok. Jadi ini penting untuk integriti kita.

Saya juga hendak tahu daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi tentang berapakah universiti yang telah membuat *transfer credit* antara universiti-universiti? Ini kerana ini memudahkan pelajar-pelajar kita terutama yang di peringkat diploma untuk menyambung di peringkat ijazah bagi universiti-universiti yang berbeza.

Berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berhubung dengan Akta Perubatan Alternatif. Setakat ini saya belum melihat lagi Akta Perubatan Alternatif sedangkan di luar sana kita tengok banyak pusat-pusat *audio therapy*, *colour therapy*, *aromatherapy*, spa yang telah pun saya kira menjana pendapatan yang begitu banyak tetapi kita tidak tahu siapakah ataupun agensi manakah yang telah mengawal mereka ini. Kita tidak mahu ini terjadi sebagaimana Akta Makmal Perubatan yang baru dibentangkan dalam dua, tiga tahun lepas sedangkan mereka ini sudah beroperasi berpuluh-puluh tahun.

Jadi dalam konteks ini kita mohon kalau ada akta ini supaya agensi tertentu dan kadar kawalan serta mutu, kualiti yang didapati di spa-spa yang diletakkan harga pada *aromatherapy*, *colour therapy*, *audio therapy* ini dapat dikawal. Mereka harus punya sebuah persatuan yang khusus supaya sebarang aduan, ketidakpuashatian ini dapat disalurkan dengan cara yang betul.

Kemudian berkenaan dengan pihak pengurusan haji. Kita dimaklumkan dalam musim haji yang lepas, pihak Tabung Haji telah memberikan perkhidmatan sokongan iaitu memberikan perkhidmatan *courier* kepada jemaah-jemaah haji. Di antara syarikat *courier* yang terlibat adalah syarikat *Skynet*. Ada beberapa kes yang membabitkan syarikat ini yang kita dapati barang yang dihantar oleh jemaah haji sampai ke hari ini belum sampai. Bila ditanya, mereka kata sabar. Sekarang sudah enam bulan lepas haji. Jadi apakah perkhidmatan ataupun timbal balas ganjaran ataupun pampasan yang diberikan kepada pihak mereka ini?

Saya juga pohon agar semua perkhidmatan sokongan yang diiktiraf oleh Tabung Haji ini mesti mempunyai jurubahasa-jurubahasa yang boleh bercakap bahasa Melayu. Ini kerana menjadi kesukaran jemaah-jemaah haji kita di sana sekiranya mereka hantar untuk dobi pun, yang diletak di situ hanya orang yang boleh berbahasa Arab. Jadi ini menyebabkan makcik-makcik yang menghantar baju, pakcik-pakcik yang hantar baju bila hendak pergi ambil, tidak tahu hendak cakap. Kalau tidak hilang, tidak apa. Bila hilang, timbul masalah.

■1500

Jadi, saya pohon untuk khidmat sokongan ini bagus tetapi mesti letakkan jurubahasa yang boleh bercakap bahasa Melayu supaya membantu jemaah haji. Demikian juga berkenaan dengan persoalan industri halal. Saya ada tanya dua tiga hari yang lepas dalam Parlimen, dalam soalan lisan yang tidak disebut dalam Parlimen tetapi dijawab dalam soalan bertulis, dimaklumkan bahawa untuk RMKe-10 hanya tiga syarikat yang memohon untuk mendapatkan status halal.

Saya merasa cukup terkesima Tuan Yang di-Pertua, sebab kita *expect* dalam 300, tiba-tiba yang minta hanya tiga. Sedangkan kita dikatakan antara negara yang mempelopori industri halal, macam mana hanya tiga syarikat yang minta walaupun kita difahamkan daripada tiga syarikat ini pendapatannya mungkin mencecah bilion ringgit, sebab mereka ini melibatkan syarikat *Nestle*. Kita difahamkan juga lebih 70% syarikat yang memohon halal ini adalah syarikat daripada bukan bumiputera dan bukan Islam.

Jadi, sekarang ini kita kena ingat, negara kita bersaing dengan negara di Asean dan kita difahamkan di Universiti Chulalongkorn di Thailand mereka wujudkan satu fakulti, fakulti halal yang mana kesemua pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar yang hendak bekerja kepada industri halal mesti grad daripada pusat pengajian industri halal itu tadi. Jadi dalam negara kita, adakah kerajaan di samping kita buat makmal halal akan memastikan ataupun mengambil anak angkat daripada beberapa universiti untuk memastikan kita boleh mengeluarkan pegawai-pegawai, personel-personel yang betul-betul mahir dalam industri halal berkaitan dengan semua bidang dan menubuhkan sebuah fakulti halal sebagai Universiti Chulalongkorn tadi.

Begitu juga dengan kes membabitkan royalti Kelantan. Saya baru terima maklumat daripada *Palace of Justice* tadi, dimaklumkan bahawa permohonan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mendapatkan penzahiran daripada maklumat yang dikeluarkan dalam *The Edge Financial*, 23 April bahawa kerajaan Terengganu telah menarik balik saman kepada Kerajaan Malaysia berhubung dengan royalti RM2.8 bilion. Oleh kerana kedudukan Kelantan, saman dan terma-terma serta kes yang berlaku antara Kelantan dan Terengganu melibatkan royalti minyak merupakan fakta yang sama, tiba-tiba kita dimaklumkan bahawa mereka telah selesai di luar mahkamah. Jadi kita memohon penzahiran, apakah butir-butir, terma-terma dan nilai yang telah didapati oleh kerajaan Terengganu untuk kita guna pakai sebagai *precedent* untuk kes Kerajaan Negeri Kelantan tetapi setelah tiga jam pendengaran tadi mahkamah telah menolak dengan dalam kos dengan klausa.

Insyallah Kerajaan Negeri Kelantan akan mengemukakan secara rasmi untuk dapatkan rayuan di Mahkamah Persekutuan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun sebagai rakyat Malaysia, orang yang dihantar oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk bertanyakan tentang royalti dan mewakili rakyat Kelantan, saya ingin bertanya. Kalau kita sama-sama negeri di bawah Persekutuan menghadapi situasi yang sama, semuanya di luar tiga batu nautika, dalam keadaan yang sama, terma sama, butir-butir material dalam tuntutan juga sama, kenapa tidak boleh dibuat penyelesaian yang sama?

Kalau hendak dikatakan "*Rakyat Didahulukan*," kerajaan hendak buat transformasi inilah masa untuk buat transformasi. Oleh sebab yang terima faedah daripada royalti ini bukan hanya orang daripada pihak yang memilih PAS sebagai kerajaan tetapi juga orang yang pernah memilih Barisan Nasional sebagai kerajaan. Jadi dalam konteks ini saya tidak faham kenapa perkara royalti ini harus dipolitikkan. Kalau boleh selesai dengan Terengganu, kenapa tidak boleh dizahirkan? Sebab ini penting untuk rakyat tahu berapa jumlah sebab ia dituntut daripada tahun 2000 hingga 2011. Nilai telah pun bergerak dari segi nilai kepada jumlah tuntutan royalti yang telah didapati oleh pihak Terengganu.

Jadi, dalam konteks ini kita pohon kerajaan memberikan keadilan yang sebenar-benarnya berhubung dengan royalti sebab kalau mengikut *precedent* kes sebelum ini. Pihak defendan dalam kes Chin Seng Supermarket melawan pihak insurans telah pun mengesahkan bahawa sekiranya dokumen berkenaan dengan tuntutan oleh plaintif dimiliki oleh defendan wajib pihak defendan untuk menzahirkan dokumen ini di bawah *discovery* untuk menyatakan bagi membantu kes plaintif. Sebab tugas mahkamah ialah memberikan keadilan.

Kalau dokumen itu hanya ada dipihak defendan dalam kes ini pihak Petronas dan pihak kerajaan untuk digunakan oleh pihak kerajaan Kelantan, pihak Petronas mesti menyerahkan dengan izin mahkamah supaya keadilan dapat diberikan pada pihak yang menuntut. Dalam kes ini adalah plaintif. Jadi, saya pohon sekiranya perkara ini tidak diberikan sedemikian, kalau mahkamah yang merupakan penimbang tara di antara legislatif dan eksekutif, di mana lagi rakyat boleh minta keadilan. Jadi dalam kes royalti ini adalah kes, harta ini adalah maruah dan telah

berkali-kali Menteri daripada Kelantan sendiri berbangga memberitahu bahawa Kelantan antara negeri termiskin. Kalau termiskin bayarlah royalti. Bila lagi hendak bayar royalti kalau di saat ini pun Terengganu boleh selesaikan.

Kita akan menghadapi PRU tidak lama lagi. Kenapa tidak boleh diberikan satu keadilan pada Kelantan untuk juga menikmati royalti ini. Sekurang-kurangnya tidak payah minta maaf sebagaimana yang disebut oleh Menteri sebelum ini dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, “*saya pohon maaf pada orang Kelantan kerana sayalah sebelum ini menyekat projek-projek datang negeri Kelantan.*” Sebut dalam di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Sekarang, adakah mereka akan ulang balik dalam Parlimen Malaysia? Minta maaf, apa kaitan maaf dengan hak orang yang perlu dibayar?

Dalam Islam kalau kita ambil hak orang kita kena bayar. Tidak cukup dengan perkataan maaf. Begitu juga dengan – kita juga dimaklumkan untuk semalam banyak yang membincangkan tentang masalah pembantu rumah. Saya pohon dalam kes kita mungkin tidak boleh menyelesaikan masalah pembantu rumah dalam keadaan yang terdekat. Cuma kalau boleh pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan membuat usaha sama dengan syarikat-syarikat perfileman untuk memastikan dibuat siar siaran yang berbentuk *home maker programmes*, menyediakan *syllabus* dan skim bantuan untuk peralatan bagi pengurusan rumah. Jadi, kalau isteri sudah bekerja, suami bekerja, suami hendak bantu, segala peralatan yang berkaitan dengan pengurusan rumah ini harus diturunkan cukai ataupun dikecualikan cukai.

Oleh sebab kita kena ingat dalam kes yang tidak boleh berkongsi antara suami isteri ialah kes mengandungi sahaja. Bila anak sudah keluar semua boleh berkongsi. Boleh kongsi jaga, boleh kongsi bagi makan, boleh kongsi masak, boleh kongsi kemas rumah. Dalam konteks ini kadangkadangkad kerana kurang pendedahan dalam sekolah, pendedahan dalam masyarakat, kita pohon agar pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tolong buat pendedahan *tips* untuk membantu isteri, *tips* untuk membantu suami dalam kaedah untuk membantu rumah ini dan juga anak-anak supaya program-program seperti ini boleh membuka minda masyarakat. *Insyallah* kita boleh mengurangkan kebergantungan kita kepada pembantu rumah. Berkaitan...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tanya sedikit.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya cuma ada sepuluh minit.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit sahaja. Boleh, sekarang?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Okey, saya habiskan dulu. Tidak boleh sekarang. Saya habiskan dulu.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Ya, sekejap. Saya habiskan dulu ini.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya sedikit sahaja.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Berkaitan dengan pendidikan. Saya terbaca semalam kenyataan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran bahawa guru dibenarkan berpolitik di luar sekolah, cuma jangan berpolitik dalam sekolah. Sekiranya mereka memegang

jawatan dalam politik, mereka pun dibenarkan cuma jangan ganggu hal-hal sekolah. Jadi, saya ingin tanya kepada pihak kementerian berhubung dengan kes pertukaran cikgu Normala Sudirman, suaminya yang telah ditukarkan sebaik sahaja isterinya dijadikan calon untuk Pilihanraya DUN Tenang. Jadi dalam konteks ini, kalau *statement* ini benar, kenapa kes ini belum ditarik balik? Kenapa dia dihantar sejauhnyanya daripada tempat asal rumahnya?

Dalam konteks ini kita tidak perlu beri kenyataan, kalau kenyataan itu tidak dapat kita jadikan satu kenyataan yang benar. Adakah ini akan diteruskan dalam Pilihanraya Umum Ke-13? Mana-mana suami yang jadi calon, isterinya cikgu akan ditukarkan, mana-mana isteri yang jadi calon, suaminya akan ditukarkan. Kalau tidak saya pohon perkara ini diberikan satu ketetapan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, cuba lagi, boleh?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya juga..., saya minta maaf, saya minta maaf.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya cuma ada sepuluh minit lagi.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit sahaja.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Takut sangat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya bukan takut tetapi dalam konteks ini saya terpaksa habiskan apa saya hendak cakap. Saya juga menyokong apa yang diberitahu oleh profesor berkenaan dengan *attitude transformation* berkenaan bahawa kita sekarang hendak tengok perubahan perangai sifat manusia. Saya memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk menjadikan syarat wajib lulus Pendidikan Agama Islam untuk orang Islam. Wajib lulus dalam SPM juga untuk Pendidikan Moral bagi orang bukan Islam dan mewajibkan tilawah al-Quran di peringkat SPM dan UPSR kerana kita dimaklumkan bahawa di negeri lain sebagai contoh Thailand umpamanya mensyaratkan untuk lulus agama peringkat sekolah menengah kepada pelajar Islam.

Jadi saya pohon, kalau betul-betul hendak buat ATP wajibkan perkara ini jadi syarat wajib lulus untuk masuk universiti. Saya juga memohon agar pihak kerajaan boleh memberikan satu peruntukan untuk mengagihkan al-Quran tafsir kepada pelajar sekolah menengah secara percuma. Kita banyak bagi buku teks, kita tidak puas hati dengan apa yang berlaku dari sudut akhlak mereka. Pencapaian dari segi akademik kita puas hati. Jadi, kita pohon agar pihak kementerian bukan hanya boleh keluarkan buku teks akan tetapi bekerjasama dengan pihak JAKIM untuk mengagihkan al-Quran secara tafsir supaya mereka bukan hanya boleh baca tetapi juga boleh faham apa yang mereka baca.

Saya juga ingin tanya kepada pihak kementerian, berapakah gaji yang diberikan kepada guru-guru pendidikan prasekolah di bawah kelolaan kerajaan. Ini kerana kita difahamkan di negara-negara seperti negara-negara Eropah guru-guru pendidikan prasekolah merupakan antara pekerja yang mendapat gaji paling mahal kerana dilihat daripada beban kerja mereka lebih susah berbanding dengan pelajar-pelajar di peringkat menengah.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pelancongan berhubung dengan pendapatan dan pemantauan kepada *resort*? Saya tanya dalam soalan lisan juga, dimaklumkan bahawa untuk *resort* ini kita ada 49 *resort* seluruh Malaysia tetapi bila ditanya tentang berapakah pendapatan dan berapakah bilangan pelancong yang menetap di *resort* ini. Jawapan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelancongan pihak kami tidak ada data. Tidak ada data berapa orang yang pergi ke *resort* tersebut, tidak ada data berapakah pendapatan yang sebenar. Jadi saya hendak tanya kepada Kementerian Pelancongan, adakah data ini hanya dikutip daripada hotel dan juga inap desa?

■1510

Jadi kenapa benda-benda seperti *resort* ini yang memakan saya rasa jumlah yang lebih banyak dan orang lebih gemar *resort* ini tidak dipantau. Jadi kalau dipantau, berapa sebenarnya pendapatan yang kita perolehi supaya kita dapat melihat penjana ekonomi kerajaan berdasarkan pada pelancongan.

Berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan juga berkenaan dengan sekarang ini disebut fenomena *youth quake*. *Youth quake* kebangkitan orang muda di semua negara. Jadi dalam konteks ini, kita banyak dengar daripada Kementerian Belia dan Sukan tentang pelan dan tindakan yang mereka buat. Cuma sekarang ini kita hendak tahu tentang laporan perkembangan dan juga realiti *youth quake* ini ditangani di dalam negara kita supaya kebangkitan orang muda ini dibuat dengan cara yang positif dan kerana mereka ini akan menjadi pelapis kepada negara kita.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian khususnya berkaitan dengan bekalan air. Kita difahamkan daripada tahun 2006 setelah ada pindaan kepada Skim Perkhidmatan Air Negara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Okey, bahawa bekalan air dan perkhidmatan air sebenarnya diletakkan di bawah senarai persekutuan...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sikit?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Dan untuk sumber air diletakkan di bawah senarai negeri.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ketiga... [Ketawa]

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya minta maaf.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sikit. Sikit sahaja. Bolehlah, bolehlah... [Ketawa]

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Di bawah senarai negeri jadi saya pohon kepada pihak...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya pohon sekejap, saya habis ini saya akan bagi kalau Tuan Yang di-Pertua bagi. Habis nanti saya akan bagi pada...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekaranglah, sekarang.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya minta dulu. Saya hendak habiskan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta juga... [Ketawa]

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya pohon kepada pihak...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sama-sama minta.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: ...Yang berwajib untuk *refer* balik kepada Perlembagaan di bawah senarai negeri. Kalau tugas kerajaan negeri hanya untuk membekalkan sumber air dan untuk membekalkan air dan perkhidmatan di bawah Senarai Persekutuan, kenapakah sekarang ini banyak tuduhan diberikan kepada kerajaan negeri bahawa kerajaan negerilah hendaklah menguruskan untuk bekalan air. Jadi perkara ini jelas dalam Perlembagaan. Saya pohon diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

Yang terakhir berkenaan dengan nasib pegawai penyelidik. Saya tanya soalan pegawai penyelidik di Parlimen dan saya diberitahu ada 15 orang yang terlibat. Saya difahamkan di antara mereka ada yang sudah tujuh tahun gaji mati di Gred 48. Ada yang lima tahun gaji mati di Gred 48. Saya pohon walaupun jumlah mereka tidak ramai tetapi mereka adalah nadi kepada Parlimen supaya sebelum saya mengakhiri sidang dalam Dewan Negara ini saya boleh melihat, kita boleh membantu pegawai-pegawai yang telah banyak bantu kita bukan hanya dalam negeri tetapi juga luar negara untuk menaikkan nama dan taraf Parlimen di mata dunia.

Terakhir sebagai penjilidan ya, semua soalan-soalan kita ini yang sempat dijawab di dalam Parlimen hanya tujuh dan lapan soalan. Yang lain akan diberikan dalam bentuk jilid. Apabila kita balik rumah kita akan terima buku biru, kita akan terima buku warna putih sebagai warta-warta persekutuan tetapi apabila soalan-soalan ini hendak dibuat, hendak dikumpul dan dijawab. Kadang-kadang apabila soalan ini bukan masuk dalam soalan satu hingga sepuluh jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian terlalu remeh, seolah-olah kami tidak ada guna kita bersungguh-sungguh untuk soalan. Ini kerana kalau bukan luar satu hingga sepuluh, soalan dijawab kami tidak ada data, kami tidak ada data.

Sedangkan mereka punya ruang masa yang lebih daripada tiga bulan untuk mereka sebenarnya balik semula kepada Ahli Parlimen untuk beritahu kepada mereka...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: [Bangun]

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Apa sebenarnya tindakan yang telah dibuat berdasarkan kepada soalan yang telah dikeluarkan oleh pihak Ahli Parlimen kepada pihak Parlimen sebagai cara untuk kita mendedahkan akauntabiliti dan *check and balance* di antara pegawai-pegawai kerajaan, eksekutif dengan legislatif. Saya dengan demikian menyokong walau bagaimanapun sekiranya Tuan Yang di-Pertua memberikan saya ingin memberikan ruang kepada rakan saya mencelah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Soalan sahaja ya.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa semasa mengandung tidak berkongsi? Setahu saya semasa mengandung boleh kongsi... *[Ketawa]* Jawablah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: *[Ketawa]* Maksud saya berkongsi ini peranan dan tanggungjawab, yang saya maksudkan tidak boleh kongsi itu perkara yang mengandung hanyalah yang ada rahim. Yang tidak ada rahim tidak boleh berkongsi. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

3.14 ptg.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan rasa syukur dan terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut serta dalam menyokong Titah Diraja oleh Ke bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada sidang pembukaan sesi Parlimen yang baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk juga mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Datuk Subaiyyah yang telah meninggal dunia pada 19 April 2012 yang lepas.

Pada masa yang sama juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi atas pelantikan beliau selaku Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Moga pelantikan beliau akan dapat memperkasakan lagi kaum wanita dalam agenda pembangunan negara. Tahniah Yang Berhormat. Wanita ini kita kena jaga baik-baik.

Seperti mana yang kita maklum, bahawa Titah Seri Baginda Yang di-Pertuan Agong telah benar-benar mengungkit rasa dan naluri kita sebagai Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat dengan bekerjasama sambil berganding bahu untuk turut serta memperkasakan tindakan serta matlamat kerajaan bagi memastikan segala rancangan serta hasrat kerajaan dapat dilaksanakan dengan mantap dan berkesan.

Saya menerima baik pelan tindakan serta pelaksanaan kerajaan dalam memastikan tiada rakyat yang terpinggir sambil memastikan segala usaha dapat diambil agar tiada kawasan atau masyarakat yang terpinggir dalam arus pembangunan negara. Tanpa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, saya percaya negara kita tidak mungkin akan boleh mencapai tahap kecemerlangan yang kita dapat lihat dan nikmati sekarang ini. Selaras dengan pendirian ini dan perancangan Kerajaan Barisan Nasional yang berpandukan kepada rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Kita dapat menikmati banyak kemudahan serta pembangunan bagi semua masyarakat di negara ini tanpa menilai dari aspek warna kulit, agama, kepercayaan mahupun di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah di titahkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi yang penuh dengan wawasan serta komitmen dalam memperkasakan pentadbiran kerajaan dapat mencerminkan pencapaian negara kita dirantau Asia mahupun di peringkat global yang telah

mencatat pembangunan yang amat pesat sambil membawa negara kita kepada satu peringkat yang lebih tinggi dalam sektor ekonomi antarabangsa mahupun pembangunan sosial yang mapan. Akan tetapi, dalam masa yang sama masih ada juga sebahagian daripada rakyat kita yang agaknya mahu melihat pembangunan yang telah kita bina begitu baik, begitu tersusun, mahu menghancurkan sehingga mahu mengadakan lagi BERSIH 3.0. Bagi saya, saya tidak faham apa yang tidak bersihnya di negara kita ini.

Gagasan 1Malaysia telah membawa banyak kesan positif dalam membina imej negara di persada antarabangsa serta kepercayaan masyarakat kita untuk terus menyokong prinsip-prinsip kongsi kuasa yang dipraktikkan sejak wujudnya Malaysia melalui sistem pemerintahan bersama di dalam Barisan Nasional. Ini jelas dapat dilihat dalam Dewan ini di mana semua kaum dan wakil-wakil negeri digabungkan dalam menilai, membahas serta meluahkan pandangan demi masa depan negara kita yang tercinta ini.

Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi program transformasi kerajaan, ekonomi, politik dan luar bandar juga dapat membuahkan hasil untuk rakyat menikmatinya. Walaupun kita masih di landasan-landasan pembangunan yang pesat, terutama di kawasan-kawasan luar bandar, saya percaya pembangunan secara holistik dan mampan ini dapat dilihat secara keseluruhannya pada masa yang terdekat.

■1520

Saya menyeru kerajaan agar tumpukan perhatian lebih intensif dapat memberikan agar pihak pembangkang tidak mempolitikkan isu-isu yang kecil sebagai bahan dan agenda memburuk-burukkan Kerajaan Persekutuan memandangkan mereka ini kehausan agenda politik dalam menghadapi pilihan raya yang akan datang ini. Saya percaya rakyat jelata amat peka terhadap isu-isu semasa serta komitmen kerajaan dalam memastikan tiada pilih kasih dalam urusan membela nasib masyarakat kita di negara yang aman dan makmur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan agar segala projek-projek pembangunan dalam program transformasi ini dapat dipastikan mengikut jadual yang ditetapkan serta komitmen para pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ini juga dapat dipertingkatkan sambil mencari idea-idea baru serta pendekatan baru yang lebih kreatif dalam memastikan hasrat kerajaan tidak terbantut akibat alasan-alasan yang boleh menjejaskan imej kerajaan. Pembahagian k-ekonomi negara juga harus mencerminkan keadilan yang saksama mengikut pecahan kaum dan juga penduduk di negara ini. Di sini saya ingin bertanya apakah kedudukan sebenar pegangan ekuiti kaum Orang Asli di negara ini? Apakah perancangan kerajaan dalam menyediakan peluang bagi memastikan masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan pegangan ekonomi mereka serta dapat bersaing di pasaran tempatan dalam keadaan yang sihat?

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik dengan cadangan industri pelancongan yang kini dilihat sebagai satu sumber pendapatan negara sambil mempromosikan industri pelancongan di persada antarabangsa di mana kita dapat melihat produk-produk pelancongan kita menjadi tarikan utama di dalam konvensyen-konvensyen antarabangsa. Kempen 1Malaysia Green,

1Malaysia Clean dapat dilihat ke seluruh pelosok negara tanpa mengira tahap penerimaan pusat-pusat pelancong tempatan. Terdapat banyak lagi lokasi-lokasi yang boleh diteroka dalam membangunkan industri pelancongan di negara ini terutamanya di negeri Sabah dan negeri Sarawak khususnya di dalam industri ekopelancongan.

Memandangkan negeri Sarawak masih mempunyai hutan yang banyak ataupun hutan dara serta keluasan yang besar, saya percaya kita akan dapat mempergunakan keindahan alam sekitar serta flora dan fauna. Ini dapat mengetengahkan dan membangunkan industri ekopelancongan ini sambil memelihara khazanah negara bagi generasi muda kita. Saya juga ingin tahu apakah perancangan sebenar daripada produk pelancongan kebudayaan memandangkan negara kita kaya dengan adat resam dan kebudayaan pelbagai kaum? Harap kerajaan dapat memanfaatkan sumber yang unik ini sebagai satu produk pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar Kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin dengan masalah rakyat kita yang masih dibelenggu dengan kemiskinan. Beberapa usaha telah dirancang dan dilaksanakan untuk membawa mereka keluar daripada belenggu kemiskinan agar semua rakyat jelata dapat menikmati kehidupan yang selesa. Selaras dengan ini, Program BR1M yang baru direalisasikan ini amat saya alu-alukan. Saya melihat warga kita yang berterima kasih dengan kerajaan yang sudi meringankan beban mereka menjalani kehidupan agak begitu ramai termasuk juga yang tidak suka kepada kerajaan pada hari ini.

Bantuan yang disampaikan ini amat bertepatan sekali bagi keluarga-keluarga yang kurang pendapatnya daripada RM3,000 sebulan. Saya menyarankan agar bantuan sedemikian ini dapat dipertingkatkan dan dipanjangkan lagi khasnya kepada masyarakat luar bandar serta warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Saya ingin menekankan agar segala bantuan yang disampaikan ini tidak lagi dikekang dengan *red tape* dengan izin, dan urusan penyampaian ini dapat dilaksanakan dengan mudah dan menyenangkan pihak-pihak yang menerima bantuan yang berkenaan. *Database* yang kini diperkemas dapat membantu kerajaan dalam menyediakan bantuan sedemikian pada masa akan datang. Saya pohon maklumat berapa banyakkah jumlah bantuan BR1M ini yang dapat disampaikan sehingga kini dan di antara jumlah tersebut berapakah jumlah daripada kalangan Orang Asli yang menerimanya di seluruh negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan kenaikan harga barang dan tekanan kenaikan barang yang begitu meningkat sekarang ini, saya menyarankan agar pihak kerajaan mungkin di dalam bulan enam inikah boleh buat sekali lagi BR1M ini beri kepada oleh kerana kita mempunyai maklumat *data base* kita yang sudah cukup agak boleh mudah untuk kita sampaikan untuk kali kedua lagi supaya rakyat betul-betul dapat dibantu.

Usaha kerajaan dalam menyediakan program perumahan rakyat, program perumahan awam, program bantuan rumah mesra rakyat serta beberapa program sehaluan seperti Skim Rumah Pertamaku dan Perumahan Rakyat 1Malaysia adalah jelas mencerminkan komitmen kerajaan dalam menyediakan seberapa banyak kemudahan dan keselesaan rakyat agar kemiskinan serta pemilikan ekuiti harta tanah tidak ketinggalan bagi masyarakat yang

berpendapatan rendah dan berpendapatan sederhana. Inilah menunjukkan bahawa kebaikan dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional kita pada hari ini tidak seperti sahabat saya yang berucap sebelum ini tadi dia sentiasa bertanya.

Saya juga di dalam majlis Dewan ini ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Kelantan, kenapakah seramai lebih kurang 400 masyarakat Orang Asli baru-baru ini untuk menyerah memorandum dia kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan tidak diterima? Saya juga menyarankan agar pihak kerajaan dapat memanjangkan kemudahan-kemudahan pinjaman perumahan lebih banyak lagi kepada masyarakat luar bandar agar ianya dapat mempertingkatkan lagi kedudukan sesebuah keluarga di kalangan masyarakat luar bandar agar ianya dapat mengurangkan jurang perbezaan masyarakat bandar dan luar bandar. Menyentuh sedikit tentang....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap kerana ada satu usul yang hendak dibentangkan oleh pihak Menteri. Silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.28 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan ke atas usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu 2 Mei, 2012. Terima kasih.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, [Datuk Maglin Dennis D' Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat teruskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh sedikit tentang belai dan belaiwanis kita seperti mana yang dimaklumkan di dalam Dewan yang

mulai ini terdapat hampir 46% daripada penduduk negara ini adalah terdiri daripada golongan belia dan beliawanis.

■1530

Menyedari aspirasi dan harapan golongan belia ini, saya menyarankan agar Kementerian yang bertanggungjawab lebih konsisten di dalam membina golongan ini supaya ia dapat dilihat lebih konsisten serta berkaliber, mampan dan kental dalam menghadapi sebarang cabaran. Memandangkan mereka ini adalah pewaris kepada negara, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk merangka satu pelan pembangunan belia dan beliawanis agar ia dapat menepati hasrat serta minat golongan belia. Kemudahan-kemudahan sukan serta mentaliti kesukanan harus juga dipupuk agar dapat kita wujudkan satu masyarakat majmuk yang bersatu padu dan berganding bahu di dalam menjayakan agenda pembangunan negara.

Kementerian juga harus mengetengahkan mekanisme yang lebih konsisten mengikut kadar pembangunan global dan minat mereka yang lebih kini tertumpu kepada teknologi dan sukan ekstrem. Saya menyarankan agar sukan-sukan yang berkenaan sumber seperti sumber semula jadi juga dapat dipertingkatkan. Sebagai contohnya, *treasure hunt* dengan izin, *outbound activities* dengan izin, dan sebarang jenis sukan yang berkaitan dengan *eco sport* dengan izin, ini dapat diperkasakan lagi. Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah disampaikan kepada masyarakat Orang Asli bagi program-program belia dan sukan di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada sektor perladangan dan komoditi yang merupakan ini adalah profesion saya sebelum saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Tumpuan juga harus diberikan kepada sektor perladangan dan komoditi yang juga merupakan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara sambil membantu warga luar bandar untuk meningkatkan sumber pendapatan mereka yang lebih selesa.

Saya menyarankan agar sektor perladangan ini dapat diperkasakan dengan konsep dan teknologi yang terkini untuk pengeluaran yang lebih berkualiti dan lebih mampan. Produk-produk perladangan ini harus diperbanyakkan lagi agar negara kita dapat bersaing dengan pengeluaran-pengeluar lain di rantau ini mahupun di persada antarabangsa melalui penekanan kepada industri yang berpotensi tinggi dan bernilai tinggi. Apakah Kementerian mempunyai *database* mengenai peneroka ataupun pengusaha yang baru atau golongan belia dalam sektor perladangan dan komoditi? Apakah bantuan serta dorongan oleh pihak kerajaan agar penglibatan mereka ini tidak pudar khususnya semasa mengharungi suasana muram di pasaran tempatan dan juga di pasaran antarabangsa?

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang kemudahan pengangkutan awam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya percaya dengan adanya satu sistem pengangkutan awam serta penjajaran jalan raya dan sistem perhubungan yang mantap harus diutamakan dalam agenda pembangunan negara khasnya di luar bandar. Saya harap satu pelan yang lebih

komprehensif dapat digariskan agar segala usaha kerajaan dalam memastikan ekonomi penduduk-penduduk luar bandar khususnya dapat dipertingkatkan dan diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Usul Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Maijol.

3.34 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin kepada saya untuk sama-sama berbahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum itu, saya juga turut mengucapkan takziah kepada mendiang Yang Berhormat Datuk Subaiyyah di atas pemergian beliau pada 19 April yang lalu. Beliau duduk di sebelah kami di sini dan satu kehilangan juga kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan dengan daftar pemilih yang disediakan oleh pihak SPR. Baru-baru ini Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menyatakan bahawa SPR menjangka tugasnya pada PRU Ke-13 ini akan lebih mencabar lagi kerana persaingan antara parti yang bertanding diramalkan lebih sengit berbanding pada pilihan raya sebelum ini. Beliau juga dipetik sebagai berkata bahawa 22,000 pemilih atau 0.3% daripada 12.6 juta pemilih adalah diklasifikasikan sebagai pemilih yang meragukan.

Sebenarnya, isu daftar pemilih yang meragukan ini bukan perkara yang baru. Sangkaan rakyat bahawa adanya keraguan terhadap daftar pemilih ini terbukti benar berikutan dengan beberapa keputusan mahkamah berhubung dengan kemurnian daftar pemilih dan kegiatan memberi kad-kad pengenalan biru kepada warga asing untuk tujuan mendaftar sebagai pemilih. Keraguan ini akan terus menjadi satu keraguan. Oleh itu, cara yang terbaik Tuan Yang di-Pertua, untuk menyasat keraguan ini ialah dengan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyasat pemberian kad pengenalan di bawah Projek IC dan pertumbuhan luar biasa penduduk di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan-keputusan mahkamah di Sabah telah menimbulkan keraguan terhadap daftar pemilih. Di antara keputusan mahkamah yang benar-benar menimbulkan keraguan terhadap kemurnian dan seterusnya kewujudan pengundi hantu untuk mendaftar pemilih ialah:

- (i) keputusan *petition* Pilihanraya Kecil DUN Likas 1999;
- (ii) keputusan Mahkamah Tinggi Tawau iaitu Rayuan Jenayah No: 04-41-1965 oleh Rosidi Landang perayu pertama, Roslan Landang perayu kedua, Rosli Bahirah perayu ketiga menentang pendakwa raya sebagai responden; dan
- (iii) terdapat orang-orang yang dituduh yang memiliki kad pengenalan palsu berbangsa Filipina mengaku telah mendapatkan kad pengenalan daripada projek yang dipanggil Projek IC.

Dalam kes pertama iaitu *petition* pilihan raya DUN Likas 1999, keputusan Hakim Dato' Haji Mohd Kamil bin Awang terhadap *petition* pilihan raya Likas 1999 telah mendedahkan pencemaran daftar pemilih oleh pendatang asing yang begitu banyak dalam senarai daftar pemilih Sabah. Hakim yang sama menyatakan dalam penghakiman bertulisnya bahawa pencemaran oleh bukan warganegara dan pengundi hantu *may well be in the tip of the iceberg*, dengan izin. Kehakiman bertulis oleh Hakim Dato' Haji Mohd Kamil bin Awang juga telah mendedahkan tindakan pihak SPR yang tidak membenarkan atau menerima bantahan terhadap *list 'A'* dan *list 'B'*, malah tidak diadakan pendengaran awam. Merujuk kepada tindakan SPR tersebut, Hakim berkata dengan izin, *"The SPR has to face the truth. The 4,585 objections in list 'A' were exercising their rights as citizens and it is unthinkable. The SPR should shut-off the objections in list 'A' without a public inquiry. It is a constitutional wrong for SPR to have rejected the objection outright. More importantly, it is wrong for SPR to allow non-citizens and disqualified persons to be on the electoral role as voters. It appears that the certification of the electoral roll for the 1998 Likas Constituency by SPR ultra vires the constitution and is in fact illegal"*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

■1540

Kes yang kedua ialah kes rayuan jenayah di Mahkamah Tinggi Tawau oleh Roslan Landang dan Rosli Bairah melawan pendakwa raya pada 1995. Dalam kes ini, perbicaraan dan seterusnya penghakiman bertulis oleh Hakim Datuk Ian Chin telah mendedahkan beberapa fakta yang menzahirkan keraguan rakyat terhadap kemurnian daftar pemilih. Apabila wujudnya kegiatan-kegiatan haram oleh orang-orang yang ada kaitan dengan parti memerintah seperti mana yang terkandung dalam kenyataan bersumpah tertuduh Roslan Landang, perayu kedua dalam kes berikut.

Ketiga ialah Tuan Yang di-Pertua, dakwaan individu yang bernama Present Siraji, belia Filipina di Mahkamah Kota Kinabalu 1992. Akhbar *Borneo Mail* ketika itu melaporkan sebahagian daripada prosiding perbicaraan Presint Siraji yang dituduh memiliki kad pengenalan palsu semasa dalam tahanan Ibu Pejabat Polis Kota Kinabalu pada 24 Mei 1992. Di mana tertuduh membuat pengakuan di hadapan Majistret Tuan Duncan Sikodol bahawa dia iaitu Presint mendapat kad pengenalan daripada Projek IC. Saya yakin bahawa banyak lagi kes-kes mahkamah berhubung dengan kad pengenalan-kad pengenalan yang dikatakan Projek IC. Sebab itu saya mendesak pihak kerajaan supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat kewujudan sebenar apakah yang dikatakan Projek IC tersebut. Umum telah mengetahui bahawa pada 8 Februari yang lalu, Kabinet telah pun bersetuju untuk menubuhkan suruhanjaya tersebut tetapi setakat ini belum ada pengumuman rasmi yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin meminta supaya daftar pemilih dimurnikan daripada segala bentuk pencemaran daripada pemegang kad pengenalan Projek IC ini sebelum daftar pemilih tersebut dapat digunakan dalam pilihan raya yang akan datang ini. Tuan Yang di-Pertua, Projek IC ini terus menjadi satu isu hangat di Sabah. Umum telah lama memperkatakan tentang kewujudan Projek IC sejak awal tahun 1990-an lagi. Namun sehingga kini soal Projek IC masih lagi kontroversi dan ini

berterusan walaupun ada di kalangan orang yang telah menjadi tali barut Projek IC seperti Hassnar Ebrahim, Alias Hasan dalam membuat pengakuan bersumpah di mahkamah semasa perbicaraan petisyen di Likas, 1999. Hassnar telah membuat pengakuan bersumpah bagaimana Projek IC itu dijalankan dan siapa yang terlibat dalam proses tersebut? Apa yang menarik ialah tiada seorang pun daripada nama-nama yang terlibat itu membuat penafian mahupun membuat saman malu terhadap Hassnar Ibrahim.

Hassnar juga telah menulis surat kepada seorang penulis dari Lahad Datu Sabah bernama Mutalib Md. tentang pengalamannya menjalankan projek IC dan surat itu telah pun dicetak dalam buku yang dibuat oleh Mutalib Md. ini yang bertajuk, '*Projek IC Agenda Tersembunyi Mahathir*'. Tuan Yang di-Pertua, pembersihan daftar pemilih sebenarnya adalah satu langkah yang kedua. Langkah pertama yang perlu dilakukan ialah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja yang saya katakan tadi untuk mengalih penderhakaan pada negara ini sedalam-dalamnya. Agar kedaulatan negara ini tidak dilacurkan semata-mata untuk kepentingan peribadi. Mengikut banci penduduk pada tahun 2010 didapati bahawa lebih kurang terlebih daripada 900 ribu orang atau pendatang tanpa izin (PATI) berada di negeri Sabah. Kita tidak menghalang mana-mana orang luar atau orang asing datang kerja di tempat kita, di Malaysia ini. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, mereka ini datang tanpa dokumen. Mereka datang tanpa membawa pasport dan sebagainya. Itulah menjadi masalah sebab mereka ini menjadi pendatang tanpa izin. Mereka yang datang dengan pasport pula apabila tempoh mereka tinggal di Sabah itu luput, mereka terus tinggal di situ dan menjadikan mereka ini adalah PATI juga. Inilah masalah yang kita hadapi di Sabah yang mana Sabah ini panggil sebagai *mother of all problems*.

Untuk melengkapkan hujah saya mengenai hal ini Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menjadi masalah yang ada hubung kait dengan masalah PATI ini masalah kehadiran pelarian-pelarian di Malaysia yang telah diberikan dokumen IMM13. Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 57,197 warga Filipina di Sabah yang telah diberi status pelarian oleh Kerajaan Malaysia yang terdiri daripada rakyat Filipina yang melarikan diri semasa terjadinya perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an. Mengikut Mantan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, pada 2004 beliau mengatakan bahawa jumlah pemegang IMM13 setakat Julai 2004 dahulu ialah 658,089 orang di mana 584 orang telah diberi status PR. Fakta ini saya dapati daripada siaran akhbar *Daily Express* bertarikh 9 Julai 2004.

Malaysia telah mengizinkan pelarian tersebut berada di Sabah atas dasar kemanusiaan dan menempatkan mereka di enam Skim Penempatan iaitu di Telipuk, Kinarut, Tawau, Sandakan, Semporna dan Labuan. Sehingga tahun 1986, skim-skim penempatan ini diselia oleh Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) yang beribu pejabat di Kota Kinabalu pada ketika itu. Akan tetapi sejak tahun 1986 UNHCR menutup perjuangan mereka di Kota Kinabalu meskipun penempatan ini tidak lagi dikawal selia oleh mana-mana pihak. Untuk membolehkan mereka tinggal di negara kita, mereka dikecualikan daripada Akta Imigresen dan memberikan dokumen yang dipanggil dokumen IMM13 kepada pelarian Filipina yang berada di Sabah dalam tempoh

1972 hingga 1984. Dokumen ini boleh diperbaharui setiap tahun. Selepas tahun 1984 tidak ada lagi pengeluaran IMM13 yang baru kepada mana-mana pendatang Filipina. Cuma permohonan dokumen IMM13 masih dikeluarkan tetapi hanya untuk kanak-kanak pelarian Filipina yang telah mencapai umur 15 tahun yang diperlukan untuk mempunyai dokumen berasingan daripada ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pokok yang perlu dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini ialah setelah berada di negara kita selama 30 tahun, apakah status dan masa depan pemegang IMM13 tersebut? Adakah pihak kerajaan, khususnya Jabatan Imigresen Sabah atau *Federal Special Task Force* harus memansuhkan pembaharuan IMM13 ini. Ini bermakna tidak ada lagi rasional yang kukuh mengapa mereka perlu tinggal di negara ini. UNHCR sendiri mengakui bahawa tidak ada lagi pelarian perang di dalam dan sekitar Borneo termasuk Sabah. Atas dasar itu pejabat UNHCR di Sabah telah ditutup pada tahun 1986. Pemberian status pelarian ini adalah bersifat sementara dan status ini tidak boleh dianggap tetap, maka itu para pelarian perlu pulang ke negara asal mereka.

Malaysia sendiri tidak pernah menandatangani *UN Protocol on Refugees 1952*, dengan izin. Penglibatan Malaysia hanyalah kerana atas dasar perikemanusiaan, semata-mata dalam usaha membantu negara jiran mengatasi masalah tersebut. Persoalan di sini ialah sampai bilakah Kerajaan Malaysia akan meneruskan dasar pengecualian kepada para pemegang dokumen IMM13 daripada mendapat pasport antarabangsa dari negara asal mereka. Adakah mereka ini layak untuk memohon taraf kependudukan tetap ataupun kewarganegaraan Malaysia? Bagaimana pula dengan kanak-kanak pelarian ini yang mana pada tahun 2004 jumlahnya lebih 30,000 anak pelarian di Sabah. Adakah mereka akan diserapkan sebagai penduduk tetap di negara ini? Bagaimana peluang pendidikan mereka, peluang penglibatan dalam ekonomi dan sosial.

■1550

Mantan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Haji Azmi Khalid dalam ucapan di Dewan Rakyat pada 5 Julai 2004 mengatakan bahawa kemasukan orang-orang Filipina ke Sabah telah menimbulkan masalah sosial, keselamatan dan hubungan dengan negara luar. Oleh sebab itu, maka kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Sabah dan Labuan. Dengan penubuhan PPKSL ini, bermakna Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih tanggungjawab menyelesaikan masalah pelarian ini.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga menyatakan bahawa kemasukan pelarian Filipina telah pun didaftarkan. Selain daripada itu, semua agensi kerajaan di negeri Sabah yang terlibat dengan masalah ini telah dikehendaki memberi kerjasama dan pertimbangan yang saksama atas apa-apa keperluan dan kemudahan tertentu terutama berhubung dengan urusan penempatan dan kebajikan supaya usaha mengatasi masalah ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa pengeluaran dokumen M13 tidak lagi digalakkan. Bagaimanapun, dokumen M13 yang ada sekarang disambung sehingga masalah pendokumentasian selesai. Masalah sama ada pemegang

dokumen M13 layak untuk memohon taraf penduduk tetap warganegara Malaysia, kerajaan telah membuat keputusan bahawa orang-orang yang dibenarkan memohon taraf kewarganegaraan hendaklah memenuhi peruntukan-peruntukan yang terdapat di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan dan bagi pemohon-pemohon pemastautin tetap adalah tertakluk kepada akta dan Peraturan-peraturan Imigresen 1959/1963.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kedua-dua faktor tersebut, beliau mengatakan bahawa pemegang dokumen M13 adalah tidak layak untuk memohon taraf kewarganegaraan Malaysia. Bagaimanapun, mereka layak untuk memohon taraf pemastautin tetap. Namun, menurut beliau...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, minta celahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap panjang lebar mengenai masalah pendatang haram di Sabah. Perkara ini satu perkara yang begitu lama dan mungkin jadi satu isu ancaman sekuriti. Apa pandangan Yang Berhormat? Adakah ini masalah Sabah ataupun masalah Malaysia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita mengalu-alukan kehadiran 40 orang daripada Sekolah Kebangsaan Paya Panjang yang terdiri daripada murid-murid dan guru-guru pengiring yang diketuai oleh Puan Nor Zehan binti Ibrahim dari kawasan Pagoh. Dipersilakan seterusnya Yang Berhormat... [Tepuk]

Datuk Majid Mahap: Terima kasih Yang Berhormat dengan soalan itu. Memanglah, masalah Sabah ini masalah Malaysia juga. Jadi ini adalah satu masalah negara juga. Seluruh negara menganggap bahawa ini ialah masalah negara dan haruslah dipikul bersama oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut mantan Menteri Dalam Negeri tadi, penganugerahan status pemastautin tetap adalah dibuat secara kes demi kes ataupun *case to case basis* dan bukan secara dasar umum. Persoalannya sekarang ialah berapakah sudah mereka yang diberi taraf bermastautin tetap? Saya amat berharap agar mereka tidak diberi kewarganegaraan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke topik lain iaitu beberapa perkara yang telah dibangkitkan atau dititahkan oleh baginda dalam Titah Baginda. Pertamanya ialah mengenai dengan soal kesihatan, Tuan Yang di-Pertua. Baginda telah bertitah bahawa baginda turut berbangga dengan pelbagai usaha kerajaan untuk terus meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan dan rawatan kesihatan yang berkualiti. Baginda juga merayu kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta supaya berganding bahu mencari pendekatan inovatif dan efektif untuk menggalakkan masyarakat membudayakan gaya hidup yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tertarik dengan titah ini sebab kita memerlukan rakyat yang sihat. Oleh sebab itulah hospital-hospital di negara kita ini harus mempunyai atau dilengkapi dengan kakitangan-kakitangan yang cekap khasnya doktor-doktor dan juga

jururawat-jururawat yang lengkap. Saya mengatakan begini Tuan Yang di-Pertua kerana pengalaman saya sendiri ketika melihat abang saya terlantar di Hospital Kota Marudu di daerah saya sendiri, bahawa apabila beliau mendapat rawatan di situ, saya mendapati dan diberitahu oleh doktor di situ bahawa rupanya kelengkapan di hospital itu tidak lengkap, tidak mencukupi dari segi jumlah doktor-doktor, jumlah jururawat, apatah lagi dari segi peralatan. Abang saya itu telah dihantar dari Kota Marudu ke Hospital Kota Kinabalu untuk mendapatkan rawatan yang seterusnya tetapi malangnya tidak boleh dibuat begitu sebab kurang peralatan yang boleh mengiringi beliau dari Kota Marudu ke Kota Kinabalu.

Dari itulah saya tahu bahawa banyak lagi perkara, banyak lagi yang perlu kita perbaiki *dalam health service* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah kita meminta supaya Kementerian Kesihatan melihat ini sebagai serius, apakah perancangan kita dalam jangka panjang? Dalam jangka pendek yang begini, yang kurang doktor ini, dan dalam jangka panjang apakah keperluan kita?

Kelmarin saya telah mendengar hujah daripada Yang Berhormat bahawa *ratio* atau nisbah yang sepatutnya ada dalam negara ini bagi negara maju ialah satu doktor bagi setiap 600 orang penduduk. Jadi harapan kita suatu masa nanti kita akan dapat mencapai nisbah seperti itu. Saya mengharapkan bahawa Kota Marudu yang disebutkan tadi Hospital Kota Marudu akan diberi kemudahan, peralatan yang lengkap dan juga doktor-doktor yang mencukupi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat tentang Titah Diraja di sini yang mengatakan tentang bantuan rumah kepada rakyat. Baginda telah menyatakan bahawa adalah perlu bagi kita untuk mempunyai rumah yang mencukupi, yang selesa dan mampu dimiliki oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan saya rasa amat prihatin tentang perkara ini. Malangnya, pada ketika ini kita belum lagi mempunyai program yang mencukupi untuk rakyat jelata. Saya katakan begini sebab menurut senarai e-Kasih, bagi setiap daerah, saya nampak tidak kurang 2,000, malahan 3,000 saya rasa iaitu yang layak menerima bantuan rumah secara percuma. Berebut-rebut untuk memohon di daerah saya di Kota Marudu dan saya tahu bahawa dengan bantuan yang terhad ini adalah susah bagi kerajaan untuk memberi kesemua itu. Jadi harapan saya ialah membanyakkan bajet, membanyakkan peruntukan untuk memberikan perumahan kepada rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang jalan-jalan di luar bandar. Saya dapati bahawa dalam hujah titah baginda, baginda telah menyebut tentang perlunya kita memberikan jalan raya yang baik, infrastruktur luar bandar seperti bekalan elektrik yang mampan, bekalan air bersih, hubungan komunikasi dan jalan raya yang sempurna. Saya rasa kerajaan amat prihatin tentang perkara ini dan kerajaan telah berusaha untuk memberikan peruntukan yang sebanyaknya untuk membina jalan-jalan baru ataupun menurap jalan-jalan yang sedia ada dan menaik taraf jalan-jalan yang sedia ada di kampung-kampung.

Saya juga perhati bahawa ini sedang dibuat di kampung-kampung. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya katakan di sini bahawa ada kelemahan kita dalam hal ini. Dari segi kualiti kerja itu, *the workmanship* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apabila jalan raya dibuat, kurang satu tahun atau lebih satu tahun, kita dapati bahawa jalan yang diturap itu sudah berlubang-lubang Tuan Yang di-Pertua. Satu contoh yang boleh disebut di sini ialah jalan baru yang dibuat dari Kampung Pinawantai di Matunggong dekat Kudat ini ke Kampung Lotong di tempat yang sama.

■1600

Baru buat setahun, apabila saya lalu di situ untuk masuk kampung di dapati bahawa sudah berlubang-lubang dan orang kampung pun merasa hairan. Baru buat sudah berlubang-lubang. Apa salahnya, apa silapnya dalam perkara ini? Sekarang ini kerajaan sudah pun membina jalan baru daripada Kota Marudu ke Ranau. Diucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan peruntukan seperti ini dan saya sudah mula dengar kampung-kampung di persekitaran tempat itu bahawa mereka khuatir kalau-kalau kualiti yang rendah juga berlaku pada jalan itu. Jadi, saya meminta kepada kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya supaya memantau perkara ini supaya kualiti itu kita tidak kompromi. Ini kerana kita mahukan jangka panjang bukan enam bulan begitu. Kita perlukan bertahun-tahun untuk jalan raya itu bertahan lama.

Demikian juga sekolah-sekolah Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa adalah perlunya lagi untuk kita mengaudit terutama sekali di luar bandar, mengaudit keperluan sekolah-sekolah kita. Saya dapati bahawa ada lagi anak-anak kita yang masih berjalan kaki jauh sekarang ini. Kita tidak mahu itu, kita mahu anak-anak kita bersekolah dengan selesa, yang datang ke sekolah tanpa masalah. Itulah, saya menyarankan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengaudit keperluan ini dan melihat tentang di manakah lagi sekolah-sekolah perlu dibina.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Di Kota Marudu, di daerah saya, saya suka menyebut di sini bahawa memang ada keperluan. Saya sudah bercakap dahulu di Dewan ini. Saya ulang lagi sekarang bahawa ada keperluan untuk membina satu lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Marak Parak di Kota Marudu dan juga sebuah sekolah menengah di kawasan Kampung Lotong di Kota Marudu.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai dengan pelancongan. Kita sekarang ini ada 'boom' dengan izin, *tourism industry* begitu luas di seluruh negara kita. Sabah tidak terkecuali kerana ramai pengunjung-pengunjung ataupun *tourist* dari luar negara yang datang di negara kita. Lebih kurang 30 juta setahun *tourist* datang ke negara kita. Lebih kurang 10% ataupun 3 juta pelancong datang ke negeri Sabah.

Apa yang ingin saya nyatakan di sini atau pun *highlight* di sini Tuan Yang di-Pertua ialah saya dapati bahawa pengusaha-pengusaha pelancongan, agensi pengembaraan di Sabah ini banyak yang daripada luar negara, daripada Taiwan, Korea dan Jepun. Jadi, itu tidak salah. Cumanya kalaulah berterusan begitu, bagaimana pula dengan orang tempatan?

Maka saya rasa Kementerian Pelancongan mencari jalan untuk menggalakkan lagi dengan memberi segala bantuan dan juga bimbingan kepada peniaga-peniaga tempatan dalam industri pelancongan ini kerana inilah satu pelancongan dan juga satu daripada hala tuju Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah yang begitu prihatin yang nampaknya bahawa ialah satu industri yang mempunyai hala tuju yang mempunyai masa hadapan. Jadi, beliau telah menyatakan bahawa industri pelancongan adalah satu daripada hala tuju beliau dan memang saya menyokong kerana inilah cara kita untuk mendapatkan pendapatan yang lebih bagi negeri kita.

Seperkara lagi yang saya ingin nyatakan ialah mengenai dengan sukan. Sukan amat mendapat tempat di sanubari saya kerana saya juga orang sukan dan Titah Baginda dalam teks ini mengatakan bahawa Baginda mengharapkan pada tahun ini, pada Sukan Olimpik 2012 ini kontinjen negara kita akan mencapai keputusan yang baik dan mengharapkan agar kita dapat pingat emas buat pertama kali dalam Sukan Olimpik ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan dengan menyentuh tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di Kudat dan Kota Marudu khususnya. Ini kerana saya mendapat aduan daripada orang-orang ataupun khususnya nelayan-nelayan di Kudat dan Kota Marudu ini bahawa mereka sekarang ini mempunyai masalah dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kehadiran APMM ini adalah amat baik sekali. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah agensi yang diperkenalkan oleh kerajaan, tujuh tahun yang lalu.

Mengikut fakta dan data APMM ini setakat ini berjaya mengurangkan kadar jenayah pelancongan dan rompakan. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin baru-baru ini mengatakan bahawa APMM adalah tunas muda di kalangan pasukan keselamatan yang lain dan ia merupakan aset baru negara kita yang memberi impak tinggi kepada rakyat. Beliau berkata bahawa 66,678 pemeriksaan dan 4,832 penahanan dibuat bagi pelbagai kes di mana jumlah itu menunjukkan penguatkuasaan yang berkesan berjaya memupuk kesedaran undang-undang dan keselamatan di kalangan pengguna dan komuniti maritim.

Saya juga mendapat tahu bahawa dalam kes pencerobohan bot nelayan asing sebanyak 517 berjaya dilakukan dan kutipan kira-kira 236 juta hasil menerusi denda nelayan asing bukan nelayan tempatan tetapi nelayan asing. Pelupusan *vesse/* atau kapal, kompaun dan lelongan ikan pada tahun 2007 hingga tahun 2011. Di samping itu saya juga mendapat tahu bahawa APMM sentiasa berusaha meningkatkan tahap *responsive* dalam perkhidmatan bantuan mencari dan menyelamatkan di mana berdasarkan operasi sebanyak 2,747, sejumlah 2,182 nyawa berjaya diselamatkan. Manakala nilai harta benda berjaya di selamatkan adalah RM274 juta. Dengan fakta ini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada APMM.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa terdapat kebimbangan daripada nelayan-nelayan tempatan di Kudat dan Kota Marudu. Selama ini nelayan-nelayan di Kudat dan Kota Marudu tidak senang hati. Malahan mereka amat marah dengan

perasaan yang meluap-luap terhadap APMM di Kudat ini. Apa yang menyebabkan mereka marah terhadap APMM adalah seperti berikut.

Pertama ialah nelayan-nelayan di Kudat dan Kota Marudu kini berasa takut menangkap ikan di kawasan Tigabu sejak berlaku kes lanun di kawasan tersebut tidak lama dahulu. Mereka takut kerana APMM tidak dapat atau tidak mahu meronda kawasan tersebut kerana mereka tidak mempunyai kapal-kapal dan peralatan yang mencukupi. Oleh kerana kejadian lanun di kawasan tersebut tidak dapat dibanteras, saya ingin mencadangkan agar APMM harus lebih kerap meronda di kawasan sempadan untuk menjaga keselamatan negara daripada dicerobohi oleh lanun atau Pendatang Asing Tanpa Izin.

Saya juga mencadangkan agar APMM membuat lebih banyak *engagement* dengan izin, dengan nelayan-nelayan tempatan di Kudat dan Kota Marudu supaya kerjasama di antara mereka dapat dibuat. Kedua ialah nelayan-nelayan tidak senang hati kerana mereka ditahan oleh APMM sehingga 15 hari lamanya. Mereka ini adalah orang tempatan Tuan Yang di-Pertua dan oleh itu mereka merasakan bahawa penahanan 15 hari ini adalah tidak munasabah. PDRM kalau kes polis menahan suspek selama 24 jam sahaja. Kalau ia ingin menahan suspek itu lebih dari 24 jam, maka mereka haruslah mendapat reman daripada majistret.

■1610

Saya difahamkan kesalahan-kesalahan nelayan adalah kesalahan kecil seperti bot yang tidak berfungsi dengan betul dan sebagainya. Jika bot-bot nelayan ditahan dengan serta-merta di laut mereka terpaksa berhenti menangkap ikan dan balik ke pangkalan dengan tangan kosong. Ini menyebabkan kerugian yang besar kepada mereka kerana juga terpaksa berhenti menangkap ikan untuk suatu tempoh yang lama dan terpaksa menanggung kos-kos tetap seperti gaji pekerja, kos diesel dan sebagainya.

Yang ketiga ialah pihak APMM amat cenderung memeriksa bot-bot nelayan berhampiran pantai dan menahan bot-bot atas kesalahan kecil. Saya mencadangkan agar pihak APMM harus menumpukan atau memberi fokus terhadap operasi perondaan di kawasan laut dalam atau kawasan sempadan Malaysia dengan Filipina dan Indonesia untuk menjaga keselamatan negara dan mencegah pencerobohan oleh pendatang asing tanpa izin. APMM haruslah menyerahkan atau membiarkan kesalahan bot-bot nelayan atau kesalahan yang kecil itu kepada jabatan-jabatan lain yang berkaitan supaya kes-kes dapat diselesaikan dalam masa yang cepat yang mungkin.

Masalah yang keempat ialah nelayan-nelayan tidak dibenarkan menukar anak-anak kapal. Pihak APMM tidak membenarkan pertukaran anak-anak kapal di antara sesama pemilik-pemilik bot nelayan. Sering kali anak-anak kapal tidak dapat turun bekerja kerana mereka jatuh sakit atau balik kampung. Untuk mengurangkan kerugian, nelayan-nelayan ini terpaksa meminjam anak-anak kapal daripada pemilik-pemilik kapal yang lain bagi memastikan operasi menangkap ikan berterusan.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan apa yang saya baca dalam akhbar baru-baru ini yang bertajuk "*It maybe sabotage*". *It maybe sabotage* saya membaca akhbar

ini dengan teliti sebab ia melibatkan keselamatan kita yang amat penting saya rasa. Dalam akhbar ini telah disebut bahawa baru-baru ini kapal terbang MAS yang terbang daripada Kuala Lumpur ke London apabila sahaja dia terbang di udara maka didapati ada *accident* api di kapal tersebut dan terpaksa pilot telah berpusing-pusing untuk cuba membuat pendaratan, *to dispose the fuel*, dengan izin, dan 90 minit di udara. Bayangkanlah bagaimana perasaan penumpang-penumpang dalam kapal tersebut apabila mendapati bahawa keselamatan mereka sudah terganggu.

Jadi apa yang menyebabkan saya terbaca di sini bahawa ia mungkin disebabkan sabotaj mengikut akhbar. Sabotaj kerana dipercayai ada kakitangan MAS ini ada yang tidak berpuas hati dengan majikan itu MAS dengan *treatment* yang dibuat oleh majikan terhadap kakitangan, maka mereka *revenge* dengan izin, dengan membuat sabotaj ini. Jadi sama ada betul atau tidak akhbar ini saya tidak pasti. Apa yang saya ingin sarankan di Dewan yang mulia ini ialah MAS ataupun pihak berkuasa sebenarnya harus menyiasat perkara ini kerana ini soal keselamatan. Kalaulah *the different between life and dead is so thin at that particular time*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya meminta supaya kalaulah ini berlaku maka bagaimanalah keselamatan kita dan setiap kali kita terbang menggunakan kapal terbang kita teringat ini dan kita tidak mahu supaya ini menghantui penumpang-penumpang termasuk saya sendiri yang selalu terbang di Sabah, Sarawak dan tempat-tempat lain. Itu sahaja yang saya ingin sampai Tuan Yang di-Pertua maka, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab Yang Berhormat Saiful Izham tidak ada berada di Dewan sekarang maka saya seterusnya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan untuk berucap Titah Ucapan Diraja. Silakan Yang Berhormat.

4.15 ptg.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Jangan kacau ya. Selamat tengah hari Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara. *His disturbing me*, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat teruskan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: *Slow down, slow down.*

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan biarkan orang ganggu Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di atas pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke 14 pada 11 April 2012. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan takziah kepada keluarga Yang Berhormat Datuk Subbaiyah.

Tuan Yang di-Pertua saya percaya ramai rakyat negara ini kenal kepada saya sebagai seorang kawan baik kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat, betul? Tuan-tuan, saya rasa malu dikenali sebagai bekas kawan Anwar Ibrahim.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang mahu mencelah, Yang Berhormat ada yang ingin mencelah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh, boleh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa malu, kenapa malu?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Malu dia kaki liwatlah... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kan Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya meminta Tuan Guru Dato' Nik Aziz mengeluarkan fatwa membenarkan seorang biseksual menjadi Ketua Pembangkang dan membenarkan cadangan ditukar perlembagaan supaya seorang biseksual seperti Anwar....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh mencelah lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat kata tadi kaki liwat, dia liwat siapa, ada buktikah?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ada, ada bukti.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cakaplah bukti.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Adalah satu budak di Magnum.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nama apa?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ismail.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cakaplah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Kacau lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kan Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Perlembagaan supaya seorang biseksual seperti Anwar dibenarkan menjadi Ketua Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menunggu ketibaan di mahkamah dan saya mahu Anwar percepatkan perbicaraan kes saman beliau terhadap saya. Jangan gantung kes ini tidak bertali. Dia sudah saman saya RM100 juta. Saya cabar Anwar saman saya RM500 juta... [Tepuk] Saya juga cabar Anwar saya tetap dengan pendirian saya bahawa seorang biseksual tidak layak menjadi Perdana Menteri atau Ketua Pembangkang. Pendirian saya berasaskan pada Perlembagaan negara di mana tidak ada peruntukan membenarkan seorang biseksual menjadi Perdana Menteri atau Ketua Pembangkang.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim menyaman saya kerana fitnah. Beliau suka berbohong. Dahulu ketika beliau di dalam parti Barisan Nasional semua boleh. Akan tetapi sekarang semuanya tidak boleh. Apa sahaja yang kita buat semuanya tidak boleh, fitnah. Setiap kali Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim berceramah di mana-mana sekalipun, beliau akan menyanyi dan menari. Beliau mahu menunjukkan kepada rakyat bahawa beliau seorang yang *clean*, tetapi saya tunggu beliau di mahkamah, saya mahu tunjuk bukti-bukti semua siapa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Beliau seorang biseksual, liwat. Saya tidak sabar mahu menceritakan di mahkamah berhubung hubungan sulit

Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan isteri Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin bin Ali iaitu Shamsidar Tahir. Saya ingin menceritakan bagaimana Dato' Seri Anwar Ibrahim makan aiskrim dengan Shamsidar. Tunggu di mahkamah. Saya sudah bagi *tape* tersebut kepada peguam saya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dan Timbalan Perdana Menteri kerja 24 jam untuk negara. Dato' Seri Anwar Ibrahim kerja 24 jam untuk jatuhkan negara kita. Dato' Seri Anwar Ibrahim suka cakap bohong untuk menjatuhkan negara kita. Berlidah dua, dia ada dua lidah. Dia tengok masyarakat India dia cakap satu, dia tengok masyarakat Melayu dia cakap satu. Dia tengok masyarakat Cina dia cakap satu. Dia tidak boleh tukar. Dia seperti *chameleon*. Dengan izin, *I wish our athletics who are participating in London Olympic Games 2012 all the best and let us pray may bring us all golds*. Dengan itu saya sudahi dengan ucapan salam sejahtera dan salam 1Malaysia, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

4.23 ptg

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa mencemar diri merasmikan persidangan Parlimen pada 12 Mac 2012 yang lalu. Titah Baginda Tuanku sangat bermakna bernas dan penting sebagai panduan kita bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara dalam Titah Diraja itu yang diluahkan oleh Baginda Tuanku yang sangat dekat di hati saya.

Perenggan ketiga Titah Baginda Tuanku menyeru seluruh rakyat jelata supaya bersatu padu, berganding bahu dan bekerjasama dengan kerajaan untuk memastikan kerajaan terus maju, aman dan harmoni. Kerana apa? Baginda Tuanku menekankan perpaduan di dalam Titah Tuanku. Malaysia sejak merdeka telah dilihat sebagai sebuah negara yang aman dan sentiasa mendapat pujian oleh negara-negara lain. Tragedi 15 Mei 1969 sudah mengajar kita akan bahayanya kalau tidak wujud perpaduan. Sejak itu keamanan dan harmoni sudah mengambil tempat di Malaysia. Apakah kita akan membenarkan tragedi Mei itu akan berlaku semula? Namun kita lihat ada petanda yang jelas, perpaduan itu mulai nampak rapuh dewasa ini. Munculnya pelampau-pelampau yang membuat tuntutan yang berlebihan dan sehingga mencabar Perlembagaan kita.

Kita lihat tunjuk perasan dan rusuhan di jalan telah menjadi-jadi. Kain lentang yang memburukkan kerajaan dan pemimpin terbentang luas. Di dalam internet contohnya *Facebook* dan *Twitter* penuh dengan tohmah malah dengan SMS memburukkan memberi prasangka kepada kerajaan dan pemimpin. Malaysia mulai melihat perpaduan itu dicabar atas nama hak asasi manusia.

Sebagai kepala negara Baginda Tuanku risau. Rakyat Malaysia yang cinta keamanan mulai risau dan gelisah juga. Seruan dan Titah Baginda Tuanku tepat pada masanya. Ini kerana ada segelintir manusia mulai dan telah menyalahgunakan kebebasan kemerdekaan dan

kebebasan demokrasi itu untuk kepentingan yang salah sehingga tidak segan silu berani menabur buruk sangka kebencian antara kaum, kebencian kepada kerajaan dan pemimpin dan mulai menyoal institusi Raja kita di Malaysia.

Masyarakat Malaysia yang luar sana dan juga yang di dalam Dewan yang mulia ini diseru untuk merenung sejenak titah nasihat Baginda Tuanku. Kita belum terlambat, kita belum parah lagi. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memupuk dan menyuburkan perpaduan ke tahap yang lebih mantap. Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar bahawa Malaysia berada pada tangga ke-15 dari segi keamanan berbanding dengan semua negara di dunia. Saya memohon supaya kerajaan menjelaskan apa maksud bahawa Malaysia sudah berada di tangga 15 ini. Saya juga memohon penjelasan daripada kerajaan berhubung dengan latar belakang semangat tujuan dan persediaan kerajaan membendung perhimpunan raksasa Bersih yang dijadualkan berlaku di Kuala Lumpur pada hari Sabtu ini iaitu pada 28 April.

Pada khidmat saya bahawa perhimpunan demonstrasi jalanan ini yang penuh beremosi serupa inilah menjadi petualang yang akan menimbulkan keadaan huru-hara di kalangan masyarakat. Peti undi sekali dalam lima tahun adalah amalan demokrasi yang paling sesuai untuk meluahkan perasaan dan kehendak rakyat. Saya rasa rata-rata rakyat Malaysia yang sayang keamanan pasti tidak bersetuju dengan perhimpunan Bersih ini.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan keempat Titah Baginda Tuanku memuji kepimpinan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak mempunyai kepimpinan yang unik dan berkesan untuk membangunkan masyarakat dan negara Malaysia. Gagasan 1Malaysia, "*Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*" yang diilhamkan oleh Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak nyata telah menjadi dasar penting dalam menentukan pelbagai inisiatif agenda transformasi kerajaan.

■ 1630

Penduduk Malaysia telah menerima gagasan itu. 1Malaysia telah menjadi ungkapan yang sangat popular di kalangan rakyat dan juga digunakan sebagai ungkapan dalam salam, dalam majlis rasmi kerajaan. Sejak diberi mandat untuk memimpin Kerajaan Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib telah menjelajah ke seluruh pelosok negara untuk melihat dengan nyata, dengan matanya sendiri keadaan masyarakat Malaysia dan untuk mendengar keluhan dan luahan hati rakyat.

Konsep *walkabout* pemimpin bersama rakyat yang telah dicipta oleh Dato' Sri Mohd. Najib telah membuktikan beliau seorang yang berorientasikan rakyat. Memang Dato' Sri Mohd. Najib seorang pemimpin yang prihatin kepada rakyat. Beliau melihat rakyat itu satu subjek yang perlu dijaga, dibela dengan baik. Saya menyeru semua pihak di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini supaya memberi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib kita satu peluang untuk terus menjalankan dan seterusnya menyempurnakan semua program transformasi beliau sehingga membuahkan hasil seperti mana yang diidam-idamkan dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan ke-12, Titah Baginda Tuanku menyentuh betapa pentingnya teknologi hijau sebagai sumber baru kekayaan negara. Teknologi hijau dilihat akan menjadi penggerak utama ekonomi Malaysia pada masa yang akan datang dan menjamin pembangunan yang mapan. Baginda Tuanku sesungguhnya berpandangan jauh, bertitah supaya kita menyediakan alam suasana dan *environment* yang sihat kepada generasi Malaysia yang akan datang melalui Program Teknologi Hijau ini. Manusia sejagat sudah dan akan terus berhadapan dengan pelbagai pencemaran khususnya dengan peningkatan karbon dalam udara akibat aktiviti manusia itu sendiri.

Kita sangat bersyukur bahawa Malaysia menerima hujan yang lebat sepanjang tahun iaitu sebanyak lebih kurang 4000 mililiter setahun dan cahaya matahari yang sentiasa terik setiap hari merupakan asas utama teknologi hijau. Daripada hujan yang lebat dan cahaya matahari yang cukup terang, kita akan dapat wujudkan tenaga bersih seperti tenaga hidro dan tenaga solar.

Pemangkin utama pembangunan mega gelombang kedua negeri Sarawak adalah diasaskan pada tenaga hidro. Salah satu teknologi hijau kini Empangan Hidro Bakun yang dijangkakan mampu mengeluarkan kira-kira 2,000 megawatt tenaga elektrik akan tidak lama lagi akan membekalkan tenaga kepada semua industri pembuatan berat yang berteknologi tinggi di sekitar Bintulu dan Tanjong Manis. Empangan Hidro Murung yang sedang dibina dan Empangan Hidro Baram apabila siap kelak akan mampu membekalkan hampir 2,000 megawatt tenaga elektrik untuk menampung permintaan para pelabur industri pembuatan dari seluruh dunia. Inilah hasil daripada salah satu teknologi hijau iaitu melalui tenaga air.

Sehubungan ini, saya merayu kepada kerajaan di samping mempercepatkan pembinaan Empangan Hidro Murung dan Empangan Hidro Baram di Sarawak supaya melihat dan merancang serta melaksanakan proses pengambilan tanah, pampasan dan penempatan semula dijalankan dengan melihat kepentingan rakyat yang terkena terlebih dahulu. Proses pembinaan kedua-dua empangan ini harus memenuhi piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan dalam *Kyoto Protocol*.

Saya memohon juga supaya kerajaan memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, setakat manakah proses pembangunan Hidro Murung dan Empangan Hidro Baram setakat ini dan bilakah kedua-dua empangan itu dijangka siap dan nyatakan sejauh manakah kedua-dua empangan hidro ini memenuhi prinsip teknologi hijau nasional.

Sehubungan dengan tenaga ini, juga saya mohon supaya kerajaan memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebab-sebab yang melambatkan pembinaan tenaga solar di beberapa buah kampung di pedalaman utara Sarawak seperti di Long Lalang, Long Peluan dan beberapa kampung di Dataran Tinggi Kelabit. Telah difahamkan bahawa kerja-kerja pembinaan seharusnya sudah siap tetapi belum. Bilakah semua projek ini siap dan jumlah tenaga elektrik yang mampu *digeneratekan* melalui kesemua projek tenaga solar ini?

Tuan Yang di-Pertua, perenggan ke-14 Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku telah menekankan peri pentingnya program penanaman semula dan tanaman baru bagi

komoditi getah dan kelapa sawit. Kedua-dua komoditi ini merupakan penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan pemangkin kepada peningkatan pendapatan rakyat luar bandar.

Baginda Tuanku menekankan supaya aktiviti perladangan ini dipergiatkan di Sabah dan di Sarawak. Di Sarawak sejak lapan tahun yang lalu, kelapa sawit yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil telah meningkatkan pendapatan mereka dengan banyak sekali iaitu khususnya pekebun kecil di sekitar bahagian Miri, Bintulu dan Kuching. Dalam bahagian Miri sahaja, tidak kurang daripada 500 orang pekebun kecil yang melibatkan keluasan tanah hampir 10,000 hektar. Harga minyak sawit dan getah di pasaran dunia pada masa kini telah banyak mengubah taraf hidup masyarakat Iban, Bidayuh dan orang hulu di Sarawak. Purata pendapatan pekebun kecil ini dalam sebulan mencecah RM10,000 sebulan.

Program penanaman kelapa sawit yang dikendalikan oleh SALCRA di Sarawak di kalangan masyarakat Bidayuh dan Iban di sekitar Kuching telah banyak meningkatkan pendapatan masyarakat setempat yang terlibat dalam program SALCRA. Sehingga kini, SALCRA telah berjaya membayar dividen kepada 26,000 peserta program sebanyak RM500 juta dan dijangka SALCRA akan mampu pada tahun ini membayar dividen sebanyak lebih RM100 juta.

Akan tetapi malang sekali, pihak pembangkang khususnya DAP di Sarawak menentang usaha Kerajaan Barisan Nasional memajukan tanah NCR dengan menanam kelapa sawit. Pihak pembangkang juga telah mencuba mengalihkan perhatian orang kampung daripada menanam kelapa sawit kepada menanam jatropha sehingga ramai orang kampung di Baram tertipu untuk menanam pokok yang tidak menguntungkan itu yang kini sudah lenyap di tengah lalang. Untuk memperhebatkan hasrat murni kerajaan ini, saya mohon supaya MPOB terus membekalkan subsidi anak benih kepada pekebun-pekebun kecil yang sudah lama memohon. Saya mohon supaya kerajaan memaklumkan apakah sebab yang menyebabkan pembekalan anak-anak benih ini agak lambat ke Sarawak.

■1640

Adakah perlu pekebun-pekebun kecil ini perlu mengemukakan permohonan yang baru. Saya juga memohon supaya kerajaan memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini jumlah keluasan dan peruntukan yang diberi kepada Sarawak untuk tujuan penanaman getah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan 16, Titah Baginda Tuanku memberi tumpuan, kata Tuanku, iaitu untuk membangun luar bandar Sarawak dan Sabah, khususnya tumpuan itu adalah pada infrastruktur seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih, hubungan komunikasi dan jalan raya yang sempurna. Di negeri Sarawak, *the Land of the Hornbill*, dengan izin, mempunyai lebih kurang lima ribu buah kampung. 70% daripada kampung ini adalah di luar bandar. Kebanyakan kampung ini dapat dihubungi dengan sungai-sungai dan jalan raya tradisional ataupun melalui jalan raya kompeni kayu balak. Ada kampung yang hanya dapat dihubungi dengan jalan kaki. Khususnya maksud saya kampung-kampung ini adalah di bahagian Kapit, Miri dan Limbang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hujung tahun 2010, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia waktu melawat Baram, Sarawak telah meluluskan satu program untuk memperbaiki jalan-jalan akses kayu balak ke kampung yang sudah kini terbenkakai kerana kompeni kayu balak sudah menghentikan operasi. Jadi, orang kampung tidak boleh lalu lalang lagi kerana jalan itu sudah usang dan tidak dapat diperbaiki kerana kompeni sudah berpindah. Jadi, dalam lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas permintaan saya sebagai wakil rakyat, beliau meluluskan supaya Kerajaan Pusat akan mengambil alih jalan-jalan akses ini. Jumlahnya kalau di kawasan Baram adalah dua puluh enam batang jalan akses, tidak kira di bahagian Kapit dan Limbang.

Jadi, dalam kelulusan beliau, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan supaya jalan ini akan diambil oleh Jabatan Kerja Raya supaya jabatan tersebut akan memperbaiki sebagai agensi kerajaan memperbaiki jalan ini untuk rakyat. Namun sehingga kini, walaupun ada khabar-khabar bahawa satu peruntukan yang besar sudah diberi, sudah disediakan untuk tujuan memperbaiki jalan akses ini tetapi sehingga kini belum ada nampak jentera-jentera besar yang memperbaiki jalan akses ini. Rakyat kita terus merana.

Jadi saya, Tuan Yang di-Pertua, memohon supaya kerajaan kita memaklumkan ataupun menjelaskan kenapa projek yang telah diluluskan ini lambat dijalankan. Jadi, juga saya mohon kerana dalam lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meluluskan supaya sebuah sekolah menengah yang bernama SMK Tutoh Apoh, sebuah sekolah yang dilanda banjir tidak kurang dari empat, lima, enam kali setahun. Malah waktu saya sebagai pengetua di sekolah tersebut, pernah mencecah sembilan kali setahun. Jadi, oleh sebab itu keprihatinan Yang Amat Berhormat sebagai Menteri Pelajaran sudah meluluskan supaya sekolah ini di *relocate*, dengan izin, di satu tempat yang tinggi jauh daripada ancaman banjir. Dengan itu, saya mohon supaya kerajaan terus mempercepatkan pembinaan sekolah ini di lokasi yang baik supaya persekolahan anak-anak kita yang jumlah mereka lebih tiga ratus orang murid, dapat belajar tanpa gangguan banjir.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit pandangan dan komen terhadap beberapa perkara yang disentuh oleh Titah Baginda Tuanku itu tadi, maka saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4.46 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut serta membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah yang dititahkan pada 12 Mac yang lalu. Saya mohon maaf sebentar tadi kerana saya menyatakan saya berada di barisan yang terakhir untuk turut sama dalam perbahasan kerana saya yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku menyentuh tentang kaedah memperkasakan rakyat dalam kaedah menguruskan ekonomi negara yang mampan. Saya merujuk kepada penggal yang lalu di mana kerajaan membentangkan Bajet 2012 yang sebenarnya sudah panjang lebar kita bahaskan di Dewan yang mulia ini. Saya tidak berhasrat untuk menokok tambah inti pati yang sudah dibahaskan tetapi sekadar untuk menyentuh beberapa perkara yang turut disentuh oleh Tuanku Yang Dipertuan Agong khususnya mengenai perenggan 4 yang menyentuh tentang persoalan ekonomi negara.

Pada sesi kali ini Tuan Yang di-Pertua, kita sekali lagi akan berhadapan dengan pembentangan Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau lebih dikenali dengan GST, yang pernah dibentangkan di luar Dewan dahulu oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jala. Kesannya cukup meluas kepada rakyat secara menyeluruh. Daripada jutawan yang kaya raya punya pelbagai industri yang besar sehingga kepada penjual cendol di tepi jalan, kerana apa? Ini kerana cukai dikenakan kepada setiap barangan dan perkhidmatan, bukan lagi kepada sistem tangga gaji. Tidak ada rakyat yang terkecuali sekiranya rang undang-undang ini dibentangkan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Saya sebenarnya merasa agak sedih dan terkilan kerana apabila kita berhadapan dengan sedikit masalah pengurusan ekonomi dan jangkaan bahawa kononnya negara ini akan bankrap sekiranya GST ini tidak diperkenalkan, kita kembali kepada rakyat. Rakyat akan sentiasa didahulukan untuk turut sama dilibatkan menanggung dalam konteks beban daripada kaedah pengurusan ekonomi yang pada awalnya baik dari segi perancangan tetapi dari segi pengurusan dan aplikasi agak kelim kabut dan cacamerba.

Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dengan bantuan kakitangan awam yang berada di dalam Dewan yang mulia ini berfikir di luar kotak bagi meneliti kembali ruang-ruang bagaimana pendapatan negara ini dapat dipertingkatkan tanpa meletakkan beban itu kepada rakyat. Saya hendak ambil contoh satu sahaja, sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat meneliti semula pelbagai akta yang lama, perintah atau pekeliling lama pihak Kementerian Kewangan sendiri. Sekiranya pihak Menteri mengambil kaedah meminta pandangan orang lama, kakitangan awam yang lama di kementerian tersebut yang saya yakin tidak jemu-jemu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara, pasti Yang Amat Berhormat akan terjumpa banyak peruntukan-peruntukan undang-undang atau akta-akta atau perintah-perintah yang pernah dibentangkan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini oleh menteri-menteri yang terdahulu yang tujuannya bagi menambah hasil pendapatan negara tanpa sedikit pun membebaskan kepada rakyat.

■1650

Contoh satu sahaja sebab banyak contoh tapi saya ambil satu sahaja untuk penelitian semula Menteri yang berkenaan. Antara akta yang boleh dinilai semula bagi membantu kerajaan menambah pendapatan negara, kalau tidak silap saya sekitar tahun 1983 dahulu, 27 tahun atau hampir 30 tahun yang dahulu, mantan Menteri Kewangan ketika itu Yang Berhormat Mulia Gua

Musang, Tengku Razaleigh Hamzah pernah membentangkan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini satu akta yang dinamakan Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 serta pindaan kepada Perintah Levi Kenderaan Barang-barang (Pengecualian) 1983 yang mengenakan kadar levi terhadap kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara khususnya kenderaan yang melalui pintu masuk atau pintu keluar negara di sebelah selatan ke Singapura. Sejak tahun 1983 ini, sejak akta ini diperkenalkan, ianya tidak pernah disemak atau dipinda semula sedangkan semasa ianya diperkenalkan nilai mata wang Malaysia jauh lebih tinggi daripada Singapura.

Jumlah kenderaan komersial atau dagangan yang keluar masuk pintu sempadan semakin hari semakin bertambah, semakin tahun semakin bertambah termasuklah kenderaan komersial yang membawa keluar tanah, pasir dan batu yang digunakan oleh Kerajaan Singapura untuk menambah jumlah keluasan kawasan negara Singapura. Bayangkan, Kerajaan Singapura boleh memperoleh lebih SGD1 bilion setiap tahun dari cukai barangan yang dibawa masuk ke negara sana sedangkan mengikut laporan Perbendaharaan negara ini sendiri, kita hanya mampu mengutip sekitar RM147.108 juta pada tahun 2008 dan RM141.12 juta pada tahun 2009 melalui levi yang dikenakan terhadap kenderaan atau barangan yang meninggalkan negara atau masuk ke negara Singapura melalui pintu masuk selatan negara ini.

Kadar dahulu yang masih kekal sekarang sekitar RM100 ke RM200 satu kenderaan adalah kadar yang terlalu lapuk, hampir 30 tahun. Sudah sampai masanya Tuan Yang di-Pertua, kadar ini diteliti semula, akta ini diteliti semula, perintah ini diteliti semula memandangkan ia bukan hanya lapuk dan ketinggalan zaman tetapi ianya tidak memberikan manfaat kepada negara.

Ini caranya, salah satu cara yang kecil kerajaan boleh tambah pendapatan negara tanpa salurkan beban itu kepada rakyat. Bila ini berlaku, bila benda ini tidak langsung diteliti atau disemak semula, kita di negara ini seolah-olah kita menyedekahkan batuan kita, pepejal kita, simen kita, besi kita, pasir kita dan banyak lagi bahan lain kepada Singapura untuk membolehkan mereka menambak laut dan menambah keluasan mereka.

Sepatutnya selepas hampir 30 tahun, tiada lagi pengecualian levi bagi barang-barang tertentu kerana akhirnya yang rugi adalah kita dan bukannya mereka. Yang untung adalah Singapura, yang sering kita gunakan sebagai dengan izin, *punching bag* setiap kali kita hendak pilihan raya. Ini persoalan kedaulatan dan harta benda negara. Ini bukan persoalan politik semata-mata. Ini antara cara yang kerajaan boleh lihat dan teliti semula untuk bantu tambah pendapatan negara. Pengeksport kita sendiri tidak pernah bantah, tidak pernah kompelin bila kadar cukai yang dikenakan oleh Singapura terhadap pengeksport kita dinaikkan daripada setahun ke setahun dan ianya dibayar dalam mata wang Singapura sendiri yang jauh lebih tinggi sekarang ini daripada mata wang kita. Kalau mereka ini mampu bayar kepada Singapura, tentu mereka lebih mampu bayar pada negara sendiri dalam mata wang kita.

Persoalan kita, sebenarnya apakah antara kesan positif kalau kita pinda dan kita naikkan kadar levi negara kita? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh buat benda macam itu Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya pendapatan negara naik tetapi kita boleh bantu kerancangan penggunaan

pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang dan pelabuhan-pelabuhan lain bagi membolehkan barangan negara ini dihantar terus kepada negara penerima tanpa melalui pelabuhan Singapura. Selama ini para pengeksport negara kita lebih memilih Singapura kerana kos melintasi Tambak Johor itu jauh lebih murah dan lebih rendah kerana dikenakan kadar yang minimum. Saya yakin jika ini berlaku, rakyat tidak marah. Peningkatan kadar levi ini hanya akan ditanggung oleh pengusaha Singapura dan bukannya rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini baru satu daripada puluhan akta-akta lama atau akta-akta lapuk yang tidak kita teliti atau semak semula. Saya yakin Kementerian Kewangan punya kakitangan yang bagus, kakitangan yang baik yang boleh meneliti satu persatu akta-akta yang tidak pernah kita lihat semula. Ini penting kerana kita hendak pendapatan negara naik dan rakyat tidak terbeban dengan keperluan kita untuk menambah hasil negara. Saya yakin semua kakitangan awam kerajaan punya semangat yang kuat dan semangat patriotisme yang tinggi bagi membantu Kementerian Kewangan menambah hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga sudah sampai masanya jawatan Menteri Kewangan itu diasingkan daripada jawatan Perdana Menteri kerana saya yakin dalam kesibukan Perdana Menteri untuk menguruskan negara, jawatan Menteri Kewangan itu perlu diserahkan kepada menteri-menteri lain yang lebih khusus dan punya kebolehan serta kelulusan yang baik. Dalam Dewan ini ada ramai yang mampu menjadi Menteri Kewangan. Timbalan Menteri Kewangan sendiri punya kelulusan yang baik, bekas Timbalan Gabenor Negara. Saya yakin beliau mampu menguruskan perkara-perkara seperti ini dan membiarkan Perdana Menteri terus memfokuskan perhatian beliau bagi menerajui negara ini. Ini baru satu Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya kita juga minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku bekas Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Untuk Projek Yang Berimpak Tinggi atau dengan izin, *high impact project*, kalau tidak silap saya beliau mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet ini daripada tahun 2006 hingga tahun 2009. Jawatankuasa ini Tuan Yang di-Pertua, punya kuasa yang cukup luas untuk meluluskan projek atau geran kepada projek-projek yang berimpak tinggi. Contoh yang pernah diluluskan oleh jawatankuasa ini ialah kes *controversial National Feedlot*, kes Lynas dan juga yang pernah dipertimbangkan dahulu pembinaan jana kuasa nuklear untuk negara ini.

Saya minta Menteri yang berkenaan untuk terangkan di Dewan yang mulia ini bagaimana kedudukan *nuclear power plant* negara ini kerana ianya pernah dibentangkan dahulu dan pernah diperkenalkan dahulu dan dijangka akan dibuat sekitar tahun 2020 atau 2021. Kita hendak tahu sejauh mana perancangannya? Sejauh mana kesan dan di manakah cadangan pembinaannya? Ini kerana loji tenaga nuklear ini punya kesan yang cukup besar bukan hanya kepada rakyat hari ini tetapi kepada generasi masa depan. Impaknya terhadap alam sekitar juga jauh sangat besar kerana ianya meliputi keturunan-keturunan yang akan lahir daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu NFC. Saya tidak mahu panjang lebar, cuma kita minta juga menteri yang berkenaan mohon untuk jelaskan kenapa selepas arahan pembekuan aset-aset yang terdapat dalam *National Feedlot*, sebuah syarikat yang diberikan amanah dan tanggungjawab menguruskan pembekalan makanan negara, hasil daging negara hari ini masih boleh diuruskan oleh pemilik syarikat sedangkan kes ini masih berjalan di mahkamah? Sedangkan, Menteri sendiri mengumumkan bahawa aset-aset mereka sudah dibekukan. Kita minta kenapa masih boleh ada *interference* dengan izin, tentang kaedah pengurusan aset-aset yang dibeli dan dibentangkan dahulu di Dewan Rakyat oleh pengurusan yang masih ada lagi pada hari ini?

Ini persoalan integriti, ini persoalan dana awam, ini persoalan yang kita mahu Menteri jawab kerana kita tidak mahu lagi berulangnya episod industri strategik pemakanan negara dijadikan industri penswastaaan pemakanan negara. Ini sangat penting kerana masa depan negara, kelangsungan rakyat negara ini bergantung kepada projek-projek besar, projek-projek strategik yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet ini.

■1700

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berkenaan dengan isu ekonomi. Baru-baru ini Syarikat Penerbangan Malaysia atau dikenali sebagai MAS melaporkan kerugian terkumpul yang antara terbesar dalam sejarah penubuhan mereka iaitu berjumlah RM2.52 bilion untuk tahun 2011 sahaja. Ini data dan angka yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Lapan bulan lalu syarikat yang sama juga turut memeterai satu perjanjian *share swapping*, dengan izin, atau penukaran saham yang menyebabkan akhirnya hari ini, sekarang ini ianya dimiliki oleh syarikat pesaing swasta iaitu Syarikat AirAsia. Pelbagai persoalan timbul. AirAsia ini secara automatik dalam perjanjian penukaran saham ini menguasai perjalanan, pengurusan dan masa depan Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS.

Perjanjian ini juga sekarang ini akhirnya meletakkan nasib dan masa depan 20,000 kakitangan MAS yang bernaung di bawah lapan kesatuan kerja berada di dalam keadaan ketidaktentuan dan terumbang ambing. Ini kerana mereka tidak tahu di mana masa depan mereka di bawah pengurusan baru MAS yang hari ini sudah dimasuki oleh Eksekutif Kanan daripada AirAsia. Ke mana sebenarnya arah yang ingin diambil oleh kerajaan untuk menentukan masa depan MAS sekali gus pekerja-pekerjanya?

Saya ingin puji jugalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang mengakui bahawa perjanjian ini perlu difikirkan semula, perlu disemak semula walaupun ianya sudah lapan bulan dimeterai dan ditandatangani. Mungkin dia sudah melihat sampai masanya masa depan pekerja diambil kira. Mungkin pandangan pekerja sudah perlu diambil kira tetapi bagaimana pula dengan keputusan yang sudah dibuat sebelum ini, selepas perjanjian ini ditandatangani? Bagaimana kedudukan dan status Eksekutif Kanan AirAsia yang dilantik dalam pengurusan kanan MAS? Bagaimana pula dengan kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan sekiranya perjanjian yang telah dimeterai ini dibatalkan? Ini perkara-perkara penting kerana MAS

adalah syarikat strategik negara. Ianya adalah lambang kemegahan negara. *National flight carrier*, dengan izin.

Persoalan-persoalan ini perlu dijawab kerana MAS bukan sembarangan syarikat. Bukan syarikat tepi jalan jual cendol. Ini syarikat yang hampir kesemua kita dalam Dewan yang mulia ini pernah naik. Ini syarikat yang pernah mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana perkhidmatannya yang cemerlang dan diiktiraf dunia. Persoalan-persoalan lain timbul dalam perjanjian ini. Persoalan kemungkinan wujud suasana monopoli dalam persaingan perkhidmatan penerbangan negara. Ini tidak dijawab. Persoalan *corporate governance*. Bagaimana sebuah syarikat swasta yang kecil mampu menguasai syarikat negara yang punya kepentingan negara. Ini perlu dijawab. Soal ketelusan dalam soal pengurusan harta negara perlu dijawab. Ini syarikat penerbangan negara bukan syarikat persendirian.

Negara atau kerajaan punya hak dan punya kuasa untuk memastikan ianya tidak lagi dijadikan sebagai dengan izin, *cash cow* oleh beberapa individu bagi memastikan penguasaan monopoli secara berterusan laluan-laluan strategik negara. Jangan atau cukuplah dengan eksperimen yang lalu. Dulu sudah macam-macam kita libatkan. Umum sudah tahu tentang kes Tajudin Ramli. Bagaimana berlaku pelupusan akhirnya hutang Tan Sri Tajudin Ramli terhadap negara. Lupus begitu sahaja. Saya tidak mahu lagi menyentuh soal ini tetapi cukup. Jangan kita eksperimenkan lagi syarikat utama negara. Jangan masa depan syarikat ini dan pekerja-pekerjanya yang selama ini setia kepada syarikat dan negara terus diperjudikan dengan eksperimen sebegini. Kalau kita ada buat kesilapan dalam merencana masa depan MAS, tidak perlu kita rasa rendah diri. Tidak perlu kita rasa takut-takut untuk mengakui kesalahan kita.

Apa yang penting sekarang kita sama-sama untuk bekerjasama membina semula dan membaiki kesilapan lampau. Jangan kita tutup kesilapan lampau semata-mata untuk kita tidak mahu tunjuk yang kita sudah buat silap. Tidak salah kita mengakui kesilapan. Yang penting kita perbaiki kesilapan tersebut kerana akhirnya kalau kita tutup kesilapan lampau, kesannya akan sampai kepada kita semua. Tuan Yang di-Pertua, tadi awal sebelum ini beberapa Yang Berhormat menyentuh tentang isu pendidikan dan PTPTN. Saya cuma hendak sentuh sedikit sahaja tentang PTPTN.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: PTPTN, kita cadangkan untuk kita mansuhkan dan kita ganti semula dengan sistem baru yang tidak membebankan pelajar. Sistem yang ada sekarang Tuan Yang di-Pertua, meletakkan kadar faedah yang bagi saya tidak munasabah untuk pelajar-pelajar yang baru keluar dan baru hendak mencari kerja. Tiba-tiba dikenakan tuntutan yang membayar semula. Bila tidak boleh bayar semula masuk mahkamah. Sudah berapa ramai rakyat Malaysia tidak kira bangsa, tidak kira kaum yang sudah menjadi mufliis kerana tidak mampu memenuhi tuntutan pembayaran semula ini. Sudahlah masuk mahkamah, kena 4% faedah pengurusan. Kena lagi 8% faedah kos yang ditetapkan oleh mahkamah, 12%! Budak-budak ini

baru hendak kerja. Kenapa perlu kerajaan memperdagangkan satu perkara yang penting bagi masa depan anak-anak muda dan mahasiswa mahasiswi negara ini?

Oleh kerana itu, kita kata kita mansuhkan PTPTN tetapi kita tampil dengan satu kaedah baru bagi memastikan mereka terbela, ruang mereka untuk belajar terbela dan hanya mereka yang layak menerima bantuan PTPTN. Jangan ada anak jutawan yang sudah kaya raya terus menerima bantuan melalui PTPTN. Kita hendak orang yang layak, anak orang kampung, anak kakitangan kerajaan yang berpangkat rendah. Ini orang yang layak. Oleh kerana itu kita minta PTPTN dimansuhkan. Faham fakta ini. Jangan selewengkan fakta ini. Bukan kita tidak mahu sediakan yang baru. Kita hendak sediakan yang baru tetapi yang lebih berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga sedikit isu wanita. Kita maklum dalam komposisi negara ini wanita melebihi hampir ke tahap lebih 50% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Pada hemat saya perkara ini amat positif sekiranya mereka diletakkan sebagai populasi sasaran supaya pandangan mereka dan inspirasi mereka diberikan perhatian dan keutamaan utama. Saya hendak menyentuh tentang persoalan tuntutan hak dan perlindungan perundangan kepada wanita kerana ini kuasa kerajaan untuk melindungi hak mereka, untuk melindungi masa depan mereka, untuk melindungi kebajikan mereka.

Kalau di peringkat antarabangsa pun Tuan Yang di-Pertua, negara-negara lain seperti China, Rusia malahan negara seperti Bulgaria sekali pun telah pun melaksanakan cuti umum buat Hari Wanita Sedunia yang disambut pada tanggal 8 Februari setiap tahun. Di Malaysia ianya berlaku sebaliknya. Malahan sehingga kini persoalan permasalahan keganasan rumah tangga dan diskriminasi terhadap wanita yang bekerja masih lagi menjadi perbualan dan terus diperbahaskan seolah-olah tidak ada usaha yang benar-benar serius untuk menangani persoalan-persoalan ini. Sebagai bukti Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Polis Diraja Malaysia bagi tempoh 2008 hingga September 2010, sebanyak 9,815 kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan dan jumlah ini merupakan angka yang sangat membimbangkan kita.

Keduanya, sehingga hari ini Akta Gangguan Seksual untuk melindungi keselamatan wanita di tempat kerja juga masih lagi terumbang ambing, belum dibentangkan, jauh sekali untuk diluluskan. Bahkan ianya menjadi sindiran di bawah. Majikan seolah-olah tidak mampu untuk melindungi kebajikan pekerja-pekerja wanita dan juga lelaki yang menjadi permasalahan gangguan seksual. Ini tidak membantu membentuk persekitaran kerja yang baik dan kondusif bagi membantu negara, menjana ekonomi negara dan juga menjana industri di negara ini.

■1710

Jadi Tuan Yang di-Pertua selaku Ahli Dewan Negara, saya meminta seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya wanita tidak kiralah daripada Barisan Nasional mahupun Pakatan Rakyat untuk bersama-sama dengan saya menuntut beberapa perkara:

- (i) Kerajaan Malaysia segera melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan CEDAW atau dengan izin, *the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women*;

- (ii) kerajaan segera mengkaji semula pentakrifan rogol, diskriminasi dan keganasan rumah tangga seperti yang tertakluk di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) 2005 dan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 agar maksudnya lebih jelas dan tidak berlaku pertindihan dalam pelaksanaannya pada masa hadapan;
- (iii) Kerajaan Malaysia segera melaksanakan atau meminda Akta Imigresen 1959 dan Akta Imigresen 1963 yang kini mempunyai pertindihan di dalam peruntukan kewarganegaraan untuk pasangan dan anak pasangan yang berstatus Malaysia warga asing; dan
- (iv) Kerajaan Malaysia membuat segera penilaian semula terhadap pelaksanaan Akta Keganasan Domestik agar ia benar-benar bersikap adil, gender atau dengan izin, *gender justice* tanpa mengira bangsa, kaum mahupun agama.

Pelaksanaan segera ini perlu menjamin hak wanita untuk sentiasa dijamin dan dipelihara dengan kemas agar kes-kes penghinaan terhadap wanita tidak lagi berlaku pada masa hadapan. Kadang-kadang kita mendengar pemersendaan terhadap wanita ia dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, kerana itu kita meminta jangan ada lagi perkara-perkara sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan lain yang turut dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini terutamanya yang berkaitan dengan prestasi kerajaan barisan alternatif di empat buah negeri. Saya meminta rakan-rakan Yang Berhormat rujuk semula kepada laporan, jika perlu kita perlu untuk memberikan satu taklimat khas tentang kejayaan yang kita buat di negeri-negeri ini, silakan kami sedia memberikan pembentangan atau laporan. Memang di empat-empat negeri ini tidak ada kita anugerahkan projek-projek mega atau yang besar-besar, cuma kita lebih mengutamakan perkara-perkara kecil yang dilakukan secara berkala bagi memastikan kebajikan rakyat terus dipertahankan atau dibantu dalam suasana ekonomi negara yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak sukar untuk kita dapat. Jadi fakta-fakta yang kita kutip di tepi-tepi longkang, daripada *coffee house* jangan kita gunakan sebagai fakta yang betul di Dewan yang mulia ini. Ini merendahkan darjat dan martabat Dewan yang mulia ini sendiri. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik tafsiran ataupun terjemahan daripada dua ayat Al-Quran untuk kita sama-sama renungi, kalau baik kita guna pakai bersama-sama agar kita tidak tersasar daripada landasan kita dalam memperjuangkan nasib rakyat di Dewan yang mulia ini.

Pertama saya mohon merujuk kepada surah Al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud; *“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

Yang kedua saya ingin memetik surah Al-Maidah ayat 8 yang bermaksud; *“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”*

Selaku Ahli Dewan Negara perjuangan berlandaskan kebajikan rakyat menjadi asas perjuangan kita. Seajar dengan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya merasa sudah sampai masanya selaku ahli Dewan yang mulia ini kita semua berfikir sejenak dan merenungi perjuangan dan tujuan kita dilantik untuk berada di Dewan yang mulia ini. Bertepatan dengan hasrat Perlembagaan Persekutuan dan Demokrasi Nasional, ruang dan masa yang berharga di Dewan yang mulia ini harus digunakan untuk lebih membahaskan, bermusyawarah dan membincangkan perkara-perkara yang berfaedah kepada negara.

Saya mohon Tuan Yang di-Pertua agar kalau boleh Dewan yang mulia ini menasihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membuat lantikan Ahli Dewan Negara dari kuota Kerajaan Persekutuan lantiklah, pilihlah mereka yang mempunyai wibawa, yang boleh mewakili suara rakyat atau kelompok-kelompok penting negara ini. Jangan jadikan kriteria memaki hamun, menghina orang lain, menabur fitnah dan tohmahan sebagai asas pelantikan sebagai senator di Dewan yang mulia ini. Jangan kita merendahkan martabat Dewan yang mulia ini, jangan kita mengakui kepada orang ramai momokan mereka bahawa Dewan yang mulia ini hanya Dewan *rubber stamp*, jangan kita terima. Kita buktikan kepada mereka bahawa kita mempunyai kewibawaan yang baik...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Saiful Izham bin Ramli:Punya martabat yang tinggi untuk kita...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Boleh saya mencelah sekejap?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Boleh.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Boleh tidak mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab saya rasa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful tadi itu sebab ia menyentuh kita ini semua. Jadi saya rasa itu satu perkara yang tidak berapa manislah kerana kita bercakap tentang Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi kalau boleh kalau ingin kita menyampaikan sesuatu ataupun emosi, kalau boleh janganlah sampai kita menyentuh antara kita sesama ahli.

Kalau Yang Berhormat Senator Tuan Saiful merasakan ada beberapa perkara yang agak kurang memberikan kepuasan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Saiful kita boleh terus bercakap siapa penama tersebut, saya rasa lebih jelas. Sebab jika bercakap sebegitu maksudnya kita boleh melibatkan keseluruhan. Jadi saya rasa tidak adil untuk Ahli-ahli Dewan dan dalam masa yang sama saya merasakan pelantikan yang dibuat oleh kerajaan, baik di peringkat

persekutuan mahupun di peringkat negeri maksudnya tidak tepat termasuk juga Yang Berhormat Senator Tuan Saiful di barisan sana. Jadi saya minta kalau boleh perkara itu ditarik balik. Terima kasih.

Dato' Ng Fook Heng: Mencilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencilah?

Dato' Ng Fook Heng: Saya, Tuan Yang di-Pertua saya amat menyokong Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin tentang apa yang dikatakan, sebab saya pun rasa terhina juga kalau perkataan yang secara umum. Saya rasa tidak berapa seronoklah apabila seseorang senator bercakap begitu maknanya dia meninggikan diri sendiri untuk menjatuhkan orang lain, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir betul itu Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat patut tarik balik yang mengatakan Ahli-ahli Dewan Negara yang berada di sini tidak mempunyai kaliber. Jadi tidak baiklah bercakap begitu.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak mempunyai kaliber, saya menyatakan pandangan umum orang lain, orang awam yang juga dapat melihat kita secara langsung sekarang ini di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Ini kerana saya hendak mempertahankan kemuliaan dan integriti institusi Dewan ini, jangan kita menjadikan sesi perbahasan ini untuk kita menghina orang, untuk kita meremehkan orang, untuk...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencilah.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: ...Kita sebarkan pelbagai fitnah dan tohmahan kerana ini kita mahu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang mahu mencilah. Boleh Yang Berhormat?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Minta maaf, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Saiful, kerana saya merasakan *sentence* Yang Berhormat Senator Tuan Saiful tadi bukan mewakili rakyat di luar tetapi dari segi emosi Yang Berhormat Senator Tuan Saiful sendiri kalau kita lihat balik. Dari segi teks ucapan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful mungkin kita buat *survey* atau *research* semula dari segi ayat yang telah digunakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful kerana itu saya rasa terpenggil, saya mohon sekali lagi kalau boleh kenyataan itu ditarik balik, jangan kita gunakan unsur luar, saya mohon sekali lagi.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada ayat atau perkataan yang agak menyentuh sensitiviti beberapa orang ahli, saya mohon maaf tetapi saya masih lagi berpendapat bahawa kita perlu untuk terus menjaga integriti Dewan yang mulia ini. Kerana itu saya memohon disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar kriteria lantikan selanjutnya selepas daripada ini jangan kita remehkan integriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini dengan merafak syukur...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya mohon mencilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ada lagi? Sudah hendak habis.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya mohon mencelah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Mencelah lagi?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam Dewan yang mulia ini kita masing-masing ada integriti dan sebagai Ahli Dewan yang mulia ini sama-sama kita mempunyai hasrat yang meluap-luap untuk menjaga integriti ini sebagaimana yang diamanahkan sama ada kita dilantik oleh Kerajaan Persekutuan ataupun yang mewakili negeri-negeri.

■ 1720

Saya yakin kriteria yang dipilih oleh pihak negeri, ada garis panduannya. Begitu juga dengan yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, tidak usahlah kita mempertikaikan. Tidak perlulah kita hendak menasihatkan lagi seorang Perdana Menteri yang selama ini telah menjalankan tanggungjawabnya memilih sesiapa juga yang dipilhkan sesuai hanya kadang-kadang ada seorang dua yang berkata sesuatu yang mungkin menyinggung perasaan kita. Itu sebagai sesuatu yang kita harus terima dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap Yang Berhormat Senator boleh menerima hakikat ini.

Kedua, saya ingin bertanya berkenaan dua, tiga perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi sebab dia laju saya tidak sempat hendak menyentuh. Berkenaan dengan cuti umum untuk wanita. Beliau telah menyentuh beberapa negara disebut Bulgaria. Jadi saya rasa itu satu fakta yang tidak tepat. Saya sudah *check*, cuti umum tidak ada untuk wanita di Bulgaria. Kedua, berhubung dengan kenyataan yang mengatakan wang Ringgit Malaysia pada suatu ketika dahulu lebih besar daripada Singapura. Jadi ini pun juga satu fakta yang tidak betul. Saya tahu bahawa wang Ringgit Malaysia tidak pernah melebihi nilai Singapura.

Ketiga, saya mohon penjelasan apakah maksud Yang Berhormat Senator mengatakan tidak berniat untuk memansuhkan PTPTN sedangkan pemimpin Yang Berhormat di luar sana menyala-nyala tiupan angin mengatakan mansuhkan? Ini kerana kita boleh – kerajaan yang beliau hendak lantik nanti, mampu untuk melunaskan RM43 bilion ini melalui hasil sumber Petronas. Terima kasih.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang cuti umum Hari Wanita, saya rasa ada. Jadi, kita mungkin boleh semak semula selepas ini. Kedua, tentang nilai Ringgit Malaysia, sebenarnya pernah nilai Ringgit Malaysia jauh lebih tinggi daripada Singapura kerana itulah pada ketika itu saya masih ingat, rakyat Malaysia terutamanya di Johor sering berpusu-pusu ke Singapura untuk membeli barangan Singapura. Ini fakta yang pernah terjadi dalam sejarah Ringgit Malaysia...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ada lagi.

Dato' Boon Som a/l Inong: Saya hendak bertanya pada tahun, berapakah *Singapore dollar* rendah daripada Malaysia?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya masih ingat ketika tahun 1983 ketika akta yang disebutkan tadi diperkenalkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah. Ia diperkenalkan dengan mengambil kira kadar nilai mata wang Malaysia ketika itu. Jadi yang ketiga, saya juga bercakap tentang PTPTN tadi. Kita berkata kita mansuhkan PTPTN untuk ganti dengan sistem baru yang lebih baik...

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: *[Bangun]*

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Jadi kita minta kalau dapat...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah itu Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Diganti dengan sistem yang baru, adakah itu bermaksud percuma ataupun masih berbayar?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi menyarankan agar sistem pendidikan negara ini diberikan secara percuma. Bermula daripada tadika sehingga ke peringkat ijazah pertama universiti di negara ini. Saya juga bersetuju tadi dengan saranan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah tadi yang awal sekali, panjang sangat ayatnya, tetapi saya bersetujulah tentang pandangan Dato' berkenaan tentang integriti Dewan ini...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *[Bangun]*

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya merafakkan syukur menjunjung Titah...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Semoga sidang Parlimen...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah itu Yang Berhormat?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Dan saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, ada yang mohon mencelah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ada lagi?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sedikit sahaja. Satu minit sahaja sebab saya hendak ulas sekali lagi berkenaan dengan kredibiliti tadi bukan. Ini disebabkan kalau kita melihat bukan sahaja lantikan berkenaan dengan Ahli-ahli Dewan Negara. Kalau kita lihat di sebelah sana pun... *[Merujuk kepada blok pembangkang]* Ada pemimpin-pemimpin kita yang dipilih oleh rakyat. Bekas yang baru keluar dari penjara pun ada dapat jadi wakil rakyat. Jadi di mana kita hendak meletakkan itu sebagai kredibiliti? Dalam keadaan macam ini saya minta sekali lagi kalau boleh kita semua Ahli Yang Berhormat, tolonglah, jangan sentuh sampai ke peringkat macam itu. Nampak tidak adil dalam konteks ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Saiful bin Ramli.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, ada bisexual dan kaki liwat di Dewan Rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudahlah itu.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya mohon mencelah juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir lebih baik ayat itu tadi ditarik balik sebab mengikut Peraturan Mesyuarat 35(5), "*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain*". Jadi, eloklah saya fikir tarik baliklah. *Just* mohon maaf sahajalah... [*Tepuk*] Boleh Yang Berhormat Senator?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Boleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Itulah...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih atas kerjasama itu Yang Berhormat Senator. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya masih lagi kurang jelas dengan *statement* Yang Berhormat Tuan Saiful bin Ramli berhubung dengan PTPTN yang saya bangkitkan tadi. Beliau daripada apa yang saya baca, bercadang untuk memansuhkan PTPTN.

Akan tetapi tidak menghapus kira segala pinjaman yang telah dikeluarkan. Betul? Sedangkan yang saya tahu, pemimpin Yang Berhormat Senator sendiri berhajat benar-benar hendak menghapuskan ataupun memansuhkannya, itu perkataan yang sebenarnya. Memansuhkan yang saya faham ialah menghapus kira. Ertinya kita beritahu dengan peminjam-peminjam, semuanya dihapus kira dan tidak perlu bayar. Sedangkan Yang Berhormat Senator tadi kata ubah sistem. Adakah ini bermaksud kita memansuhkan sistem yang ada sekarang ataupun memansuhkan pinjaman yang ada sekarang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap tentang soal PTPTN, saya bercakap tentang soal pemansuhan sistem yang sedia ada dan kita tampil dengan satu sistem yang baru yang tidak membebankan kepada mahasiswa.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, sistem yang baru yang kita akan perkenalkan boleh diguna pakai untuk mengambil kira bebanan hutang yang sedia ada sama ada ia sesuai atau tidak untuk kita guna pakai lagi pada hari ini. Sekiranya perlu dihapuskan, ada kaedah lain yang kita boleh guna pakai bagi menggantikan hutang-hutang yang sedia ada. Contohnya daripada segi penggantian perkhidmatan kepada kerajaan dan sebagainya. Terima kasih.

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator, silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: [*Bangun*]

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis sudah?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada apa-apa lagi yang... Saya dengar tadi ramai juga. Persilakanlah agaknya. Boleh, saya beri ruang.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, hendak bertanya lagikah?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya hendak bertanya lagi untuk menyenangkan hati saya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Silakan. Saya benarkan, saya benarkan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: ... Yang hendak dimansuhkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Soalan saya senang sahaja. Hendak mansuhkan sistem ataupun hendak mansuhkan pinjaman? Ini disebabkan tadi Yang Berhormat Senator kata hendak mansuhkan sistem. Ertinya ubahsuai sistem. Sedangkan di luar sana kita tahu bahawa pemimpin-pemimpin yang ada di luar sana berhajat benar-benar hendak memansuhkan pinjaman. Ertinya dihapuskan pinjaman yang ada dalam buku sekarang. Itu pemahaman yang saya ada. Adakah Yang Berhormat Senator mempunyai pandangan yang berbeza dengan pandangan pemimpin Yang Berhormat Senator? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator. Silakan.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai pandangan yang berbeza dengan pandangan atau tuntutan yang di luar. Saya nyatakan tadi, saya mencadangkan agar kita akan mengadakan pemansuhan sistem yang sedia ada. Dalam penyediaan sistem yang baru, kita akan mengambil kira pemansuhan ataupun keperluan pemansuhan beberapa pinjaman yang dilakukan sebelum daripada ini.

Ini kerana sebelum daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, berlaku juga pinjaman kepada golongan yang tidak layak untuk meminjam. Golongan ini perlu membayar tetapi golongan yang layak, golongan yang berpendapatan rendah, golongan yang miskin, kita akan pertimbangkan semula sama ada penghapusan keseluruhan atau penggantian dengan skim perkhidmatan yang lain yang mengikat mereka dengan kerajaan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan. Silakan. Semua Yang Berhormat yang berminat

Dato' Boon Som a/l Inong: Apa ini...

Tuan Yang di-Pertua: Semua yang berminat Yang Berhormat Senator sebab itu saya benarkan. Silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: ...Pada tahun 1983, tercatat di sini, mata wang Malaysia adalah *on par with Malaysian Ringgit* - SGD1 sama dengan RM1, *on par*. Itu jawapan yang tidak betul.

■1730

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, kalau *on par* pun dalam rekod Malaysia, kita pernah punya nilai mata wang yang lebih tinggi daripada Singapura. Persoalan saya tadi ialah kenapa kerajaan tidak mahu meminda dan menyemak semula akta-akta lapuk seperti ini untuk membantu negara menambah hasil pendapatan dengan tidak menyerahkan bebanannya

kepada rakyat. Itu sahaja. Kalau sekarang nilai mata wang Singapura jauh lebih tinggi, jadi adalah lebih baik dan lebih keperluan itu disegerakan bagi memastikan hasil negara bertambah, jauh lebih baik. Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi...., tidak ada siapa lagi? Okey, terima kasih. Yang Berhormat sudah habis ya, Yang Berhormat Saiful, habis ya?

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Sudah.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Tuan Saiful ini. Kenapa baru sekarang sahaja kata PTPTN ini tidak bagus? Sejak dari dahulu bagus. Masa Anwar Ibrahim dahulu pegang, bagus. Jadi saya hendak tanya, kenapa sekarang ini tidak bagus? Itu dia.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa PTPTN tidak bagus. Akan tetapi saya menyatakan tadi dalam Dewan yang mulia ini, kesan terhadap pelajar yang baru keluar, belum bekerja tidak mampu membayar, dibebankan dengan faedah pengurusan yang tinggi dan apabila diputuskan oleh mahkamah, ditambah lagi 8% terhadap nilai yang belum berbayar. Ia menyebabkan ramai daripada peminjam ini diisytiharkan sebagai muflis.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit. Kalau bagus, kenapa minta mansuh. Ha! Kalau PTPTN bagus, kenapa minta mansuh. Jawablah.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan ia tidak bagus ataupun ia bagus. Saya menyatakan bahawa ia perlu dimansuhkan dan diperkenalkan sistem baru bagi memastikan tidak ada lagi bebanan yang tidak sepatutnya dikenakan kepada pelajar-pelajar yang muda ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kalau bagus, macam mana *you* minta mansuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ikut peraturan. Bila sudah habis itu, Yang Berhormat minta laluan dahulu ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Minta laluan. Kalau sudah bagus, kenapa minta mansuh, sayang... [*Ketawa*] Jawablah sayang.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Saya sudah jawab tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak kata PTPTN ini tidak bagus ataupun bagus. Saya katakan bahawa ia perlu dimansuhkan dan diganti dengan sistem baru yang lebih baik.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau minta mansuh ertinya tidak bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa agaknya Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Itu pandangan Yang Berhormat sendiri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *You* kacau-bilaulah... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat semua kita pun sudah dengar. Agaknya *it's on record* dalam *Hansard*. Bila tengok itu esok sama-sama kita renung, macam mana kita

fikirkan. Saya rasa sudah bagi ruang tadi untuk penjelasan. Sekarang saya teruskan untuk perbahasan. Saya persilakan kepada Yang Berhormat Subramaniam.

5.33 ptg.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membahaskan Titah Yang di-Pertuan Agong. Sebelum itu, seperti yang Tuan Yang di-Pertua maklum kerana semua telah kehilangan seorang rakan seperjuangan Yang Berhormat Senator Datuk VK Subaiyyah yang telah meninggal dunia beberapa hari yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang. Yang Berhormat Datuk Subaiyyah seorang yang banyak berjasa kepada rakyat terutama di Pulau Pinang. Saya ingin segala sumbangan dan perkhidmatan beliau kepada MIC, Barisan Nasional dan rakyat akan sentiasa kekal di hati orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong telah membuka sesi Parlimen ini dengan peringatan kepada semua agar mempertahankan Perlembagaan Negara. Tuanku juga bertitah mengenai kepentingan perpaduan kaum, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak jelas mengutamakan perpaduan semua kaum di negara ini. Ini terbukti dengan pelancaran konsep 1Malaysia serta program-program kerajaan yang melibatkan setiap kaum di Malaysia. Namun begitu, saya ingin bawa ke perhatian Dewan yang mulia ini akan wujudnya unsur-unsur sabotaj dalam pelaksanaannya. Sebahagian daripada isu ini timbul akibat perangai jentera pelaksana termasuk segolongan kakitangan kerajaan yang boleh diibaratkan seperti duri dalam daging.

Saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar memberi perhatian terhadap unsur-unsur sabotaj dalaman ini yang mampu menggugat kejayaan program 1Malaysia. Harapan saya janganlah kerana nila setitik rosak susu sebelanga... [*Tepuk*] Satu lagi punca kepincangan perkauman di negara ini. Timbulnya dari penggubal dasar polisi peraturan serta garis panduan kerajaan yang tidak konsisten dengan aspirasi kerajaan. Rata-rata masih wujud peraturan dan prosedur kerajaan yang gagal mencerminkan imej kerajaan yang adil dan saksama antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu jauh mencari contoh untuk perkara ini. Di dalam garis panduan pengurusan peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Yang Berhormat Senator, di bawah perkara No.7 dinyatakan projek atau program yang tidak dibenarkan. Di bawah seksyen 8, adalah projek keagamaan bukan Islam yang diimplementasikan pada tahun 1998. Garis panduan yang bersifat kontradiksi ini telah menarik perhatian saya sewaktu permohonan tanah selaku Senator untuk membaik pulih sebuah kuil di Negeri Sembilan telah ditolak dengan alasan tersebut. Sebagai Senator yang wakil parti MIC serta kaum India sudah tentulah rakyat mengharapkan saya untuk membantu urusan agama dan keperluan kuil-kuil Hindu.

Pada pendapat saya, prosedur atau peraturan seperti ini adalah tidak wajar untuk kematangan rakyat dan perkembangan demokrasi negara. Sudah tiba masanya untuk kita mengkaji dasar prosedur dan garis panduan yang tidak sesuai dengan keperluan semasa. Sekali

lagi saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar sebuah unit khas ditubuhkan untuk mengkaji peraturan dan prosedur kerajaan serta badan-badan berkanun secara menyeluruh dan meminda perkara-perkara yang tidak lagi relevan dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah bertitah mengingatkan rakyat agar terus menyokong program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan demi pembangunan pesat negara. Tidak dapat kita sangkal semenjak kemerdekaan, Kerajaan Barisan Nasional telah membangunkan negara dari sebuah negara pertanian yang miskin menjadi sebuah negara perindustrian yang maju, kaya dan terkenal di persada dunia. Sokongan rakyat yang padu kepada Barisan Nasional membolehkan pemimpin negara memberi tumpuan khusus kepada membangunkan negara dan memelihara kesejahteraan rakyat.

Namun, kerakusan kuasa dan ketamakan harta pelbagai pihak telah mengakibatkan pergolakan politik berlebihan yang secara langsung menggugat kesejahteraan negara. Jika suasana politik melampau ini berterusan, rakyat tentu sekali lagi akan jemu dan bosan. Perlu saya memperingatkan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini, rakyat hanya mahu melihat hasil keputusan dari inisiatif kerajaan yang boleh menjayakan hidup mereka serta menjamin masa depan yang cerah.

■1740

Maka, dengan rasa rendah diri yang ikhlas ingin saya memohon kepada rakan-rakan seperjuangan agar tidak lagi membazirkan masa bergelumang dalam kancah polemik politik yang hanya mampu membawa negara tercinta kita ke arah hancur dan jahanam. Marilah kita bersama-sama berganding bahu menumpukan usaha kepada hal-hal pembangunan negara, ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh kita nafikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pelbagai program transformasi demi kemakmuran negara dan rakyat. Pada masa yang sama perlu saya nyatakan bahawa masih ada lagi unsur-unsur negatif seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya yang memerlukan perhatian dan intervensi segera. Kejayaan kerajaan dalam memenangi isu-isu ini akan tentu sekali mengembalikan sokongan padu rakyat kepada kepimpinan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir dari Titah Duli Yang di-Pertuan Agong yang ingin saya sentuh adalah isu golongan muda yang menjadi harapan masa depan negara. Dua perkara penting yang dirunsingkan oleh golongan muda di negara ini adalah peluang pendidikan dan peluang pekerjaan. Setiap anak muda di negara ini harus dipastikan mendapat peluang saksama untuk membina masa depan masing-masing dalam menjayakan diri ke peringkat paling maksimum yang termampu.

Kerajaan harus memastikan sistem pendidikan negara memberi tumpuan kepada peningkatan ilmu, penguasaan bahasa, pembinaan sahsiah dan kemahiran insaniah. Setelah tamat zaman persekolahan, peluang pendidikan tinggi menjadi isu setiap tahun. Namun tidak juga penyelesaian yang mantap. Biasiswa kerajaan dan tempat di institusi pengajian tinggi awam harus

diberi kepada pelajar-pelajar yang terbaik tanpa mengira kaum dan secara telus. Jika kita masih enggan menerima realiti ini, anak-anak muda Malaysia yang terpelajar dan terbaik akan terus dicekup negara lain yang menjanjikan mereka peluang yang lebih baik.

Ini adalah hakikat yang jelas disedari oleh pihak *Talent Corp.* Malaysia yang telah melancarkan *Talent Roadmap 2020*, dengan izin, untuk menanganinya. Misi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi memang kena pada masa dan harus dipuji. Akan tetapi realiti pencapaiannya tidak begitu cerah jika isu pendidikan dan penyediaan modal insan tidak dilaksanakan dengan progresif. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya mengakhiri bahasan saya. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat- mengikut rekod saya di sini yang terakhir sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Chiew Lian Keng. Sebelum itu saya hendak tanya, ada lagi Yang Berhormat yang belum berucap dan ingin berucap? Tidak ada ya. Saya mempersilakan Yang Berhormat.

Tuan Chiew Lian Keng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi memberi saya peluang untuk menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Penggal Kelima Parlimen ke-12 di Dewan Negara Parlimen Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, titah baginda Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh tentang pentingnya pembaharuan melalui Gagasan 1Malaysia. Demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan imej negara di persada antarabangsa.

Melalui usaha Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara terus berada di landasan yang kukuh ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Walaupun dunia dilanda pelbagai kemelut politik dan ekonomi, negara kita tetap dan terus maju dengan pelbagai usaha pembaharuan. Kerajaan Barisan Nasional melalui pelaksanaan pelbagai insentif dan program transformasi yang telah menyumbang kepada daya saingan negara yang semakin meningkat dan menyediakan taraf kehidupan rakyat yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang di Titah oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, dasar transformasi nasional yang telah merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar telah mula membuah hasil untuk dinikmati rakyat. Saya ingin menyeru kepada rakyat negara kita supaya terus menyokong keteguhan dan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri demi dapat meneruskan segala usaha yang akan memanfaatkan rakyat dan negara.

Saranan dan seruan ini adalah bertujuan supaya rakyat memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum Ke-13 demi kesinambungan segala dasar yang memanfaatkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara yang berterusan. Mandat rakyat sangat penting kerana segala kejayaan negara pada hari ini tidak akan tercapai tanpa sokongan rakyat yang kukuh. Kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara yang berterusan tidak akan

menjadi realiti sekiranya adanya kemelut politik dan ekonomi yang menjejaskan segala usaha Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, dasar insentif jalur lebar negara yang telah mencapai tahap penembusan seluruh negara memang telah mengubah landskap dan infrastruktur negara kita di dalam daya persaingan pelbagai sektor. Akan tetapi peningkatan daya saingan ini haruslah diagihkan secara rata, secara meluas dengan tidak mengabaikan rakyat luar bandar. Kebanyakan kawasan luar bandar masih lagi tidak diliputi dengan kemudahan internet. Gejala ini amat ketara di kawasan pedalaman dan luar bandar negeri Sabah dan Sarawak. Pembangunan sektor ini akan lebih positif sekiranya negeri-negeri tertentu yang mempunyai agensi-agensi pengendalian pasaran jalur lebar lebih mesra rakyat dan mesra industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat penggunaan spektrum 2.6 gigahertz pada sembilan buah syarikat telekomunikasi untuk membangunkan spektrum generasi keempat ataupun 4G oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akan melambatkan tahap kemajuan sektor telekomunikasi. Syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Maxis, Digi, P1, Yes, REDtone dan U-Mobile masing-masing mendapat 20 megahertz. Manakala pendatang baru Puncak Semangat mendapat 30 megahertz serta AsiaSpace mendapat 10 megahertz.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan apa logik dan kayu ukur digunakan untuk membuat keputusan sebegini. Memang syarikat yang kukuh dan masa teknologinya tidak diperuntukkan dengan bahagian yang lebih memuaskan dari segi peluang ekonomi berskil. Juga setahu saya 10 megahertz yang dianugerahkan kepada syarikat adalah terlalu kecil untuk menjalankan sebarang *roll out* dan ianya langsung tidak dapat dipergunakan dari aspek teknologi telekomunikasi kecuali ia di jual, digabung ataupun di usaha samakan.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengamalkan keberkesanan jentera kerajaan tidak harus membuat sebarang kesilapan yang akan melambatkan atau menjejaskan pembangunan sesuatu sektor.

■1750

Spektrum adalah salah satu komuniti yang amat bernilai dan ianya harus ditawarkan melalui bidang terbuka. Dengan langkah ini, barulah syarikat telekomunikasi yang berkeupayaan dapat membangunkan teknologi 4G demi kemajuan sektor tersebut.

Penganugerahan ini oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mendatangkan kesan negatif kepada industri komunikasi. Keputusan SKMM telah menyebabkan kerugian di mana melalui bidang terbuka, spektrum tersebut dianggar sekurang-kurangnya bernilai RM3 bilion. Wang yang sepatutnya diperolehi daripada bidang terbuka ini adalah sumber wang kerajaan yang boleh digunakan untuk membangunkan infrastruktur industri telekomunikasi di seluruh negara.

Sektor pelancongan yang telah banyak menyumbangkan terhadap pembangunan negara dengan pertambahan pendapatan daripada pelancong asing dan domestik. Saranan Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya rakyat bersama-sama memainkan peranan dalam membudayakan sikap cintai kebersihan dan keindahan alam sekitar melalui Kempen 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean tepat pada masanya. Rakyat mesti menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demi dapat menarik lebih banyak pelancong dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Teknologi Hijau memang dialu-alukan oleh rakyat jelata. Akan tetapi, rakyat memerlukan lebih banyak maklumat mengenai segala usaha kerajaan di dalam aplikasi dan pembangunan teknologi hijau. Tanpa maklumat yang keseluruhan, rakyat beranggapan bahawa teknologi hijau seperti tenaga air dan pengurusan sisa pepejal ini kurang kena mengena terhadap kehidupan harian mereka. Misalannya seperti Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan ataupun *National Sewage Company* telah ditubuhkan tetapi apa fungsi agensi tersebut? Juga cadangan membina jana kuasa nuklear, mengapa ia diperlukan atau apa rasional yang sebenarnya? Saya berharap penjelasan dan maklumat yang mencukupi didedahkan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya mengekalkan kemudahan PTPTN dan terus memberikan bantuan kewangan kepada mahasiswa-mahasiswi tanpa mengira keturunan sama ada dari kolej dan di universiti swasta ataupun kerajaan. Saya menyeru supaya segala pinjaman PTPTN dijadikan biasiswa percuma kepada mereka yang dapat mencapai tahap keputusan pengajian yang cemerlang. Begitu juga kepada mereka yang gagal menyempurnakan pengajian mereka di dalam tempoh yang ditentukan dan tidak mencapai tahap keputusan yang memuaskan, batalkanlah segala kemudahan biasiswa ataupun pinjaman mereka. "*Ada pinjam, ada pulang*", adalah pepatah Cina yang bermaksud bagi mereka yang berhutang mestilah bayar balik dan selesaikan segala hutang. Kalau tidak, mereka pinjam lagi di bank untuk membeli rumah, kereta dan untuk kemewahan sendiri sahaja. Pembatalan pinjaman PTPTN hanyalah satu helah parti pembangkang demi mendapat sokongan golongan yang kurang minat mengikuti pengajian tinggi dengan segala kemudahan kewangan oleh Kerajaan Barisan Nasional... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menggubal Dasar Perumahan Negara tepat pada masanya, tetapi matlamat mulia untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, selesa dan mampu dimiliki mesti dikaji dengan teliti terutamanya harga rumah begitu tinggi di kawasan sekitar Kuala Lumpur. Golongan muda telah tidak dapat membeli sebarang rumah kediaman dengan purata harga rumah sebanyak RM500,000. Saya berharap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Pusat dapat mengkaji dan memperkenalkan beberapa program seperti Skim Rumah Pertamaku dan Perumahan Rakyat 1Malaysia yang lebih mesra rakyat demi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pusat hiburan di Kuala Lumpur telah dibanjiri dengan kedatangan warga asing yang bekerja sebagai PRO dan menjalankan aktiviti maksiat. Selaku ibu kota

sesebuah negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, polis dan pihak Imigresen harus mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sudah berkali-kali kami melalui pemerhatian mendapati bahawa banyak lagi pusat *cyber cafe* yang menjalankan aktiviti perjudian internet. Saya begitu hairan mengapa setakat ini pihak penguat kuasa tempatan tidak dapat mengambil sebarang tindakan yang berkesan membasmi aktiviti haram tersebut. Itu merupakan satu kegagalan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menyebabkan rakyat kurang keyakinan kepada kerajaan.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2012. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Maka Ahli-ahli Yang Berhormat semua, selesailah sudah perbincangan kita atas Usul Menjunjung Kasih atas Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bermula daripada hari Isnin, 23 April sehingga 26 April 2012 selama empat hari sehingga petang ini. Saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih di atas segala kerjasama dan kebijaksanaan semua Yang Berhormat berhubung dengan lebih lancar dan bertamadun lagi di Dewan yang mulia ini.

Seterusnya Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa mulai 2 Mei iaitu pada hari Rabu yang akan datang, wakil-wakil kementerian-kementerian akan mula memberi jawapan yang sewajarnya.

Di sini saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan ini, dalam masa yang singkat ini ada juga di antara kalangan kita Ahli Dewan ini akan tamat masa tempohnya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dan selamat terus berkhidmat kepada negara kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan meninggalkan Dewan yang mulia ini. Di samping itu juga, saya mendoakan Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus memberikan perkhidmatan yang baik demi untuk bangsa, agama dan negara.

Akhir sekali Yang Berhormat, sampailah masanya saya menyatakan bahawa Mesyuarat Dewan kita hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 2 Mei 2012. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.59 petang.